

**KETERLIBATAN REMAJA DALAM LUMBA HARAM  
DI DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK:  
KAJIAN DARIPADA PERSPEKTIF PEMBANGUNAN  
INSAN**

**MOHD AFIF BIN YAHYA**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2011**

**KETERLIBATAN REMAJA DALAM LUMBA HARAM  
DI DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK:  
KAJIAN DARIPADA PERSPEKTIF PEMBANGUNAN  
INSAN**

**MOHD AFIF BIN YAHYA**

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA USULUDDIN BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

## **PENGHARGAAN**

Syukur kepada Allah S.W.T kerana anugerah yang telah diberikan dapat juga menyiapkan desrtasi master ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pujian juga dipanjangkan kepada Baginda Muhammad S.A.W kerana telah mengorbankan diri semata-mata untuk menyebarkan dakwah Islamiah sehingga ianya berkembang dan dapat dinikmati dan dirasai sehingga kini.

Sekalung penghargaan buat penyelia iaitu Prof. Dr. Ab. Aziz Mohd. Zin yang banyak membantu dari memulakan desrtasi ini sehingga ianya dijilidkan. Tidak lupa kepada bapa; Yahya Abdullah dan ibu; Puziah Sulaiman yang banyak memberi semangat dan dorongan kepada penulis untuk terus belajar. Begitu juga kepada isteri tersayang Nurul Nasibah Mohd Zaini, adik-adik, (Arif, Affifah, Amin, Anuar, Masyitah, Azhar, Mad Nor, Anas), adik-adik ipar (Shahrul dan Zehar) dan juga kawan-kawan yang banyak membantu. Mudah-mudahan daya usaha ini dikira sebagai amal soleh, ilmu yang dapat dimanfaati demi untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertajuk *Keterlibatan Remaja Dalam Lomba Haram di Daerah Larut dan Matang, Perak: Kajian daripada Perspektif Pembangunan Insan*. Antara aspek yang dikaji di dalam kajian ini ialah teori perubahan sikap negatif remaja dari perspektif pembangunan insan. Kaitan pelumba haram di Daerah Larut dan Matang, Perak dengan aktiviti jenayah dan faktor-faktor remaja terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram ini menjadi fokus kajian. Seramai 42 orang remaja telah dijadikan sampel kajian, disamping beberapa orang informan utama telah ditemubual untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Melihat dari sudut kecenderungan remaja terlibat dalam aktiviti sosial ianya dikesan mempunyai dua daya tolak. Pertama; faktor dalaman, ianya dikaitkan dengan kekurangan iman, kurang aktiviti sosial dan pengisian anasir yang bertentangan dengan syariat. Kedua ialah faktor luaran, ianya dikaitkan dengan ibu bapa yang sibuk, kawan negatif, paparan negatif daripada media massa. Perkara ini menolak remaja sehingga terlibat dalam aktiviti negatif. Kajian ini juga mendapati adanya kaitan antara remaja lumba haram dengan aktiviti jenayah yang lain. Penglibatan remaja lumba haram dikaitkan dengan aktiviti jenayah di dapati berada di tahap sederhana, namun realitinya ia semakin bergerak laju ke arah yang lebih membimbangkan. Berdasarkan pemerhatian dan temubual, mendapati jenayah yang dilakukan bermusim seperti malam perayaan, sambutan hari kemerdekaan dan sambutan tahun baru. Dari sudut punca remaja terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram di Daerah Larut dan Matang, Perak mendapati bahawa didikan di sekolah lebih menekankan aspek sudut pengetahuan dan pencapaian akademik berbanding soal didikan. Ibu bapa pula kurang menekankan aspek keagamaan di dalam rumah, malah media massa turut menggalakkan remaja jauh dari agama dan kawan sebagai faktor pendorong remaja bertingkahlaku negatif. Keempat-empat faktor ini merupakan faktor pendorong remaja terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram di daerah Larut dan Matang, Perak.

## **ABSTRACT**

Objective of this study is to find the causes of adolescent involved in illegal racing motorcycle. This study was fully done in Daerah Larut & Matang, Perak. A total of 42 adolescent have been used as a sample in this study. In addition, some key informants were interviewed to obtain the necessary information. Writer used direct observation, conversation and questionnaire method in the location of the study. Besides, writer also uses police services to distribute questionnaire among subjects. Writer did some topic research via different means of media such as surfing the internet, browsing through newspaper, books and journals to get the exact and reliable information to complete this study successfully.

Finally, result of this study show there are two causes of involvement of adolescent in illegal racing motorcycle which can be categorized into inside and outside factors. Inside factor that play role here include lack of spiritual guidance, lack of beneficial social activities and ideology that opposite of *syariah*. Second factors; which is outside factor that contribute to this problem are negative influences by friends, mass media, and poor communication with parents. This study also justify there is a bit strong relationship of illegal racing motorcycle with criminal activities. Based on observation and conversation done, it show that rate of criminal reached the maximum level during any celebration day such as independence day and new year celebration day. Besides that, this study also revealed that there are four factors of involvement of adolescent in this illegal racing activity in Larut dan Matang, Perak. These four factors are the four group which play important role in development of negative behavior among adolescent which include school, parents, mass media and friends. Performance in academic become the main issue in school with negligence of their behavioral and spiritual guidance, lack of quality time and poor communication among family members especially parents, negative influence from mass media and friends contribute to social problem among adolescent.

## **ISI KANDUNGAN**

Muka Surat

PENGHARGAAN.....	i
ABSTRAK.....	ii
<i>ABSTRACT</i> .....	iii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	viii
SENARAI SINGKATAN.....	ix
TRANSLITRASI.....	xii

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Masalah Kajian .....	1
1.2 Persoalan Kajian .....	3
1.3 Objektif Kajian.....	3
1.4 Kepentingan Kajian .....	4
1.5 Definisi Tajuk .....	5
1.6 Skop Kajian.....	6
1.8 Ulasan Kajian Lepas.....	6
1.9 Metodologi Kajian.....	12
1.10 Sistematika Kajian.....	18

## **BAB 2: LANDASAN TEORI**

2.1	Pengenalan.....	20
2.2	Remaja.....	20
2.3	Kerosakkan ( <b>الفساد</b> ) dari kacamata al-Quran.....	25
2.4	Lumba Haram.....	30
2.5	‘Mat Rempit’ .....	31
2.6	Remaja dan Lumba Haram.....	33
2.7	Faktor-Faktor Yang Mendorong Remaja Terlibat Dalam Gejala Sosial.....	38
2.8	Kesimpulan.....	45

## **BAB 3: PERLUMBAAN HARAM DI DAERAH LARUT DAN MATANG**

3.1	Pengenalan.....	46
3.2	Daerah Larut dan Matang, Perak.....	46
3.2.1	Sejarah Daerah Larut dan Matang.....	46
3.2.2	Kawasan Daerah Larut dan Matang.....	47
3.3	Lokasi remaja berlumba haram di daerah Larut dan Matang, Perak.....	49
3.3.1	Depan Yawata.....	49
3.3.2	Jalan Air Kuning.....	50
3.3.3	Jalan Perusahaan Tupai.....	51
3.3.4	Depan Balai Bomba Taiping.. ..	51
3.3.5	Kolam Bukit Merah.. ..	52
3.3.6.	Highway Kamunting – Changkat Jering.. ..	53
3.3.8	Highway Kamunting – Bukit Merah... ..	54
3.4	Perlumbaan Haram Di Daerah Larut Dan Matang, Perak.....	55

3.4.1	Kronologi Pelumba Haram.....	55
3.4.2	Lingkungan Umur Yang Aktif Berlumba.....	55
3.4.3	Kategori Pelumba Haram .....	56
3.4.4	Aktiviti Pelumba Haram.....	58
3.4.5	Aksi Pelumba Haram.....	59
3. 5	Kaitan Pelumba Haram dengan Kesalahan Jenayah di Daerah Larut Dan Matang, Perak.....	63
3.5.1	Kaitan Dalam Jenayah Mencuri.....	64
3.5.2	Kaitan Pelumba Haram Menyertai Kumpulan Lumba Haram.....	66
3.5.3	Kaitan Pelumba Haram terlibat dengan Jenayah Mengugut.....	67
3.5.4	Kaitan Pelumba Haram teribat dengan Hadiah Wanita.....	68
3.5.5	Kaitan Pelumba Haram dengan Pertaruhan Wang.....	69
3.5.6	Kaitan Pelumba Haram dengan Berjaga Malam Di Hujung Minggu.....	70
3.5.7	Kaitan Pelumba haram dengan aktiviti Melepak .....	71
3.5.8	Kaitan Pelumba Haram dengan Menganggur.....	72
3.5.9	Kaitan Pelumba Haran dengan Mengambil Bahan Yang Memabukkan.....	73
3.5.10	Kaitan Pelumba Haram dengan Pelumba Perempuan.....	74
3.5.11	Kaitan Pelumba Haram dengan Memiliki Teman Wanita.....	75
3.5.12	Kaitan Pelumba Haram dengan Jenayah Zina.....	77
3.5.13	Kesimpulan.....	78

**BAB 4: FAKTOR-FAKTOR REMAJA TERLIBAT DALAM PERLUMBAAN  
HARAM DI DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK**

4.1 Pengenalan.....	79
4.2 Demografi.....	79
4.3 Faktor-faktor remaja terlibat dalam aktiviti lumba haram di Daerah Larut dan Matang, Perak.....	83
4.3 (a) Faktor Ibu Bapa.....	83
4.3 (b) Faktor Akademik.....	87
4.3 (c ) Faktor Rakan Sebaya.....	91
4.3 (d) Faktor Media Massa.....	99
4.4 Kesimpulan.....	99

**BAB 5 PENUTUP**

5.1 Pendahuluan.....	100
5.2 Hasil Kajian.....	100
5.3 Cadangan.....	105
5.4 Kesimpulan.....	110

<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	111
<b>LAMPIRAN .....</b>	126

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 3.1 Keluasan Mukim Daerah Larut dan Matang, Perak.....	48
Peta 3.2: Lokasi perlumbaan haram di depan Yawata.....	49
Peta 3.3: Lokasi perlumbaan haram di Air Kuning, Taiping.....	50
Peta 3.4: Lokasi perlumbaan haram di jalan Perusahaan Tupai.....	51
Peta 3.5: Lokasi perlumbaan haram di depan Balai Bomba, Taiping.....	52
Peta 3.6: Lokasi perlumbaan haram di Kolam Bukit Merah.....	52
Peta 3.7: Lokasi perlumbaan haram di highway kamunting-Changkat Jering.....	53
Peta 3.8: Lokasi perlumbaan haram di highway kamunting-Bukit Merah.....	54
3.9 Kaitan pelumba haram dengan aktiviti jenayah.....	63
Jadual 4.1 Tempat tinggal.....	79
Jadual 4.2 Umur.....	80
Jadual 4.3 Pekerjaan.....	80
Jadual 4.4 Pekerjaan bapa.....	81
Jadual 4.5 Pekerjaan Ibu.....	82
Jadual 4.6 Hak Milik Motosikal.....	82
Jadual 4.7: Faktor Ibu bapa.....	83
Jadual 4.8: Faktor Akademik.....	84
Jadual 4.9: Faktor Rakan Sebaya.....	92
Jadual 4.10: Faktor Media massa.....	95
Jadual 4.11 Siaran Radio Kegemaran .....	97
Jadual 4.12 Siaran televisyen kegemaran.....	98

## **SENARAI SINGKATAN**

APIUM	: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
c.	:Cetakan
Dr.	:Doktor
<i>Ed.</i>	:Editor, penyunting
<i>et. al</i>	: <i>et alibi</i> , Bilangan pengarang lebih daripada seorang
h.	:Halaman
hj.	:Haji
<i>ibid</i>	: rujukan yang sama seperti sebelumnya
<i>op. cit</i>	: <i>opere citato</i> , pada bahan yang dirujuk, sama seperti <i>loc. cit.</i> Tetapi pada halaman yang berlainan. Halaman yang berkenaan perlu dinyatakan
<i>j.</i>	:Jilid
<i>h.</i>	:Halaman
<i>c.</i>	:cetakan
Ltd.	:Limited
S.A.W	: ﷺ
S.W.T	:Subḥānāhūwata'ālā
(t.t.)	:Tanpa tarikh
UMNO	: United Malayan National Organisation
OHP	: Overhead Projector
LCD	: Liquid Crystal Display

JPJ	: Jabatan Pengangkutan Jalan
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
PMR	: Penilaian Menengah Rendah
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
KFC	: Kentucky Fried Chicken
JKKK	: Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
PERKID	: Pertubuhan Kebajikan Darul Islah, Selangor.
UiTM	: Universiti Teknologi Mara
MBSA	: Majis Bandaraya Shah Alam
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia
YADIM	: Yayasan Dakwah Islam Malaysia
SPSS	: <i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SABK	: Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

## TRANSLITRASI

### 1. Konsonan

HURUF ARAB	NAMA DAN TRANSKIPSI
ا، ئ	a, ' ( Hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ي	y
ة	h

### 2. Vokal

Vokal pendek	Transliterasi
- (Fathah)	a
- (Kasrah)	i
- (Dammah)	u

Vokal panjang	Transliterasi
أ/إ	ā
ي	ī
و	ū

### 3. Diftong

Diftong	Transliterasi	Diftong	Transliterasi
و —	aw	قوْلُ	Qawl
ي —	ay	خَيْرٌ	Khayr
و —	uw/w	فُوَّةٌ	Quwwah
ي —	iy/i	عَرَبِيٌّ	‘arabiyy/i

### 4. Contoh penggunaan pedoman transliterasi

4.1 “أ” (alif) dan ”و“ (wāw) sebagai vokal tidak perlu digantikan dengan sebarang huruf rumi, Contoh:

أولنڭ	Ulā’ik
قالوا	Qālū
جعلوا	Ja‘alū
سمعوا	Isma‘ū

4.2 Tanda (-) mewakili vokal a panjang yang dimansuhkan, Contoh:

ابراهيم	Ibrāhīm
موسى	Mūsā
سلیمان	Sulayman
عیسی	‘Īsā

4.3 “أ” (alif) jika digunakan sebagai vocal panjang ditransliterasikan sebagai a, Contoh:

قال	Qāl
رضا	Riḍā

**قاري** Qārī

4.4 Huruf " و " (wāw) yang ditransliterasikan sama ada di awal kata, ditengah kata atau di akhir kata ditulis sebagai berikut, Contoh:

a. Di awal

**ويل** Wayl

**وقف** Waqf

b. Di tengah

**حول** Ḥawl

**سقف** Saqf

**عوض** ‘Iwad̄

c. Di Akhir

**دلو** Dalw

**لو** Law

4.5 Huruf " و " (wāw) yang berfungsi sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai u.

Contoh:

**صورة** Ṣūrah

**سورة** Sūrah

**وقف** Wuqūf

**ذو** Dhū

**كлюا** Kulū

4.6 Huruf "و" (wāw) yang berfungsi sebagai diftong ditransliterasikan sebagai *aw*.

Contoh:

أولى Awlā

أوحي Awḥā

أوج Awj

خوف Khawf

نوم Nawm

4.7 Huruf "ي" (yā') ditransliterasikan sebagai *y*. Contoh:

يوم Yawm

يحيٰ Yahyā

ويل Wayl

عين 'Ayn

وحي Wahy

قصى Quṣay

4.8 Huruf "ي" (yā') yang mewakili vokal panjang ditransliterasikan sebagai *ī*. Contohnya:

إيمان Īmān

إيلاء Īlā'

قيل Qīl

في Fī

4.9 Huruf "ي" (yā') yang merupakan sebahagian daripada diftong ditransliterasikan

sebagai *ay*. Contoh:

إِيْنَمَا	Aynamā
قَيْوَمُ	Qayyūm
عَيْنَى	Aynay
نَائِى	Nāy

4.10 “ى” (alif maqṣūrah) yang berfungsi sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai

a. Contoh:

عِيسَىٰ	‘Isā
صَغْرٌ	Sughrā
مَأْوَىٰ	Ma’wā

4.11 “ء” (Hamzah) yang terdapat di awal kata sama ada berbunyi (a), (i), (u)

ditransliterasikan mengikut bunyi. Contoh:

أَبْرَارٌ	Abrār
إِنْ	Inna
أُمِرْتُ	Umirtu
أَنْسٌ	Uns

4.12 “ء” (Hamzah) yang mati atau hidup yang terletak dibelakang konsonan atau diftong

pada sesuatu kata dilambangkan sebagai koma atas ( ’ ). Contoh:

الْمَسْنَلَةُ	al-Mas’alah
الرَّأْيُ	Al-Ra’y
كَبَائِرُ	Kabā’ir
مَلَاءُ	Malā’

## خطىء Khaṭī'

4.12 “اً” Maddah, *Alif Maddah* (اً) yang terdapat pada awal atau di tengah kata hendaklah ditransliterasikan sebagai *a*. Contoh:

القرآن al-Qur'ān

مأب Ma'ābā

أمنين Āminīn

4.13 *Syaddah* di atas huruf ”و“ (wāw) yang terletak di belakang konsonan *fathah* dan mewakili diftong serta konsonan hendaklah ditransliterasikan sebagai *aww*. Contoh:

تَوَّاب Tawwāb

صَوْر Sawwar

4.14 *Shaddah* di atas (wāw) yang terletak di belakang konsonan ”و“ (*dhammah*) dan sebagai vokal panjang dan konsonan, maka hendaklah ditransliterasikan sebagai *ww*. Contoh:

قُوَّة Quwwah

4.14 *shaddah* diatas huruf ”ي“ (yā') yang terletak dibelakang konsonan *kasrah* di tengah kata yang merupakan gabungan vocal panjang dan konsonan, ي ditransliterasikan sebagai *yy*. Contoh:

العَرَاقِيَّة al-‘Irāqiyah

السَّعُودِيَّة al-Sa‘ūdiyah

4.15 *Shaddah* diatas huruf ي (yā') yang terletak dibelakang konsonan *kasrah* di akhir kata ditransliterasikan sebagai *iylī*. Contoh:

العَرَبِيُّ al-'Arabiyyī

النَّبِيُّ al-Nabiyī

4.16 *Shaddah* diatas huruf ي (yā') yang terletak dibelakang konsonan atau vocal *fathah* yang berfungsi sebagai diftong dan konsonan hendaklah ditransliterasikan sebagai *ayy*. Contoh:

سَيِّدَةٌ Sayyidah

أَيَّامٍ Ayyām

حَيْ Hāyy

غَيْ Ghayy

4.17 *Shaddah* di atas huruf yang menunjukkan penggandaan. Contoh:

رَبَّنَا Rabbanā

إِنَّا Innā

ثُمَّ Thumma

كَشَافٌ Kashshāf

4.18 "الْأَلْفَاظُ الْمَكْيَيَّةُ" (*Alif Lām*) ditransliterasikan sebagai *al* yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan menggunakan tanda sempang (-). Contoh:

الْفَتْوَحَاتُ الْمَكْيَيَّةُ al-Futūḥāt al-makkiyyah

الْإِمْتِنَانُ al-Imtiḥān

الْأَصْلُ al-Aṣl

4.19 Huruf besar, Dalam system penulisan transliterasi yang menggunakan huruf besar disesuaikan menurut *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu*, kecuali bagi kes *al.*

Contoh:

سیدنا محمد Sayyidunā Muḥammad

أبو بکر الصدیق Abū Bakr al-Šiddīq

ابو الحسن Abū al-Hasan

الندوی al-Nadawi

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 MASALAH KAJIAN**

Antara masalah sosial yang membimbangkan masyarakat Malaysia pada hari ini ialah perlumbaan haram. Pelbagai agensi berusaha membanteras masalah sosial ini namun kesemuanya menemui jalan buntu. Media massa di Malaysia terutamanya akhbar tempatan banyak melaporkan masalah tersebut. Misalnya pada pertengahan tahun 2006, Pemuda UMNO Malaysia mengadakan aktiviti konvoi beramai-ramai untuk Mat Rempit, malangnya golongan ini mengambil kesempatan untuk berlumba sehingga merisaukan pihak pengawal.<sup>1</sup>

Begini juga dengan pihak polis yang hampir setiap minggu mengadakan sekatan jalan raya bagi membanteras aktiviti perlumbaan haram, namun aktiviti ini dilihat tidak berkurangan malah golongan ini semakin berani mengugut dan mencederakan pihak berkuasa.<sup>2</sup>

Aktiviti ini bukan sahaja dipelopori oleh remaja lelaki, malahan penglibatan remaja perempuan juga dilihat meningkat. Perkara ini didedahkan oleh seorang bekas Minah Rempit yang kini ditempatkan di sebuah pusat pemulihan swasta iaitu di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah (PERKID), Selangor. Beliau juga mendedahkan bahawa gadis yang menyertai kumpulan perlumbaan haram kebanyakannya sudah diperkosa oleh

---

<sup>1</sup> *Utusan Malaysia*, 12 Oktober 2006:6, “Perhimpunan Mat Rempit ditangguh”. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 23 September 2006:6, “Perhimpunan 50,000 Mat Rempit diteruskan”.

<sup>2</sup> *Harian Metro*, Khamis 6 September 2007: 7, “Remaja tikam dada polis: Rempuh anggota polis selepas dilihat dalam keadaan mencurigakan dalam rondaan cegah jenayah”.

lelaki kerana terpaksa menjadi hidangan para pelumba yang memenangi satu-satu perlumbaan.<sup>3</sup>

Selain Minah Rempit, pelajar sekolah juga dikatakan ramai yang menyertai aktiviti perlumbaan haram motorsikal. Golongan ini bukan sahaja berlumba di atas jalan raya, malahan terlibat dalam salah laku sosial lain seperti mencuri dan memperkosa wanita.<sup>4</sup>

Apa yang merisaukan masyarakat Malaysia hari ini ialah aksi-aksi Mat Rempit menjadi ikutan dalam kalangan kanak-kanak yang masih mentah. Kanak-kanak ini yang rata-ratanya masih bersekolah rendah mampu melakukan aksi-aksi yang membahayakan seperti whillie, wikang dan seret helmet.<sup>5</sup>

Golongan ini seolah-olah tidak serik berlumba, ini berdasarkan paparan di dalam akhbar-akhbar tempatan yang melaporkan terdapat kes yang melibatkan remaja ditangkap beberapa kali atas kesalahan yang sama. Selain itu, terdapat remaja yang sebelumnya mengalami kecederaan yang serius, tetapi masih melibatkan diri dalam aktiviti perlumbaan haram. Apa yang menghairankan kita ialah ada diantara remaja yang sudah berumah tangga tetapi masih berminat untuk terlibat dalam perlumbaan haram.<sup>6</sup>

---

<sup>3</sup> *Harian Metro*, Selasa 1 Mei 2007:4, “Gadis berani mati”.

<sup>4</sup> *Harian Metro*, 2 Ogos 2007:18, “5 pelajar rela tubuh ‘diratah’”.

<sup>5</sup> Video aksi Mat Rempit Junior, [http://www.youtube.com/watch?v=W7wHVNID\\_Hw](http://www.youtube.com/watch?v=W7wHVNID_Hw), Lihat juga <http://www.youtube.com/watch?v=nOtYv2-OSEQ&feature=related>

<sup>6</sup> *Berita Harian*, Isnin, 10 Disember 2007:22. “82 terbabit lumba haram: Pasangan suami isteri, remaja antara ditahan polis dalam operasi 3 jam”.

Aktiviti ini bukan sahaja melibatkan kepantasan dan kemahiran melakukan aksi-aksi yang mencabar, malahan aktiviti ini dikaitkan juga dengan masalah sosial lain seperti pergaulan bebas, penggunaan pil khayal, memukul dan muncuri<sup>7</sup>.

Jelasnya di sini bahawa remaja yang terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram membawa kepada tingkahlaku yang negatif. Jika keadaan moral dan keruntuhan akhlak berterusan di kalangan remaja, impian untuk mencapai sebuah negara maju dan berwawasan menghadapi masalah yang besar. Justeru, untuk mengatasi masalah ini punca-punca penglibatan remaja dalam aktiviti perlumbaan haram perlu di kenalpasti agar langkah-langkah yang drastik dapat diambil. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti punca-punca remaja terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram.

## 1.2 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan yang akan dijawab di akhir kajian ini ialah:

1. Apakah teori perubahan sikap negatif remaja dari perspektif pembangunan Insan?
2. Adakah remaja lumba haram di Daerah Larut dan Matang, Perak mempunyai kaitan dengan kesalahan jenayah lain?.
3. Apakah yang mendorong remaja di daerah Larut dan Matang, Perak terlibat dalam perlumbaan motosikal secara haram?

## 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui tentang teori perubahan sikap negatif remaja dari perspektif pembangunan Insan.

---

<sup>7</sup> *Harian Metro*, Khamis, 6 September 2007:2 “Anak curi motor, bapa tutup mata”.

2. Mengetahui kaitan remaja lumba haram di Daerah Larut dan Matang, Perak terlibat dengan kesalahan jenayah lain.
3. Mengenal pasti faktor-faktor remaja terlibat dalam lumba haram khususnya di daerah Larut dan Matang, Perak.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Jika kita lihat mengenai permasalahan kajian ini, secara jelas ianya membawa remaja kepada kebinasaan hidup. Mereka bukan sahaja sanggup berjaga malam beradu kelajuan motosikal, malahan dikaitkan juga dengan kesalahan jenayah lain seperti mencuri komponen motosikal, mengugut, menyalahi undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dan ada juga ada yang melibatkan tawaran hadiah wanita.

Adakah kita ingin biarkan remaja kita berterusan terlibat di dalam negatif ini?. Sudah tentu jawapannya tidak. Justeru itu, peranan bagi mengeluarkan diri remaja terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram ini amat penting dalam usaha memastikan remaja kita bebas terlibat dalam aktiviti negatif. Dalam masa yang sama remaja mengetahui tanggungjawab mereka cukup besar iaitu membina diri, keluarga, bangsa dan juga agama. Oleh itu, kajian ini secara khusus mengkaji faktor-faktor keterlibatan remaja di dalam aktiviti perlumbaan haram. Penyelidik sengaja memilih remaja Melayu luar bandar sebagai fokus kajian bagi mengetahui punca sebenar remaja Melayu yang beragama Islam dan juga luar bandar yang terkenal dengan budaya sopan santun terlibat di dalam aktiviti negatif. Punca penglibatan mereka dijadikan objektif kajian.

## **1.5 DEFINISI TAJUK**

**Remaja:** Remaja di dalam kajian ini menfokuskan kepada remaja yang terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram. Golongan ini berada dalam lingkungan umur 13 hingga 25 tahun.

**Lumba Haram:** Lumba bermaksud bertanding, berlawan, bersaing.<sup>8</sup> Perlumbaan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah perlumbaan motosikal. Manakala Haram bermaksud ditegah (terlarang) oleh undang-undang, tidak sah disisi undang-undang.<sup>9</sup> Lumba haram yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah perlumbaan motosikal yang tidak sah di sisi undang-undang di negara Malaysia.

**Perspektif** bermaksud cara pelukisan (penggambaran ) sesuatu benda, Pandangan yang wajar bukan sesuatu dengan perkiraan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhan.<sup>10</sup> Perspektif yang dimaksudkan di sini ialah sudut pandang.

**Pembangunan Insan:** Pembangunan bermaksud proses membangun, mencapai kemajuan, perkembangan. Usaha atau kegiatan membangunkan sesuatu.<sup>11</sup> Manakala insan pula membawa maksud makhluk yang diciptakan oleh Allah swt yang tidak terlepas daripada kealpaan.<sup>12</sup>

Penggabungan dua perkataan ini membawa maksud membangunkan diri manusia agar tidak leka, lalai dan alpa. Kedua-dua perkataan ini juga menyedarkan manusia akan

---

<sup>8</sup> Zainal Abidin Safarwan (Hj.), *Kamus besar Bahasa Melayu Utusan*, c. 1, Kuala Lumpur: Bahasa Melayu Utusan, h. 1085.

<sup>9</sup> *Kamus Dewan* (2007), edisi ke-4, c. 2, Selangor: Dawama Sdn. Bhd, h.512.

<sup>10</sup> *Ibid*, h.1194.

<sup>11</sup> *Ibid*, h.123.

<sup>12</sup> *Ibid*, h.581.

tanggungjawab mereka sebagai khalifah iaitu ketua dimuka bumi.<sup>13</sup> Jika manusia mengabaikan tanggungjawab sebagai khalifah, keadaan hidup mereka seakan-akan seperti haiwan malahan lebih rendah.<sup>14</sup> Melihat dari sudut perspektif pembangunan insan, kajian ini menfokuskan kepada punca-punca remaja terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram, kajian ini menjadikan Daerah Larut dan Matang, Perak sebagai lapangan kajian dan menjadikan remaja Melayu Muslim sebagai responden kajian. Justeru, faktor-faktor yang mendorong remaja Melayu Muslim luar bandar terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram menjadi permasalahan dan juga fokus kajian. Mengenalpasti faktor-faktor merupakan usaha mengembalikan jati diri remaja melayu muslim luar bandar kearah yang lebih baik dan ianya sebahagian daripada pembangunan insan.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Fokus kajian ini adalah terhadap perlumbaan haram motosikal sahaja. Kajian ini tertumpu sekitar 1 Januari 2008 hingga 1 Januari 2010. Kawasan yang menjadi tumpuan di dalam kajian ini ialah di Daerah Larut dan Matang, Perak. khususnya di kawasan Kampung Pinang, Bukit Jana, Kampung Expo, Kampung Air Puteh, Taman Kaya, Kampung Pak Dollah, Tekah, dan kawasan Tupai. Kajian ini juga tertumpu kepada remaja lelaki berbangsa Melayu yang beragama Islam. Melihat dari perspektif pembangunan insan, ianya menfokuskan kepada faktor-faktor remaja melayu muslim luar bandar terlibat dalam perlumbaan motosikal secara haram.

## **1.8 ULASAN KAJIAN LEPAS**

Hasil dari penyelidikan mendapati kajian yang melibatkan remaja dan masalah yang berkaitan dengannya ada dijalankan samaada dalam bentuk buku, latihan ilmiah, dan

---

<sup>13</sup> Lihat surah al-Baqarah (1): 21, dan al-Zariyat (51): 56.

<sup>14</sup> Lihat surah al-A'raf (7): 179, al-Furqan (25): 43-44 dan al-Munafiqun (63): 4.

jurnal-jurnal pendidikan. Sungguhpun kajian yang melibatkan remaja telah banyak dijalankan namun penyelesaiannya masih belum berkesan. Walaubagaimanapun, kajian yang berkaitan dengan remaja terlibat dalam lumba haram agak terhad dan perlu diperluaskan kajiannya.

Rabaah Abdullah mengkaji berkaitan masalah sosial di kalangan remaja dari sudut jenayah yang di lakukan oleh golongan tersebut, tinjauan khusus di Bandar Ipoh, Perak. Hasi kajian yang dijalankan beliau menyenaraikan faktor-faktor yang menyebabkan remaja terlibat dengan jenayah iaitu suasana, dorongan sosial, dorongan keluarga dan pengaruh media. Dalam kajian ini beliau telah mengemukakan cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan untuk mengatasi masalah tersebut.<sup>15</sup>

Mohd Idham Mat Nong (2001), dalam latihan ilmiah *Masalah dan penyelesaian Jenayah Remaja Menurut Islam: Satu Kajian khusus di Kuala Terengganu*. Beliau meletakkan ibu bapa sebagai puca utama terhadap fenomena yang berlaku, ibu bapa yang gagal memberi didikan kepada anak-anak, ibu bapa kurang memberi perhatian dan kasih saying dan tidak mengambil tahu tentang rakan sebaya anak-anak remaja yang menjadi rakan karib mereka. Ibu bapa tidak pernah bertanya dengan siapa anak remaja mereka berkawan dan ke manakah mereka pergi.<sup>16</sup>

Dalam kajian ilmiah Mashaliza Masdar, *Penglibatan Remaja Dalam Sosial: Penyelesaian Menurut Hukum Syarak*, Beliau telah menyenaraikan gejala yang dilakukan seperti pil khayal, perlumbaan haram, *Black Metal*. Menurut beliau

---

<sup>15</sup> Rabaah Abdullah (2001), “Masalah sosial di kalangan remaja : satu kajian kes jenayah di Ipoh Perak” (Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Program Pengajian Islam, Universiti Malaya). h.178.

<sup>16</sup> Mohd Idham Mat Nong (2001), “Masalah dan penyelesaian jenayah remaja menurut Islam: suatu kajian khusus di-Kuala Terengganu”, (Latihan Amali, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Program Pengajian Islam, Universiti Malaya). h.167.

penyelesaian boleh diambil melalui solat yang dilakukan. Melalui sistem pendidikan Islam dan ibu bapa perlu memainkan peranan yang sewajarnya. Remaja juga perlu mengambil inisiatif menghindari dari terjebak kepada permasalahan tersebut.<sup>17</sup>

Madiha Hambali, dalam tesis sarjana *Penyalahgunaan dadah dikalangan remaja Islam: Suatu Kajian di Selangor* dalam kajiannya beliau telah menjelaskan dengan panjang lebar tentang sejarah dadah, punca dan penyelesaian dengan permasalahan yang dikaji.<sup>18</sup>

Kajian ilmiah yang dilakukan oleh Zuraida binti Aziz seakan sama dengan kajian penyelidik. Beliau mengkaji tentang masalah lumba haram di kalangan remaja dan berpendapat fenomena ini merupakan satu masalah sosial yang perlu di atasi dengan cara yang berehemah. Hal ini kerana ia merupakan titik tolak kepada masalah sosial yang lain. Hasil kajian beliau, individu yang terlibat dengan permasalahan ini memiliki jenis personaliti yang tertentu dan dengan personaliti ini juga telah mendorong seseorang untuk melibatkan diri dengan permasalahan ini. Mereka juga adalah berani dalam menunjukkan aksi yang berbahaya kepada orang ramai. Banyak faktor yang menyebabkan mereka melibatkan diri dengan permasalahan lumba haram seperti sekadar suka-suka, melepaskan tekanan, kebosanan, dan juga ekoran dari cabaran rakan. Beliau juga berpandangan remaja luar bandar lebih ekstrim berbanding remaja bandar.<sup>19</sup>

---

<sup>17</sup> Mashaliza Masdar (2002), “Penglibatan remaja dalam gejala sosial : penyelesaiannya menurut hukum syarak” (Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Program Pengajian Islam, Universiti Malaya). h.121-125.

<sup>18</sup> Madiha Hambali (2001), “Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Remaja Islam: Kajian diSelangor” (Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya). h.132-165.

<sup>19</sup> Zuraida binti Aziz (2009), “Masalah Lumba Haram di Kalangan remaja”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains dan Sosial, Universiti Malaya). h.145-150.

Apa yang dibentangkan di atas adalah terdiri daripada latihan ilmiah dan tesis yang berkaitan dengan remaja secara umum tanpa menfokuskan penglibatan mereka kepada perlumbaan haram di kalangan remaja di luar Bandar. Cuma Zuraida Aziz telah menyentuh tentang masalah lumba haram namun penyelesaiannya dilihat dari kacamata psikologi berbanding penyelidik lebih mengkaji dari sudut perspektif agama.

Dr. Hassan Ali, memberikan garis panduan kepada ibu bapa dalam mendekati anak-anak remaja dalam bukunya *Kaedah Mendidik Remaja: Peranan Ibu Bapa*. Remaja perlu diberikan pendidikan berterusan samada pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Pendidikan tidak formal di jalankan oleh keluarga melalui kerjasama semua pihak dalam komuniti tersebut. Peranan utama dalam pendidikan formal dimainkan oleh pihak guru.<sup>20</sup>

Ibrahim Mamat membahagikan remaja kepada dua remaja bersekolah dan remaja yang tidak bersekolah dalam bukunya yang berjudul *Memimpin Remaja Bersekolah: Teori dan Praktik*. Menurut beliau cara menangani masalah antara kedua golongan ini adalah berbeza iaitu guru-guru terutamanya terpaksa berkerja keras bagi menyelesaikan masalah umum dan masalah khusus yang semakin mencabar. Mereka bukan sahaja terpaksa mencari jalan untuk mengatasi segala keranah yang timbul tetapi juga perlu memastikan matlamat utama pendidikan untuk membangunkan diri remaja itu terlaksana. Mereka perlu melihat dan mengkaji pelbagai-pelbagai pandangan untuk mendapatkan pendekatan yang paling baik dan berkesan.<sup>21</sup>

---

<sup>20</sup> Hassan Ali (Dr.) (1999), *Kaedah Mendidik Remaja dalam Keluarga: Peranan Ibu bapa*. Kuala Lumpur: Sabha Service Sdn. Bhd. h. 45.

<sup>21</sup> Ibrahim Mamat (1998), *Memimpin Remaja Sekolah: Teori dan Praktikal*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd. h. 35.

Rozmi Ismail melakukan dua kajian penting yang berkaitan dengan perlumbaan haram di dua kawasan yang berbeza, kajian pertama di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Kelang, khususnya di jalan Raja Laut, Jalan Ipoh, Jalan Kucing, Cheras, Klang, dan Jalan Tunku Abdul Rahman. Manakala kajian kedua beliau membahagikan Zon Utara Semenanjung Malaysia, meliputi negeri Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah. Kajian beliau tertumpu ke arah faktor-faktor keterlibatan dalam perlumbaan haram, iaitu dari sudut psikologikal dan sosiologikal. Faktor psikologikal tertumpu kepada *Self-esteem*, dan kawalan desakan *Id*, manakala faktor sosiologikal terarah kepada faktor keluarga, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media, dan pengaruh ganjaran.<sup>22</sup>

Dua aspek psikologikal yang dikaji mempunyai perhubungan yang positif dengan kekerapan keterlibatan dalam perlumbaan haram. Manakala aspek sosiologikal mendapati kesemua faktor yang dikaji menjadi pendorong utama keterlibatan pelumba kecuali keadaan keluarga yang didapati kurang mempengaruhi penglibatan pelumba dalam perlumbaan haram.

Perbezaan kajian yang dilakukan oleh Rozmi Ismail dengan penyelidik ialah beliau mengkaji pelumba secara umum, ini termasuk bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa. Lokasi kajian beliau begitu luas meliputi wilayah Kuala Lumpur, Lembah Klang, dan Utara Semenanjung. Ini berbeza dengan apa yang ingin dikaji oleh penyelidik iaitu menfokuskan kepada remaja lelaki Muslim berbangsa Melayu. Penyelidik lebih menfokuskan kajian terhadap perspektif pembangunan insan dari sudut keagamaan berbanding Rozmi Ismail yang lebih banyak menekankan dari aspek psikologikal.

---

<sup>22</sup> Rozmi Ismail (2005), “Perlumbaan Motosikal Haram: Kajian Di Beberapa Lokasi Perlumbaan Haram” (Kertas Projek, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia). h.7

Sayed A. Rahman Sayed Mohd turut menymbang idea dalam menangani kemelut gejala sosial dikalangan remaja dalam jurnal kebajikan, Antara sumbananya ialah beliau telah membincangkan tentang sejarah penubuhan institusi yang terlibat secara langsung dalam menangani masalah ini iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam penulisan ini beliau juga telah memuatkan statistik jabatan itu berkaitan kes gejala sosial yang dilakukan golongan remaja bagi tahun 1970, 1980 dan 1995.<sup>23</sup>

Idris Awang dalam Jurnal Usuluddin bil. 5 Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya mengulas tentang kelakuan seks dikalangan remaja khususnya remaja melayu berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Siti Aliah Ismail dalam latihan Ilmiah yang bertajuk *Hubungan Seks Bebas Di Kalangan Remaja Melayu: Punca Dan Penyelesaiannya Dari Perspektif Islam*. Responden dalam kajian ini merangkumi semua peringkat remaja dari awal remaja hingga akhir remaja samada masih bersekolah ataupun tidak. Sampel yang dipilih seramai 115 orang yang terdiri dari 47 orang lelaki dan 68 orang remaja perempuan. Hasil kajian ini mendapati 54.78 % responden pernah melakukan seks bebas bersama pasangan sementara bakinya tidak pernah, 77 orang daripadanya mengakui kawan rapat mereka pernah melakukan perbuatan tersebut.<sup>24</sup>

Mohamad Nasir Saludin dan Noreha Mohamed Yusof dalam buku *keluarga, Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia*, membuat perbandingan kes remaja yang bersekolah dan tidak bersekolah dalam aktiviti jenayah mereka. Didapati bahawa remaja yang tidak bersekolah lebih banyak terlibat dengan aktiviti jenayah berbanding remaja yang masih

---

<sup>23</sup> Sayed A. Rahman (1996), “Masalah Sosial di Kalangan Remaja dan Tindakan yang perlu dilakukan Pelbagai Pihak”, *Jurnal Kebajikan*, Jil. 18, Bil. 2. h. 56.

<sup>24</sup> Idris Awang (1996), Latihan Ilmiah Fakulti Syariah, *Jurnal Usuluddin*, bil. 5, Dis. 1996, h. 76.

bersekolah. Selain itu, beliau juga mengemukakan pandangan tentang punca masalah sosial remaja dan bagaimana cara mengatasinya.<sup>25</sup>

Secara umumnya, kajian sebelum ini tidak memberi perhatian secara khusus kepada keterlibatan remaja dalam perlumbaan haram terutamanya dari perspektif pengajian Islam. Justeru dalam kajian ini, penulis akan memberi perhatian secara spesifik kepada remaja muslim luar bandar yang terlibat dalam perlumbaan haram. Kajian ini akan memfokuskan daerah Larut dan Matang, Perak sebagai lapangan kajian. Perbincangan juga akan membincangkan perkaitan remaja lumba haram dengan aktiviti jenayah yang lain. Punca remaja terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram juga menjadi fokus perbincangan.

## 1.9 METODOLOGI KAJIAN

Bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperolehi, kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu kepustakaan dan penyelidikan lapangan.

### 1.9.1 PENYELIDIKAN KEPUSTAKAAN

Kajian kepustakaan penting digunakan dalam penyelidikan ini bagi membolehkan penyelidik mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai permasalahan yang menjadi fokus kajian. Kaedah ini melibatkan pencarian bahan sekunder seperti buku-buku, kertas kerja, jurnal, laporan tesis, artikel dan data rasmi kerajaan atau badan bukan kerajaan. Data sekunder ini digunakan untuk menyokong, menambah dan memperinci serta memperdalamkan pengetahuan penyelidik dari aspek teoritikal.

---

<sup>25</sup> Mohamad Nasir Saludin dan Noreha Mohamed Yusuf (2002), *Strategi Menangani Gejala Sosial Remaja: Kajian Kes di Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. h.23.

### **1.9.2 KAJIAN LAPANGAN**

Sebahagian data yang digunakan dalam kajian ini adalah data yang diperolehi daripada lapangan. Data ini adalah data primer kajian. Bagi mendapatkan maklumat berdasarkan kajian lapangan, maka ianya melibatkan beberapa proses, iaitu dari aspek:

### **1.9.3 PEMILIHAN RESPONDEN**

Responden kajian terdiri daripada 42 orang remaja yang menetap di Daerah Larut dan Matang, Perak. Jumlah responden yang diambil dalam kajian ini dilihat mencukupi dan memadai untuk dijadikan sempel kajian terhadap populasi dianggarkan antara 50 ke 60 orang remaja berkeliaran di hujung minggu. Remaja ini terdiri daripada remaja berbangsa Melayu yang mana jika disebut bangsa Melayu, ianya tidak lari dengan agama Islam. Justeru itu, pemilihan remaja berbangsa Melayu adalah untuk melihat punca kecenderungan remaja Melayu Muslim terlibat di dalam perlumbaan haram.

Pemilihan Daerah Larut dan Matang sebagai lokasi kajian adalah untuk melihat punca remaja Melayu luar bandar terpengaruh dengan budaya negatif. Umum mengetahui bahawa remaja luar bandar kaya dengan adab dan sopan yang tinggi. Kecenderungan remaja Melayu Muslim luar bandar terlibat di dalam perlumbaan haram di kaji dan ianya menjadi salah satu objektif utama di dalam kajian ini.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih 8 buah kawasan. Antaranya ialah Kampung Pinang, Bukit Jana, Kampung Expo, Kampung Air Puteh, Taman Kaya, Kampung Pak Dollah, Tekah, dan kawasan Tupai. Setiap kawasan diedarkan kepada mereka 10 borang soal selidik.

Pengedaran soal selidik adalah dengan bantuan remaja yang terlibat aktif di dalam perlumbaan haram di Daerah Larut dan Matang, Perak. Ciri-ciri responden yang diperlukan di dalam kajian ini telah ditetapkan. Antara ciri-cirinya ialah remaja Melayu beragama Islam yang menetap di Daerah Larut dan Matang, Perak. Terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram.

### **1.9.5 SOAL SELIDIK**

Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai punca remaja Melayu di daerah Larut dan Matang, Perak terlibat di dalam perlumbaan haram. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian (Lampiran 1-contoh soal selidik)

Bahagian A merupakan soalan yang berkaitan dengan maklumat demografi remaja dari segi tempat tinggal, umur, pekerjaan, pekerjaan ibu, pekerjaan bapa, hak milik motosikal.

Bahagian B mengandungi soalan yang berkaitan dengan hubungan remaja lumba haram terlibat dalam kesalahan jenayah. Kajian ini menfokuskan kepada remaja yang menetap di daerah Larut dan Matang, Perak. Kesalahan jenayah yang menjadi fokus kajian adalah dari sudut mencuri motosikal, menjual komponen motosikal curi, menggugut, berzina, minum arak/ menghidu gam, berjaga malam menyaksikan perlumbaan haram, mempunyai kumpulan lumba haram, tawaran hadiah perempuan, tawaran hadiah wang, melepak, menganggur, wanita berlumba, dan memiliki teman wanita. Bahagian ini mengandungi 13 soalan yang berkaitan dengan petunjuk yang menggunakan sekala:

1. Tinggi
2. Sederhana
3. Rendah.

—.

--.

Soal selidik bahagian C yang berkaitan dengan faktor remaja terlibat di dalam perlumbaan haram terdiri daripada 35 soalan. Faktor penglibatan ini terdiri daripada faktor keluarga, guru, kawan, dan media massa. Bahagian ini menggunakan skala seperti berikut:

1. Tidak setuju
2. Kurang setuju
3. Setuju
4. Sangat setuju

Kajian rintis (pilot test) dibuat bagi menguji kefahaman responden tentang soalan-soalan yang dikehendaki dalam kajian ini. Kajian rintis ini juga bagi menguji kebolehpercayaan soal selidik yang telah dibentuk oleh penyelidik. Kebolehpercayaan soalselidik yang diuji melalui ujian rintis dengan menggunakan kaedah kombinasi antara test-retest dan equivalent-form reliability yang bertujuan untuk melihat interenal consistency correlation coefficient item-item.<sup>26</sup>

Penulis telah menggunakan Cronbach's Coefficient Alpha ( a ) dalam mengukur kebolehpercayaan (reliability) item-item soal selidik. Tafsiran nilai cronbach alpha (a) correlation coefficients adalah seperti berikut:

Setelah dibuat ujian rintis terhadap 5 orang remaja aktif terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram. Di dapati indeks nilai kebolehpercayaan cronbach alpha ( a ) setiap bahagian soal selidik adalah seperti dalam jadual 1.

---

<sup>26</sup> Gale H.Roid & Thomas M. Haladyna (1982), *A Yechnology for Test – Item Writing*, New York: Harcourt Brace Jovonavich Publishers, h. 206.

Berdasarkan keputusan kajian rintis ini didapati, kebolehpercayaan soal selidik yang telah dibentuk secara keseluruhannya adalah boleh diterima.

Setelah itu, penyebaran soal selidik dan pemungutan data dilakukan oleh penyelidik dengan bantuan remaja di beberapa kawasan. Setiap remaja yang mengedar borang soal selidik telah diberi penerangan khusus tentang ciri-ciri responden yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Mereka juga diberi penerangan mengenai kehendak soalan dan set soal selidik untuk memudahkan mereka memberi kefahaman kepada responden.

#### **1.9.6 TEMUBUAL**

Selain daripada menggunakan soal selidik dalam kajian lapangan, penyelidik turut menggunakan teknik temubual berstruktur (soalan temubual telah disediakan sebagai pandu arah ketika sesi temubual diadakan) untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan ini terutama sekali dalam penulisan bab 4. Temubual berstruktur telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang dapat menyokong dapatan kajian. Temubual ini telah dilakukan ke atas beberapa orang informan utama yang mempunyai pengetahuan di dalam aktiviti perlumbaan haram di Daerah Larut dan Matang, Perak.

#### **1.9.7 PENGAMATAN**

Dalam penyelidikan ini, penyelidik turut menggunakan teknik pengamatan<sup>27</sup> untuk mendapatkan maklumat tambahan. Teknik ini digunakan terutama sekali ketika penyelidik membuat kajian tentang penglibatan remaja di dalam aktiviti perlumbaan haram di Daerah larut dan Matang, Perak. Penyelidik telah membuat pengamatan dan

---

<sup>27</sup> Pengamatan ialah penyelidik melibatkan diri secara langsung untuk membuat penelitian dan pemeriksaan secara terus menerus. Lihat dalam Zainal Mat Saat (1985), *Pengantar Statistik*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, h. 8.

tinjauan tentang tingkah laku remaja di litar perlumbaan pelumba haram khususnya di depan Yawata, jalan Air Kuning, jalan kolam Bukit Merah, Kawasan Perindutrian berhampiran Gaint, Jalan Kamunting (berhadapan stesyen bas Kamunting), Depan Balai Bomba Taiping. dan beberapa kawasan lepak remaja lumba haram.

#### 1.9.8 TEMPAT KAJIAN

Penyelidik memilih Daerah Larut dan Matang, Perak sebagai tempat kajian berdasarkan beberapa faktor. Pertama, Kawasan daerah Larut dan Matang, Perak merupakan kawasan luar bandar. Kebanyak penduduk di kawasan ini berpendapatan sederhana. Justeru, ianya menjadi fokus kajian iaitu mencari punca remaja luar bandar terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram. Kedua, Kebanyakkan kawasan Daerah Larut dan Matang, Perak terdiri daripada bangsa Melayu, Jika disebut sahaja perkataan Melayu, ianya tidak lari daripada menganut agama Islam. Justeru, pemilihan tempat ini bersesuai dengan fokus kajian iaitu mencari punca remaja Muslim terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram?. Ketiga, Kawasan ini terdiri daripada kawasan perindustrian, Pusat beli belah yang menjadi tumpuan remaja untuk mencari pekerjaan. Adakah dengan pekerjaan segera ini boleh mempengaruhi remaja terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram?. Ketiga, Penglibatan Ahmad Fazrul Sham dan Ahmad Fazli Sham di dalam pasukan Shell Harian Metro Maju yang merupakan anak tempatan. Penglibatan mereka sedikit sebanyak mendorong remaja terlibat di dalam aktiviti perlumbaan haram.<sup>28</sup>

---

<sup>28</sup> Dua beradik ini berasal dari Kampung Pinang, Kamunting, Perak. Ahmad Fazli mula mencipta nama pada tahun 2003 apabila berjaya meraih kemenangan mengagumkan di kelas WIRA epg. Ketika itu beliau beraksi sebagai pelumba persendirian. Sejurus selepas itu, Fazli telah ditawarkan untuk menyertai pasukan Shell Harian Metro Maju. Setahun kemudian adiknya Fazrul pula menyertai pasukan naungan Maju Motor Pada tahun 2004 dan 2005 Ahmad Fazli Sham menjadi Juara Underbone 125cc (FIM Asia Road Racing Championship) . Pada tahun 2007 lagi sekali beliau berjaya mendahului pelumba lain dengan bergelar diri sebagai juara dalam kategori expert. [www.suzuki.com.my/resources/CubPrix](http://www.suzuki.com.my/resources/CubPrix), 7 Januari 2009.

## **1.10 SISTEMATIKA PENULISAN**

Penulisan tesis ini telah disusun dalam lima bab. Bab pertama merupakan tapak permulaan bagi mengkaji permasalahan dengan lebih mendalam, ianya membincangkan tentang masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk, skop kajian, ulasan kajian lepas dan metodologi kajian.

Perbincangan di dalam bab kedua menyentuh tentang landasan teori kajian, ianya menjurus kepada Lumba haram, ‘mat rempit’, Remaja, Kerosakkan (*الفساد*) dari kacamata al-Quran dan Punca-punca remaja terlibat dalam gejala negatif. Bab ini juga adalah untuk mencapai objektif yang pertama iaitu mengenalpasti teori-teori perubahan sikap negatif para remaja dari perspektif pembangunan insan.

Di dalam bab ketiga memjelaskan tentang lokasi kajian iaitu Daerah Larut dan Matang, Perak. Ianya menjelaskan dari sudut sejarah dan keluasan kawasan kajian. Bab ini turut menyentuh tentang lokasi yang sering menjadi litar perlumbaan haram di Daerah Larut dan Matang, Perak. Bab ini juga membincangkan tentang kronologi pelumba haram, lingkungan umur yang aktif berlumba, kategori pelumba haram, aksi pelumba haram dan kaitan pelumba haram dengan kesalahan jenayah.

Di dalam bab keempat, penyelidik menumpukan kepada objektif yang ketiga iaitu faktor-faktor remaja terlibat dalam perlumbaan haram motosikal di daerah Larut dan Matang, Perak. Terdapat tiga metode digunakan di dalam kajian ini iaitu soalselidik, observasi dan temubual. Bab ini adalah untuk mencapai objektif yang ketiga iaitu faktor-faktor remaja terlibat di dalam perlumbaan haram di daerah Larut dan Matang, Perak.

Di dalam bab terakhir iaitu bab yang kelima merupakan penutup bagi kajian ini dan iaanya mengandungi perbincangan mengenai hasil kajian, cadangan dan juga kesimpulan.

### **1.11 KESIMPULAN**

Dalam bahagian ini merupakan bahagian pengenalan kepada penyelidikan ini yang mengandungi perkara yang berkaitan dengan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk, skop kajian, ulasan kajian lepas dan metodologi kajian.

## BAB 2

### PERLUMBAAN HARAM DI KALANGAN REMAJA

#### 2.1 PENGENALAN

Kajian di dalam bab ini memberi tumpuan kepada objektif yang pertama iaitu mengenalpasti kecenderungan remaja terlibat di dalam gejala negatif. Untuk tujuan tersebut, maka kajian perpustakaan (*Library Research*) digunakan bagi mencapai objektif kajian.

#### 2.2 REMAJA

Remaja dalam bahasa Arab sama dengan perkataan *al-syabāb* (الشباب) yang membawa erti pemuda dan pemudi, Perkataan **الشباب** merupakan kata jama' daripada perkataan **الشاب**.<sup>29</sup> Remaja juga sama ertinya dengan perkataan *fityah* (فتية) perkataan ini digunakan dalam surah al-kahfi ayat 13.

خُنْ نَقْصٌ عَلَيْكَ نَبَأْهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ  
وَزَدَنَاهُمْ هُدًى

Maksudnya: Kami ceritakan kepadamu (Wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk.

Surah al-Kahfi (18):13

—•  
<sup>29</sup> Ibn Manzūr, Muḥammad b. Jalāl al-Dīn (1967), *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 462.  
—•

al-‘Ulwān menjelaskan remaja sebagai anak muda yang berkembang dari segi fizikal dan mental ke arah yang lebih dewasa.<sup>30</sup> Perubahan ini dapat dilihat dari segi kematangan berfikir dalam sesuatu perkara. Contohnya remaja mampu membezakan perkara yang baik dengan yang buruk dan antara yang betul dan yang salah.<sup>31</sup>

Perkataan remaja merujuk kepada peringkat umur di mana seseorang itu mulai dewasa, sudah akil baligh dan bersedia untuk berkahwin.<sup>32</sup> Dari perspektif Islam remaja diistilahkan sebagai baligh. *Lisān al-‘Arab* menjelaskan baligh sebagai *ballagh al-ghulām* (بلغ الغلام) iaitu budak yang sudah cukup umur apabila ia bermimpi sehingga mengeluarkan air mani bagi kanak-kanak lelaki.<sup>33</sup>

Terdapat kaedah di dalam ilmu usul al-fiqh dan fiqh al-Islam yang melihat tanda-tanda baligh bagi seorang kanak-kanak iaitu berdasarkan tanda-tanda fizikal dan fisiologi. Misalnya tanda baligh bagi kanak-kanak lelaki ialah keluar air mani melalui organ jantina (iaitu melalui zakar) yang berlaku pertama kali semasa ia bermimpi.<sup>34</sup> Manakala tanda-tanda lain seperti tumbuh bulu ari-ari mengikut pendapat Mazhab Hambali, Maliki dan Syafie.<sup>35</sup>

Tanda baligh yang sama juga terjadi pada kanak-kanak perempuan iaitu tumbuh bulu ari-ari dan bulu ketiak manakala tanda baligh yang paling ketara bagi kanak-kanak perempuan ialah keluarnya darah haid. Haid ialah darah yang keluar dari pangkal rahim

<sup>30</sup> al-‘Ulwān, ‘Abd Allāh Nāṣīḥ (1994), *Tarbiyyah al-Awlād Fī al-Islām*, j.2, c.25. Kaherah: Dār al-Salām, h. 449-500.

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> *Kamus Dewan* (2007), *op. cit.*, h. 963.

<sup>33</sup> Ibn al-Manzūr (1996), *op. cit.*, h. 468.

<sup>34</sup> al-Sayūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān (t.t), *al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir fī al-Qawā‘id wa Furū‘ al-Fiqh al-Shafi‘iyah*. Kaherah: al-Ḥalabi, h.246.

<sup>35</sup> Ibn al-Qudāmah (1984), *al-Mughnī*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 556.

seorang wanita yang sihat. Darah tersebut keluar dalam tempoh masa tertentu dan keluarnya darah tersebut bukanlah disebabkan penyakit atau bersalin.<sup>36</sup>

Ahli psikologi moden melihat remaja sebagai anak muda yang sedang melalui alam peralihan antara tingkah laku kanak-kanak kepada tingkah laku orang dewasa.<sup>37</sup> Kuhlin juga berpendapat bahawa masa remaja itu merupakan satu jarak waktu di mana seseorang remaja itu akan mengalami peralihan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa. Ia juga merupakan satu titik tolak dari zaman kanak-kanak melengkapi diri untuk menuju ke alam dewasa.<sup>38</sup>

Menurut Dr. Zakiah Daradjat di dalam bukunya *Pembinaan Remaja* merumuskan bahawa tidak ada kata sepakat di antara ahli ilmu berkaitan batas umur remaja, namun ianya bergantung kepada keadaan sesuatu masyarakat. Beliau memberi contoh bahawa remaja yang hidup di dalam sebuah masyarakat maju, alam remaja lebih panjang, ini disebabkan golongan ini memerlukan kepandaian tertentu untuk diterima oleh masyarakat. Manakala masyarakat desa, waktu remaja mereka pendek, ini disebabkan kehidupan remaja desa banyak didedahkan dengan tanggungjawab yang menyebabkan mereka menjadi matang dan dewasa lebih cepat dari usia sebenar. Hal ini memperlihatkan faktor persekitaran menentukan awal atau lewatnya permulaan umur remaja.<sup>39</sup>

Remaja ditakrifkan sebagai salah satu peringkat dalam proses perkembangan manusia, ia merupakan peringkat peralihan antara zaman kanak-kanak dan zaman dewasa.

<sup>36</sup> Wahbah al-Zuhailī (1987), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Jil. 1, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 455.

<sup>37</sup> Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordina Mohd. Tamim (1988), *Psikologi Remaja*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, h. 38.

<sup>38</sup> Raymond G. Kuhlen (1952), *The Psychology of Adolescence Development*, New York: Harper and Row Publisher, h. 42.

<sup>39</sup> Zakiah Darajdat (1976), *Pembinaan Remaja*, Jakarta: Bulan Bintang, h.9.

Peringkat perkembangan ini merangkumi aspek fizikal seperti perubahan pada tubuh badan dan aspek psikologi seperti perubahan mental dan emosi. Perubahan yang berlaku kepada aspek fizikal dan mental ini akan turut mempengaruhi perkembangan sosial dan moral seseorang individu. Kebanyakan tingkah laku golongan ini belum sepenuhnya menggunakan pertimbangan akal yang bijak, sebaliknya banyak bertingkah laku mengikut kehendak dan perasaan yang membawa kepada kecelaruan emosi. Akibatnya, mereka sering mengalami konflik dengan ibu bapa dan masyarakat yang boleh memberi tekanan emosi kepada mereka.<sup>40</sup>

Meyerson mentakrifkan remaja sebagai satu proses pembinaan emosi dan cuba meniru-niru situasi yang berlaku<sup>41</sup> Hans Sebald dalam bukunya *Adolescence, A Social Psychological Analysis* mendefinisikan remaja berdasarkan istilah *adolescence*, beliau menjelaskan bahawa perkataan ini berasal dari perkataan Greek iaitu *adolescere*. Perkataan ini membawa maksud berkembang ke peringkat matang, proses perkembangan ini meliputi fisiologi, organisme, dan budaya.<sup>42</sup> Menurut Lester dan Alice Crow, usia sesuai bagi awal remaja lelaki ialah antara 13 hingga 18 tahun dan akhir remaja ialah 17 hingga 21 tahun, sementara awal bagi remaja perempuan ialah antara umur 10 hingga 17 tahun dan akhir remajanya pula antara 18 hingga 21 tahun.<sup>43</sup>

Ahmad Fuad Sarbini seorang ahli jiwa Islam pula membahagikan remaja kepada empat peringkat. Peringkat pertama ialah awal remaja, peringkat ini hampir kepada mimpibaligh dan lingkungan umur mereka ialah antara 12 hingga 15 tahun. Apa yang

<sup>40</sup> Fariza Md. Sham (2005), Dakwah Keada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan, (Tesis Ph.D, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). h.7.

<sup>41</sup> Meyerson, S (1975), *Adolescence: The Crises of Adjustment*, London: George Allen & Unwin Ltd, h.28.

<sup>42</sup> Sebald, H (1977), *Adolescence, A Social Psychological Analysis*, New Jersey: Prentice Hall, Inc. Englewood Cliffs, h.4.

<sup>43</sup> Lester D Crow, Alice Crow (1956), *Adolescent Development and Adjustment*. New York: Mc Grow Hill Book Company, Inc. h.4.

istimewa dalam peringkat ini ialah pertumbuhan bentuk badan. Peringkat kedua merujuk kepada remaja yang baru baligh berumur antara 15 hingga 18 tahun. Pada peringkat ini pertumbuhan bentuk badan masih berlaku tetapi sedikit menurun jika dibandingkan dengan peringkat pertama. Peringkat ketiga ialah anak muda yang berada di kemuncak alam remaja berumur antara 18 hingga 21 tahun. Manakala peringkat yang terakhir disebut sebagai peringkat pemuda yang telah mencapai tahap kematangan dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 25 tahun.<sup>44</sup>

Menurut Hasnah Ghani dan Saat Abd. Rahman, tidak wujud istilah khusus peringkat remaja menurut pandangan Islam. Namun begitu, peringkat remaja boleh dibahagikan kepada dua bahagian, peringkat pertama ialah selepas bermimpi yang mana usianya bermula dari usia 12 atau 13 tahun sehingga 21 tahun. Manakala peringkat kedua ialah peringkat kematangan iaitu bermula 22 tahun sehingga 30 tahun. Peringkat pertama inilah yang dinamakan peringkat remaja, bermulanya dari tempoh baligh hingga ke usia 21 tahun.<sup>45</sup>

Remaja dilihat mengalami tiga aspek perubahan yang besar iaitu dari segi fizikal, mental dan psikologikal. Pertama, perubahan fizikal seperti tumbuhnya bulu ari-ari, bulu ketiak, perubahan suara. Dari sudut psikologikal pula dapat diukur melalui timbul perasaan malu dan kecenderungan untuk berkawan berlainan jantina. Manakala perubahan dan perkembangan mental dapat dinilai melalui rasa bertanggungjawab, dapat membezakan antara tingkahlaku kanak-kanak atau orang dewasa. Ketiga-tiga perubahan ini akan memberi kesan kepada perubahan emosi remaja. Perubahan emosi akan dipengaruhi oleh persekitaran yang berada disekelilingnya seperti ibu bapa, guru,

<sup>44</sup> Sa 'ad Jalāl (Dr.) (1971), *Al-Marāji 'fi- 'Ilm al-Nafs*, Kaherah: Dār al-Ma 'arif, h. 235.

<sup>45</sup> Hasnah Ghani dan Saat Abd. Rahman (1995), *Jenayah Remaja Permasalahan dan Penyelesaian*, Shah Alam: Hazbi, h. 4.

media massa dan kawan-kawan. Jika individu yang berada disekitarnya mempamerkan perwatakan yang positif, maka hasilnya remaja akan menjadi watak yang baik. Jika perwatakan yang diterjemahkan oleh keempat-empat saluran ini berperwatakan yang negatif, maka hasilnya akan diterjemahkan dengan perwatakan negatif. Keempat-empat ini merupakan acuan yang dapat membentuk jatidiri seseorang remaja.

## 2.6 KEROSAKKAN (الفساد) DARI KACAMATA AL-QURAN

al-Quran dari sudut bahasa: di ambil dari perkataan القراءة , seperti di dalam firman Allah SWT yang berbunyi:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعُهُ وَقُرْءَانَهُ فَأَتَبِعْ قُرْءَانَهُ  
وَفَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَأَتَبِعْ قُرْءَانَهُ  
١٨ ٤٧

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.

Sūrah al-Qiyāmah(75):17-18

Kemudian perkataan القراءة yang merupakan المعنى المصدري ditukarkan kepada orang yang diberi mukjizat iaitu Nabi SAW. Maka jadilah perkataan القرآن. Perkara ini terdapat di dalam bab باب إطلاق المصدر على مفعوله

Al-Quran dari sudut Istilah: Kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Baginda SAW, setiap surah mengandungi mukjizat, mendapat pahala apabila membacanya, diturunkan

secara berperingkat-peringkat, bermula dari sūrah al-fātiḥah dan diakhiri dengan surah al-Nas.

Al-Quran menjadi medium rujukan kepada manusia untuk memperbaiki diri. Al-Quran melarang sekeras-kerasnya manusia membinasakan diri. Banyak ayat di dalam al-Quran yang melarang manusia melakukan kerosakan. Antara ayat yang menerangkan perkara tersebut ialah:

وَإِذَا تَوَلَّ سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهَلِّكَ الْحَرَثَ  
وَالنَّسْلَ وَآللَّهُ لَا تُحِبُّ الْفَسَادَ

Maksudnya: Kemudian apabila ia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusahalah ia di bumi, untuk melakukan bencana padanya, dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia; sedang Allah SWT tidak suka kepada bencana kerosakan.

Surah al-Baqarah (1): 205

Menurut Sayyid Tanṭawi di dalam kitabnya *al-Tafsīr al-Wāṣīt* الفساد melalui perkataan

خروج الشيء عن الإعتدال والإستقامة ليفسد membawa maksud iaitu perkara yang terkeluar dari maksud keseimbangan (keadilan) dan berterusan (istiqamah). Keseimbangan dan berterusan ini dilihat dari sudut fitrah manusia, jika kehidupan manusia terkeluar dari fitrah yang digariskan, ianya dianggap telah melakukan kerosakan.<sup>46</sup> Al-Samaqandī lebih melihat ليفسد فيها membawa maksud melakukan kemaksiatan, iaitu siapa yang melakukan kemaksiatan akan dianggap telah melakukan

—.  
<sup>46</sup> Muhammad Sayyid Tantawi (t.t), *Tafsir al-Wāṣīt*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, j. 1, h. 350-351.

kerosakan.<sup>47</sup> Hal ini juga dijelaskan di dalam *Aysar al-Tafasir*, perkataan **الفساد** membawa maksud **الشرك والمعاصي** iaitu menyekutukan Allah SWT dan melakukan kemaksiatan.<sup>48</sup>

Perkataan **الفساد** juga terdapat di dalam surah al-A‘rāf (7): 56

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا  
50 وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ<sup>49</sup>

Maksudnya: Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah SWT menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadanya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah SWT itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.

Surah al-A‘raf (7): 56

al-Mawardi menjelaskan **ولا تفسد في الأرض بعد إصلاحها** mengandungi empat maksud, pertama; jangan melakukan kerosakan dengan kekufuran setelah mengecapi keimanan. Kedua; jangan melakukan kerosakan dengan kezaliman setelah mengecapi keadilan. Ketiga; jangan melakukan kerosakan dengan kemaksiatan setelah mengecapi

<sup>47</sup> Abu al-Layth Nasr bin Muhammad bin Ibrahim al-Samarqandi (t.t), *Bahr al-‘Ulum*, Beirut: Dar al-Nasyr, h. 171.

<sup>48</sup> As‘ad Humad (t.t), *Aysar al-Tafasir*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, j. 1, h. 469.

<sup>49</sup> وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا mengandungi dua maksud:<sup>49</sup>

1. Takut disebabkan siksaan Allah SWT dan tamak di dalam mencari pahala
2. Takut daripada tidak diperkenankan doa yang diminta dan tamak mendapat rahmat dan doa diperkenankan oleh Allah SWT.

Antara sebab disatukan perkataan **خانقا وراجيا خفاوطمعا** adalah untuk manusia memiliki sifat iaitu memiliki perasaan takut dan sentiasa mengharap kepada Allah SWT. Perkara ini seperti mana yang dijelaskan di dalam surah al-Isrā’ (17): 57.

وَبَرَجُونَ رَحْمَتَهُ وَخَافُونَ عَذَابَهُ

Maksudnya: Mereka mengharapkan rahmatNya dan gerun takut akan azabNya.

surah al-Isrā’(17): 57

<sup>50</sup> al-Syeikh al-Imam al-‘Allamah al-Mufassar Abi al-Qasim Muhammad bin Ahmad bin al-Jiziy (1995), *al-Tashil li al-‘Ulum al-Tashil*, Beirut: Dar al-Kutb al-‘Ilmiyyah j.1, h. 504.

ketaatan dan keempat; jangan melakukan kerosakan dengan pembunuhan setelah mengecapi kehidupan. Hal ini menggambarkan bahawa **الفساد** bukan sahaja bermaksud kerosakan luaran seperti memusnahkan bumi bahkan ia juga merangkumi kekufuran, kezaliman dan pembunuhan.<sup>51</sup>

Al-Alūsi<sup>52</sup> di dalam tafsirnya juga menjelaskan perkara yang sama iaitu **الفساد** di dalam ayat ini merangkumi kesemua kerosakan. Kerosakan ini termasuk kerosakan nyawa iaitu pembunuhan, kerosakan harta iaitu kemusnahan, kerosakan keturunan iaitu kemaksiatan, kerosakan akal dan agama iaitu kekufuran.

Perkataan **الفساد** juga terdapat di dalam surah al-Qosos (28): 77

وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا تُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ



Maksudnya: Dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".

Surah al-Qosos (28): 77

iaitu mendustai, membawa maksud **الفساد** juga membawa maksud **بتكذيب الرسل بعد إصلاحها بالوحى** mempersenda dan meninggalkan ajaran yang dibawa oleh Baginda SAW.<sup>53</sup> Mereka yang mendustai, mempersenda dan meninggalkan ajaran yang dibawa Baginda SAW dianggap telah melakukan kerosakan.

<sup>51</sup> Abu al-Hasan ‘Ali Bin Muhammad bin Habib al-Māwardi, *al-Nakt wa al-‘Uyun*, Dar al-Kutb al-‘Ilmiyyah, j. 6, h. 491.

<sup>52</sup> Mahmud al-Alusi Abu al-Fadl, *Ruh al-Ma‘ani fi Tafsir al-Quran al-‘Azim*, Beirut: Dar al-Ihya’ al-‘Arabiyyah j.6, h. 206.

<sup>53</sup> Ibn ‘Abd al-Salam (t.t) *Tafsir Ibn ‘Abd al-Salam*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi j. 2, h. 136.

الفَسَادُ juga mempunyai kaitan yang rapat dengan sifat munafik. Sayyid Ṭanṭawī menjelaskan **منافق** membawa maksud satu golongan yang mendustai apa yang disampaikan Nabi SAW melalui wahyu dalam keadaan tersembunyi, mereka juga mencipta keraguan di atas jalan dakwah, golongan ini *berbai'ah* dengan golongan musyrikin untuk menjatuhkan Islam.<sup>54</sup> Hal ini dijelaskan Allah SWT melalui firmanNya:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ  
مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا  
يَشْعُرُونَ

Maksudnya: Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: " Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan". Ketahuilah! bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyadarinya.

Surah al-Baqarah(1): 11-12.

Ayat di atas menerangkan sikap sebenar orang-orang munafik, mereka mempunyai hubungan yang erat dengan orang musyrikin, dalam masa yang sama mereka mengumpul maklumat bagi memburuk-burukkan orang-orang mukmin. Hal ini menggambarkan kerosakan akhlak orang-orang munafik yang ingin merosakkan Islam dari dalam seperti yang digambarkan oleh Allah SWT dalam al-Quran.<sup>55</sup>

<sup>54</sup> Muhammad Sayyid Tantawi (t.t), *op. cit.*, j.1, h.27.

<sup>55</sup> Abu al-Qasim Mahmud (t.t), *al-Kashāf 'an Haqaiq al-Tanzil wa 'uyun al-aqawil fi wujuh al-Ta'wil*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j.1, h.37.

Melalui penjelasan di atas, terdapat dua pengertian kerosakan **الفساد** yang dilihat dari kacamata al-Quran. Pertama kerosakan luaran, iaitu kerosakan yang boleh dilihat dengan mata kasar seperti kerosakan bangunan, kereta, pokok, dan sebagainya. Kedua, kerosakan dalaman, iaitu kerosakan hati seperti melakukan maksiat dan menyekutukan Allah SWT. Bagi yang beriman, kedua-dua aspek kerosakan ini harus dihindarkan. Amalan merosakkan sesuatu ini boleh mengundang kemurkaan Allah SWT, lebih-lebih lagi merosakkan hati dengan melakukan kemaksiatan kepada-Nya.

### 2.3 LUMBA HARAM

Perkataan ‘lumba’ menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007) bermaksud bertanding, berlawan, bersaing.<sup>56</sup> Manakala ‘haram’ bermaksud ditegah (terlarang) oleh undang-undang, tidak sah disisi undang-undang.<sup>57</sup> Lumba haram yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah perlumbaan motosikal yang tidak sah di sisi undang-undang negara Malaysia.

Hasil bacaan daripada Wikipedia Bahasa Melayu menjelaskan bahawa lumba haram ini adalah satu bentuk perlumbaan bermotor. Kebiasaannya perlumbaan bermotor ini dilakukan di atas jalan raya awam dan tidak mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa. Lumba haram sering diadakan di kawasan bandar, luar bandar ataupun di kawasan perindustrian tanpa mengambil kira keadaan trafik dan lalu lintas jalanraya, tetapi aktiviti haram ini kebiasaannya dijalankan pada waktu tengah malam di mana keadaan jalan agak lengang dan sunyi dari kenderaan yang bertali arus. Keadaan bertambah parah kini apabila taman perumahan turut menjadi litar lumba oleh golongan yang tidak bertanggungjawab ini. Kegiatan lumba haram adalah salah di sisi undang-undang jalan raya kerana membahayakan nyawa pengguna jalan raya yang lain serta

---

<sup>56</sup> Zainal Abidin Safarwan (Hj.) (t.t), *op. cit.*, h. 1085.

<sup>57</sup> Kamus Dewan (2007), *op. cit.*, h.512.

nyawa pelumba haram itu sendiri. Di Malaysia, menonton perlumbaan haram juga merupakan satu kesalahan kerana secara tidak langsung ia akan menggalakkan pelumba haram untuk terus berlumba tanpa menghiraukan keselamatan pengguna jalan raya yang lain.<sup>58</sup>

Kebanyakan daripada perlumbaan haram yang diadakan di Malaysia adalah melibatkan motosikal dan kereta, namun ada juga sebilangan kecil kenderaan berat seperti lori dan bas ekspres yang turut memeriahkan aktiviti perlumbaan haram ini. Kenderaan yang terlibat dalam perlumbaan haram diubahsuai sehingga mencapai kelajuan melebihi 160 km/j dan akibat daripada tiadanya etika pemanduan berhemah yang diamalkan, kemalangan jalan raya amat mudah berlaku, dan selalunya ia berakhir dengan kemalangan jiwa.<sup>59</sup>

#### 2.4 ‘MAT REMPIT’

Jika dirujuk definisi daripada Wikipedia Bahasa Melayu, ‘mat rempit’ merupakan istilah kepada penunggang motosikal yang terlibat dalam perlumbaan haram, biasanya dengan menggunakan motor kapcai atau skuter.<sup>60</sup> Namun begitu, bagi Ketua Trafik Kuala Lumpur dari Balai Polis Trafik Jalan Tun H. S. Lee, ASP Hamza Taib, beliau berpendapat istilah ‘mat rempit’ ini sebenarnya lebih kepada satu pengiktirafan yang tidak seharusnya berlaku. Golongan ini hanya layak dilabelkan sebagai ‘pelumba haram’ secara muktamad.

“Bagi saya, menamakan mereka sebagai ‘mat rempit’ ialah satu pengiktirafan kerana kita secara langsung ‘menerima’ kehadiran mereka dalam komuniti. Sewajarnya mereka tidak diberikan apa-apa

<sup>58</sup> Istilah Lumba Haram. Diperolehi dari [http://ms.wikipedia.org/wiki/Lumba\\_haram](http://ms.wikipedia.org/wiki/Lumba_haram), Ogos 14 2008.

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> Istilah ‘mat rempit’. Diperolehi dari [http://ms.wikipedia.org/wiki/Mat\\_Rempit](http://ms.wikipedia.org/wiki/Mat_Rempit), Ogos 14 2008.

nama atau gelaran. Cukup sekadar pelumba haram kerana ternyata mereka adalah pelaku yang menyalahi undang-undang ini”<sup>61</sup>

Dianggarkan di Malaysia sahaja terdapat kira-kira 200,000 ‘mat rempit’ atau pelumba haram. Istilah ‘mat rempit’ ini turut digunakan di Singapura dan Indonesia untuk tujuan yang sama. Jika di Malaysia, perkataan ini sangat sinonim dengan perlumbaan motosikal berkuasa rendah<sup>62</sup>

Walaupun kebanyakan ‘mat rempit’ sering berlumba sesama mereka, ada juga yang cuma menunggang secara merbahaya di jalan raya. ‘Mat rempit’ biasanya bergerak secara berkumpulan dan akan berlumba di tengah-tengah kota pada malam hujung minggu. Kebanyakan motosikal yang digunakan ‘mat rempit’ tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan, ataupun telah diubah suai dengan banyak. Malah ada juga ‘mat rempit’ yang tidak mempunyai lesen sah, tidak membayar cukai jalan dan menaiki motosikal curi. Tambah memburukkan lagi imej ‘mat rempit’, mereka turut dikaitkan dengan kegiatan gengster, rompak berkumpulan, pergaduhan, laku musnah, kecurian dan buli.

Perlumbaan haram bermaksud persaingan yang dilakukan bukan dilitar perlumbaan yang sebenar dan sebaliknya dilakukan di jalan-jalan awam. Kebiasaannya berlaku pada pertengahan malam yang mana suasana jalan raya ketika itu lengang dari pengguna jalan raya. Terdapat dua perlumbaan yang menjadi kegilaan remaja serta belia di negara ini, iaitu perlumbaan kereta dan motosikal secara haram.

Perlumbaan motosikal secara haram dilihat memberi kesan negatif kepada pembangunan remaja. Pengeluaran motosikal dan jalan raya yang kian baik di negara

<sup>61</sup> Remaja Merempit: Gaya Hidup Membingungkan, Diperolehi dari <http://bernama.com.my/bernama/v3/bm/printable.php?id=241967>, Ogos 14 2008.

<sup>62</sup> *op, cit.*,

ini disalahgunakan oleh golongan remaja dan semakin menggalakkan perlumbaan haram tersebut.

Aktiviti haram ini menjadi masalah negara kerana penglibatan sebahagian besar remaja di dalam permasalahan tersebut. Perlumbaan haram bukan sahaja melibatkan kepentasan dan kemahiran melakukan aksi-aksi yang mencabar, malahan ia juga dikaitkan dengan masalah sosial lain seperti pergaulan bebas, penggunaan pil khayal, memukul dan mencuri.<sup>63</sup>

## 2.5 REMAJA DAN LUMBA HARAM

Perlumbaan haram ini bukan sahaja dipelopori oleh remaja lelaki, malahan penglibatan remaja perempuan juga dilihat semakin meningkat.<sup>64</sup> Selain itu, pelajar sekolah juga dikaitkan dengan perlumbaan haram motosikal. Golongan ini bukan sahaja berlumba di atas jalan raya, malahan terlibat juga dalam salah laku sosial lain seperti mencuri dan memerkosa wanita.<sup>65</sup>

Apa yang merisaukan masyarakat Malaysia hari ini ialah aksi-aksi perlumbaan motosikal secara haram menjadi ikutan di kalangan kanak-kanak yang masih mentah. Kanak-kanak ini yang rata-ratanya masih bersekolah rendah sudah pandai melakukan aksi-aksi yang membahayakan seperti *whillie*<sup>66</sup>, *wikang*<sup>67</sup> dan seret helmet<sup>68</sup> dengan menggunakan basikal.

---

<sup>63</sup> *Harian Metro*, Khamis, 6 September 2007:2 “Anak curi motor, bapa tutup mata”.

<sup>64</sup> *Harian Metro*, Selasa 1 Mei 2007:4 “Gadis berani mati”. Perkara ini didedahkan oleh seorang bekas *Minah Rempit* yang kini ditempatkan di sebuah pusat pemuliharan swasta iaitu di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah (PERKID), Selangor. Gadis tersebut turut mendedahkan bahawa gadis-gadis yang menyertai kumpulan pelumba motosikal secara haram ini kebanyakannya sudah diperkosa kerana terpaksa menjadi hidangan para pelumba yang memenangi satu-satu perlumbaan.

<sup>65</sup> *Harian Metro*, 2 Ogos 2007:18 “5 pelajar rela tubuh ‘diratah’”.

<sup>66</sup> Mengangkat tayar hadapan.

<sup>67</sup> Mengangkat tayar belakang.

<sup>68</sup> Mengangkat tayar hadapan sementara pembonceng menyeret helmet yang dipakainya di atas jalan raya.

Jika dilihat dari sudut penglibatan remaja di dalam perlumbaan haram, ianya bukan sahaja melibatkan remaja yang memiliki taraf pendidikan yang rendah, malah mereka yang memiliki taraf pendidikan tinggi seperti di universiti dan kolej juga terlibat di dalam perlumbaan haram.<sup>69</sup> Tambah mengejutkan lagi terdapat kakitangan awam dan juga swasta ditangkap atas kesalahan yang sama.<sup>70</sup>

Terdapat juga remaja yang beberapa kali ditangkap atas kesalahan yang sama seperti kesalahan tidak memiliki lesen memandu, cukai jalan tamat tempoh dan memandu secara melulu.<sup>71</sup> Malah ada remaja yang tangannya berbalut tetapi masih lagi berkeliaran di tengah-tengah malam menyaksikan perlumbaan motosikal secara haram. Hal ini menggambarkan bahawa remaja tidak serik untuk terlibat dalam dunia lumba haram walaupun pernah dikenakan tindakan undang-undang atau terlibat dalam kemalangan jalan raya.<sup>72</sup>

Perlumbaan haram bukan sahaja mengganggu pengguna jalan raya yang lain malahan mengganggu penghuni yang berada di dalam rumah, ini di sebabkan golongan ini melakukan aksi-aksi yang mencabar dan membuat litar perlumbaan berdekatan dengan kawasan perumahan.<sup>73</sup>

Kumpulan remaja ini juga menggunakan pil khayal bagi mengaktifkan lagi tahap keberanian mereka dalam melakukan aksi-aksi yang mencabar. Selain itu, kumpulan ini juga dikaitkan dengan jenayah perjudian, pengambilan bahan yang memabukkan

<sup>69</sup> *Utusan Malaysia*, 28 Jun 2007:15, “Pelajar Merempit Dipenjara 6 Bulan”.

<sup>70</sup> *Utusan Malaysia*, 26 Disember 2007:11, “4 Kakitangan Kerajaan Ditahan Lumba Haram”.

<sup>71</sup> *Berita Harian*, Isnin, 10 Disember 2007:22 “82 terbabit lumba haram: Pasangan suami isteri, remaja antara ditahan polis dalam operasi 3 jam”.

<sup>72</sup> *Harian Metro*, Isnin 14 Januari 2008:13, “Lumba tangan berbalut”.

<sup>73</sup> *Ibid.*

seperti alkohol, penggunaan pil perangsang, dadah dan gangsterisme. Golongan ini sering memperdaya polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), ini termasuk membuat panggilan telefon palsu, mengubah nombor pendaftaran dan menukar laluan di saat-saat akhir agar kegiatan mereka sukar dikesan. Ada di antara pelumba sanggup menikam dada polis.<sup>74</sup> Golongan ini bukan sahaja menunjukkan kehebatan mereka di litar perlumbaan, malahan terdapat kes yang melibatkan kumpulan pelumba haram bergaduh di tempat awam sehingga pihak polis terpaksa campur tangan bagi meleraikan pergaduhan tersebut.<sup>75</sup>

Perlumbaan haram juga dikaitkan dengan samseng jalan raya sehingga sanggup mencederakan siapa sahaja yang mengganggu mereka.<sup>76</sup> Golongan ini juga semakin berani mencederakan pihak berkuasa misalnya Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) patah tangan dirempuh pelumba haram.<sup>77</sup> Terdapat kes yang melibatkan polis parah dirempuh kereta semasa mengejar pelumba haram,<sup>78</sup> pelumba haram merempuh anggota polis,<sup>79</sup> membaling bom petrol ke dalam kawasan Balai polis Merbok,<sup>80</sup> serta menyerang, menendang dan melanggar pintu kereta peronda polis kerana mengganggu yang telah dirancang oleh mereka.<sup>81</sup>

Perlumbaan haram tidak hanya berlaku di satu-satu kawasan atau negeri tertentu sahaja, malahan dilaporkan berlaku hampir di setiap negeri, Di Kuala Lumpur jalan

---

<sup>74</sup> *Harian Metro*, Khamis 6 September 2007:7, “Remaja tikam dada polis: Rempuh anggota polis selepas dilihat dalam keadaan mencurigakan dalam rondaan cegah jenayah”.

<sup>75</sup> *Utusan Malaysia*, 22 Ogos 2007:14, “20 ‘mat rempit’ bergaduh di Hospital Selayang”.

<sup>76</sup> *Utusan Malaysia*, 20 Julai 2007:6, “Wartawan nyaris dibelasah selepas tegur ‘mat rempit’”. Perkara ini berlaku ke atas seorang wartawan yang nyaris dicederaan gara-gara menegur perbuatan pelumba haram yang asyik melakukan aksi-aksi membahayakan

<sup>77</sup> *Utusan Malaysia*, 21 Oktober 2007:6, “Pegawai JPJ patah kaki di langgar ‘mat rempit’”.

<sup>78</sup> *Utusan Malaysia*, 6 Mei 2007:15, “Polis Parah dirempuh kereta ketika kejar ‘mat rempit’”.

<sup>79</sup> *Utusan Malaysia*, 10 Februari 2008:14, “Dua konstabel cedera dirempuh pelumba haram”. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 29 Januari 2008:17, “Anggota polis dirempuh ‘mat rempit’”.

<sup>80</sup> *Utusan Malaysia*, 27 September 2007:16, “Balai Polis Merbok dibaling bom petrol”.

<sup>81</sup> *Harian Metro*, Isnin, 31 Disember 2007:10, “‘mat rempit’ serang polis”.

yang dilaporkan kerap menjadi litar pelumba haram ialah Jalan Sultan Ismail, Jalan Ipoh, Jalan Chow Kit, Bangsar, Jalan Raja Laut, Jalan Bukit Bintang, Jalan Duta, Lebuhraya Mahameru, Jalan Cheras, Balakong, Lebuhraya Sungai Besi, Kajang Lebuhraya Kuala Lumpur-Klang, Lebuhraya Damansara Puchong, dan Lebuhraya Ampang-Gombak. Manakala di negeri lain jalan yang menjadi tumpuan para pelumba seperti Jalan Bukit Piatu Melaka, Sekitar bandar Kuala Terengganu, Muar Johor dan Seremban. Serbuan dan tangkapan yang dilakukan oleh pihak polis mendapati bahawa kebanyakan remaja yang terlibat dalam perlumbaan haram adalah dalam lingkungan 17 hingga 23 tahun.<sup>82</sup>

Ini dikesan semakin bercambah dengan setiap kumpulan menyebarkan pelekat khas bagi membezakan satu kumpulan dengan satu kumpulan yang lain sebagai tanda penguasaan dan bilangan pengikut mengikut kawasan. Antara kumpulan yang di kenalpasti ialah Geng Apache, Pangkah Shell, Budak Shell, Apache Sereng, Apache Serong, Checanous, Atok Racing Club, Pangkah Burung dan Geng Jamil Maut, Kumpulan ini dikesan aktif berlumba terutama pada malam minggu. Kumpulan ini juga didapati bersaing antara satu sama lain dan gemar menggunakan pelbagai pelekat sebagai isyarat khas untuk menunjukkan kumpulan yang diwakili.<sup>83</sup> Hasil pemerhatian penulis mendapati pelekat terbabit boleh didapati pada harga RM1 hingga RM5 di kedai aksesori motosikal. Setakat ini lambang Apache, Chicanous, Pangkah Burung, Budak Shell paling mudah dilihat di jalanan. Menurut sumber yang sah jika motosikal yang melambangkan kumpulan lain diletakkan di sekitar kawasan yang tidak sepatutnya; motosikal tersebut akan dirosakkan dan individu tersebut dipukul. Individu yang menggunakan logo kumpulan tertentu pula tanpa kebenaran oleh kumpulan tersebut akan dipersoal dari mana mereka memperoleh pelekat tersebut dan akan minta

<sup>82</sup> Berita Harian, 22 September 1999:14, "Serbuan 'mat rempit'".

<sup>83</sup> Harian Metro, Isnin, 6 Ogos 2007: 22, "Pelekat Lambang Kuasa 'mat rempit'".

ditanggalkan. Kini mereka begitu berani memamerkan pelekat antaranya yang berbunyi ‘Rempit Sampai Koma’, ‘‘mat rempit’ Terus Maju’, ‘Sure Rempit Punya’, ‘Rempit Hebat’ dan ‘Belia Benci Polis’.

Dalam usaha mencegah perlumbaan haram di kalangan remaja. Hampir setiap minggu pihak polis melakukan operasi bagi membanteras masalah ini. Tetapi kesannya tidak berkurangan. Pelbagai cadangan diutarakan bagi membanteras masalah lumba haram, ada yang berpendapat bahawa golongan ini perlu dirotan.<sup>84</sup> Ada juga yang mengatakan pelumba haram perlu dibuang daerah.<sup>85</sup> Sesetengahnya pula menyalahkan ibu bapa dan pihak sekolah<sup>86</sup> dan tidak kurang juga yang menyalahkan kerajaan.<sup>87</sup> Ada yang mengeluarkan pendapat perlu diwujudkan litar perlumbaan untuk mereka.<sup>88</sup> Sesetengahnya mengatakan bahawa golongan ini perlu melibatkan diri dalam persatuan dan kemasyarakatan.<sup>89</sup> Ada juga yang mencadangkan agar nama ‘‘mat rempit’’ itu ditukarkan kepada nama ‘Dajjal Rempit’ dan mengalihkan perkataan Rempit kepada r, (rohani) e (emosi), m (material), p (peraturan) i (ilmu) dan t (teknologi).<sup>90</sup> Sesetengahnya pula mencadangkan perhimpunan secara berperingkat-peringkat untuk mereka.<sup>91</sup>

Konklusinya, banyak permasalahan berlaku hasil daripada perlumbaan haram. Permasalahan yang melanda remaja ini perlu diatasi segera agar golongan yang menjadi aset negara tidak dirosakkan oleh negatif seperti perlumbaan haram. Bagi mengenalpasti permasalahan kajian, faktor-faktor yang mendorong remaja terlibat di

<sup>84</sup> *Utusan Malaysia*, 27 Disember 2007:12, “Syor rotan ‘mat rempit’”.

<sup>85</sup> *Utusan Malaysia*, 21 Disember 2007:11, “Buang daerah ‘mat rempit’”.

<sup>86</sup> *Utusan Malaysia*, 11 September 2007:11, “Sikap tidak endah punca budaya ‘mat rempit’”.

<sup>87</sup> *Utusan Malaysia*, 24 Disember 2007:14, “Bukit Jana litar lumba”.

<sup>88</sup> *Harian Metro*, 19 Oktober 2007:17, “Litar ‘mat rempit’: PBT diminta sediakan kemudahan dengan kadar sewa yang berpatutan”.

<sup>89</sup> *Utusan Malaysia*, 24 Januari 2008:13, “Belia Melaka digesa aktif persatuan”.

<sup>90</sup> *Utusan Malaysia*, 11 September 2006:17, “Rujukan ‘mat rempit’ perlu ditukar”.

<sup>91</sup> *Utusan Malaysia*, 19 September 2006:17, “Anjur perhimpunan ‘mat rempit’ berperingkat-peringkat elak masalah”.

dalam perlumbaan haram perlu dikenalpasti terlebih dahulu agar langkah-langkah pencegahan dapat di atur dengan bijaksana.

## **2.7 FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG REMAJA TERLIBAT DALAM GEJALA SOSIAL**

Sebagaimana yang kita tahu, gejala sosial merupakan permasalahan yang boleh meruntuhkan Negara apatah lagi jika generasi muda kita terjebak di dalam permasalahan tersebut. Justeru di dalam kajian ini, penyelidik menyenaraikan pandangan pakar-pakar mengenai faktor-faktor remaja terlibat dalam gejala sosial.

Imam al-Ghazali berpandangan punca remaja terlibat dalam salah laku sosial adalah disebabkan kurangnya keimanan kepada Allah, beliau mendatangkan dua contoh hadis yang menceritakan tentang banyak bercakap yang tidak berfaedah dan tidak berbaik dengan jiran dianggap tidak beriman.<sup>92</sup> Menurut pandangan beliau, kurangnya iman di dalam diri punca remaja terdedah dengan anasir yang tidak sihat dan mudah melakukan perkara negatif.

Kekurangan iman di dalam diri ini disokong oleh Dr. Majd al-Hilali dalam bukunya yang bertajuk *Wājibāt as-Syāb al-Muslim* iaitu tanggungjawab seorang remaja muslim. Beliau juga menambah punca remaja muslim terlibat dengan salah laku sosial adalah di sebabkan beberapa tanggungjawab yang tidak ditunaikan antaranya tanggungjawab dengan Tuhan, tanggungjawab dengan diri, tanggungjawab terhadap akal, tanggungjawab terhadap belajar, tanggungjawab bersama keluarga dan tanggungjawab

---

<sup>92</sup> al-Ghazali, Abī Hāmid (t.t), *Khālq al-Muslim*, Dar al-Kutub al-Islamiyyah, T.T.P, h.10-13.

bersama masyarakat<sup>93</sup> Jika remaja tidak berjaya melakukan tanggungjawab ini, perwatakan mereka akan berubah dan melakukan perkara-perkara negatif.

Menurut Dr. Muhammad as-Sayyid Yusuf di dalam Kitabnya *al-Quran al-Karim fi Islah al-Mujtama'*, antara punca rosaknya masyarakat adalah disebabkan tiga perkara. Pertama meninggalkan apa yang disuruh oleh Allah S.W.T seperti solat fardhu dan puasa di bulan Ramadhan. Kedua hasutan dan godaan syaitan dan yang ketiga ialah perancangan musuh Islam melalui penyebaran ideologi hedonisme.<sup>94</sup>

Ramai diantara ulama-ulama yang mengarang kitab bagi menghindari tipu helah syaitan. Antara ulama' yang menceritakan tentang perkara ini ialah al-Imām Ibnu Qayyim al-Jauzī rahimahullah di dalam kitabnya *Ighāthah al-Lahfān*<sup>95</sup>, dan juga al-Imām Ibnu Qayyim al-Jauzī rahimahullah di dalam kitabnya *Talbīs al-Iblīs*<sup>96</sup>. Perkara ini menjelaskan pentingnya benteng keimanan bagi menghindari syaitan menghasut manusia melakukan kemaksiatan atau gejala sosial.

‘Abd Allah Nāṣih al-‘Ulwān juga menjelaskan perkara yang sama iaitu punca remaja terjebak dalam salah laku sosial adalah disebabkan hubungan mereka yang renggang dengan pencipta. Pengabaian hubungan ini akan mengakibatkan remaja tidak tahu arah tuju di dalam hidup dan mereka dengan mudahnya akan terikut-ikut dengan budaya luar.<sup>97</sup>

<sup>93</sup> Majdi Al-Hilali, *Wajibat as-Syab al-Muslim*, Dar al-Manar: Syubra. h. 15-59.

<sup>94</sup> Muhammad as-Sayyid Yusuf (Dr.) (2002), *al-Quran al-Karim fi Islāh al-Mujtama'*, Dar as-Salam: Kaherah, h.23-117.

<sup>95</sup> Al-Imām al-Ḥāfiẓ Ibnu Qayyim Muḥammad bin Abī Bakr (t.t), *Ighāthah al-Lahfān min Masoyid al-Syaitān*, ed. Muḥammad Sayyid Kailāni, Beirut: al-Nūr al-Islāmiyyah.

<sup>96</sup> Al-Ḥāfiẓ al-Imām Jamāl al-Dīn Abū al-Farāj Abd al-Rahmān bin al-Jauzī (t.t), *Talbīs al-Iblīs*, Dār ‘Umar bin al-Khaṭṭāb al-Iskandariyyah, Misr.

<sup>97</sup> ‘Ulwan, ‘Abd ‘Allah Nasih (2003), *Daur as-Syabab fi Haml Risalah al-Islam*, Dar as-Salam: Kaherah, h. 16.

Melalui pandangan pakar muslim di atas mendapati bahawa punca remaja terlibat dalam gejala sosial adalah disebabkan hubungan hati manusia dengan Allah SWT renggang. Apabila hati tidak terfokus dengan peraturan yang Allah SWT tetapkan, tingkahlaku akan di arah oleh akal fikiran. Akal fikiran pula diarah oleh nafsu. Perkara inilah yang mendorong remaja terlibat dalam gejala sosial.

Mohd. Azmi Abdul Hamid lebih melihat punca berlakunya gejala sosial adalah di sebabkan hidangan media yang bukan berlandaskan petunjuk Ilahi, pengisian yang ditayangkan kepada masyarakat pula dari sumber luar yang kurang kemurniaan dan luhur budi pekerti, suasana ini amat mudah didapati di mana-mana sehingga beliau menjelaskan “apabila mata dibuka nampak sumber yang bukan berlandaskan petunjuk Tuhan dan apabila mata dipejam dapat didengar”. Maklumat yang ditonjolkan inilah yang membentuk sikap sehingga dapat mengubah imej dan identiti seseorang remaja.<sup>98</sup>

Ibrahim Mamat juga bersetuju bahawa pengisian media massa sedikit sebanyak mempengaruhi kecenderungan remaja ke arah perwatakan negatif. Beliau juga menambah bahawa perubahan sikap remaja dipengaruhi oleh dua faktor penting, faktor yang pertama ialah unsur luaran tradisional, ini dikaitkan dengan keluarga, rakan sebaya, sekolah dan pengaruh agama. Jika unsur luaran tradisional ini mempamerkan tingkahlaku positif seperti selalu solat berjemaah bersama keluarga, komunikasi yang baik dan lain-lain, remaja akan terkesan dengan sifat positif. Jika sebaliknya, remaja akan mewarisi akhlak yang negatif. Faktor yang kedua ialah unsur luaran baru, ini dikaitkan dengan pengaruh perkembangan sains dan teknologi.<sup>99</sup> Kedua-dua pengaruh

---

<sup>98</sup> Mohd. Azmi Abdul Hamid (t.t), *Masyarakat Yang Sakit: Akibat Serangan Ekstasi Gaya Hidup, Budaya Pop dan Lucah*, Persatuan Pengguna Pulau Pinang:Pulau Pinang, h. 8.

<sup>99</sup> Ibrahim Mamat (2000), *op, cit.*, h.31-43.

ini akan memberi kesan kepada pembentukan sahsiah diri remaja samaada ke arah kebaikan atau keburukan.

Presiden Persatuan Pengasih Malaysia juga menjelaskan faktor persekitaran mendorong remaja terlibat dalam permasalahan sosial. Perkara ini dikaitkan dengan pengaruh media massa, kemodenisasi dan ideologi kebebasan bertingkahlaku. Faktor pengisian media massa ini mempengaruhi akhlak dan tingkahlaku remaja sehingga menyebabkan nilai-nilai murni luntur dalam hidup remaja. Beliau juga mengaitkan faktor keluarga sedikit sebanyak memberi dorongan remaja melakukan gejala sosial. Beliau mengaitkan ibu bapa sibuk bekerja sehingga mengabaikan pendidikan, komunikasi ibu bapa yang kurang berkesan dan kurangnya kefahaman dalam agama antara faktor penolak remaja terpengaruh dengan budaya hidup negatif.<sup>100</sup>

Profesor Dr. Mahmood Nazar Mohamed yang merupakan Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia menjelaskan punca gejala sosial di kalangan remaja adalah disebabkan oleh budaya hedonism iaitu hiburan melampau, amalan keagamaan yang rendah, hubungan kekeluargaan yang rapuh, nilai murni dan kebudayaan masyarakat yang tidak lagi diamalkan. Perkara ini dikaitkan dengan nilai hak individu, hak orang ramai, materialisme, volunteerisme, semangat kemasyarakatan dan kejirananan yang longgar.<sup>101</sup>

Bagi remaja muslim, keterlibatan dalam salah laku sosial dikaitkan dengan hilangnya lima fokus utama dalam kehidupan; iaitu pertama hidup ini adalah untuk Allah S.W.T.

---

<sup>100</sup> Tuan Hj. Mohd. Yunus Pathi (2008), “Gejala Sosial di Malaysia Masa kini dan Punca-puncanya” (Seminar Pembangunan Insan di Malaysia, 8 Jan 2008, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya), h.5.

<sup>101</sup> Profesor Dr. Mahmood Nazar Mohamed (2008), “Gejala Sosial di Malaysia Masa kini: Antara punca-puncanya”(Seminar Pembangunan Insan di Malaysia, 8 Jan 2008, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya), h.12.

Kedua, Nabi S.A.W sebagai contoh ikutan; peribadi baginda yang zuhud, tawadhu', pemaaf, berlemah lembut, kuat tubuh badan, berani, mengamalkan politik yang sihat, tegas dalam pendirian, serta bijak dalam berkomunikasi dijadikan rujukan. Ketiga, Al-Quran sebagai teras panduan hidup, mukjizat Nabi S.A.W. yang agung ini menekankan kebergantungan insan kepada Penciptanya, isi kandungannya yang sesuai diamalkan pada setiap zaman, bersifat realiti dan menyeluruh, banyak memberi input baru serta adil dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Keempat, jihad sebagai landasan hidup dan yang terahir; mati syahid sebagai cita-cita hidup seorang remaja muslim. Apabila hilangnya fokus seorang remaja muslim di dalam halatuju hidupnya maka remaja akan bertindak melakukan perbuatan negatif.<sup>102</sup>

Azimi Hamzah berpendapat faktor remaja terlibat dalam gejala sosial adalah kerana badan-badan persatuan yang bertanggungjawab memantau remaja tidak memahami permasalahan remaja. Beliau berpendapat siapa jua yang terlibat dalam pembangunan generasi muda perlu memahami ciri-ciri, masalah serta keperluan generasi muda dan seterusnya menyatukan maklumat-maklumat tersebut dalam membentuk satu program pendidikan yang efektif. Perlu ditegaskan bahawa program pendidikan berterusan hendaklah berasaskan kepada permasalahan dan keperluan sebenar remaja.<sup>103</sup>

Amaluddin ab. Rahman & Noralina Omar di dalam buku mereka menjelaskan tiga faktor penting yang mempengaruhi personaliti, prestasi, sifat dan tingkah laku seseorang remaja adalah; pertama: taufiq dan hidayah Allah SWT, ini dikaitkan dengan fitrah kejadian manusia. Allah mencipta manusia lengkap dengan struktur badan disertai dengan kepelbagaiannya fungsi, contohnya Allah memberi telinga yang boleh digunakan

<sup>102</sup> Ulwan, ‘Abd ‘Allah Nasih (2002), *Hatta Yu ‘allim as-Syabab*, Dar as-Salam: Kaherah, h.13-153.

<sup>103</sup> Azimi Hamzah (2007), “Pendidikan Berterusan: Satu pendekatan Pembangunan Belia” (Kertas Kerja Seminar Belia di Universiti Kebangsaan Malaysia, 24-25 Oktober 2007),h. 4.

untuk mendengar walaupun terdapat sesetengah individu yang dilahirkan pekak., namun dengan keadilan dan kekuasaan-Nya, Allah memberi kelebihan kepada mereka dari aspek yang lain. Faktor yang kedua ialah faktor dalaman, ini dirujuk dari sudut genetik (kebakaan), fisiologi (kimia atau hormone dalam badan), fizikal, pertumbuhan dan kematangan. Oleh yang demikian, personaliti yang terhasil pada anak dipengaruhi oleh salah satu atau gabungan faktor tersebut. Ketiga ialah faktor persekitaran, ini dikaitkan dengan persekitaran individu, antaranya ialah ibu bapa, adik-adik, pengasuh, pembantu rumah, guru, rakan sebaya dan media.<sup>104</sup>

Desertasi yang dilakukan oleh Fariyah Hussain dengan tajuknya *Keruntuhan akhlak di kalangan remaja: Suatu Kajian di Alor Setar* merumuskan punca remaja terlibat dalam masalah sosial adalah di sebabkan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, pengaruh rakan sebaya, terpengaruh dengan media massa, kurang didikan agama, masalah perceraian ibu bapa, dan mempunyai sikap ingin mencuba.<sup>105</sup> Kesemua faktor ini akan menolak remaja terjebak kepada permasalahan negatif.

Faridah Mohd Sairi menekankan pentingnya komunikasi yang baik antara remaja dan masyarakat di sekelilingnya, antara saranan beliau ialah:

Pertama; kepentingan memperolehi pendidikan keibus bapaan yang benar dan betul khususnya pada zaman ini, mereka perlu memberi didikan sejak dari kandungan lagi agar dapat melahirkan dan membentuk anak yang beriman dan beramal soleh.

---

<sup>104</sup> Amaluddin ab. Rahman & Noralina Omar (2007), *Zaman Beribu Liku: Tip dan Panduan Memahami Jiwa Remaja*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, h.12-15.

<sup>105</sup> Fariyah Hussain (2006), *Keruntuhan akhlak di kalangan remaja: Suatu Kajian di Alor Setar*, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akedemi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h.138.

Kedua; media massa tidak seharusnya mementingkan keuntungan semata-mata, sehingga mengabaikan nilai-nilai murni yang menjadi norma masyarakat kita. Remaja pada peringkat ini sedang mencari bahan yang terbaik untuk dijadikan panduan hidup untuk masa hadapan, justeru media massa seharusnya memikirkan kesan negatif dan positif melalui bahan yang dipaparkan agar tidak memberi kesan negatif terhadap sikap para remaja.

Ketiga; ahli Jawatankuasa Kemajuan (JKK) kampung berperanan merangka dan menyebarluaskan program yang bermanfaat untuk para remaja terutamanya aktiviti yang bercorak kemasyarakatan seperti pertandingan sukan dan sebagainya. JKK kampung perlu berperanan lebih proaktif dan memberi tumpuan kepada aspek pembangunan insani remaja dengan mendirikan pusat-pusat sehenti (kiosk) yang menempatkan bahan-bahan media bermaklumat untuk remaja duduk berkumpul dan berbincang tanpa membuang masa.

Keempat; pendakwah disarankan menggunakan pendekatan dan penyampaian dalam bentuk baru agar menarik lebih ramai sasaran terutama generasi remaja, mereka perlu mempelbagaikan corak penyampaian mesej agar remaja boleh dibentuk dengan perubahan yang positif. Penggunaan alat bantuan seperti OHP, slide, dan alatan audio video yang menarik patut diketengahkan.

Melalui penjelasan di atas didapati banyak faktor-faktor yang mendorong remaja terlibat dalam gejala sosial. Bagi merumuskan faktor di atas penyelidik membahagikan faktor kecenderungan remaja terlibat dalam gejala sosial ini disebabkan dua desakan. Pertama ialah desakan dalaman seperti kurang penerapan iman di dalam diri, kurang motivasi ke arah kebaikan, dan terpengaruh dengan ideologi yang bertentangan dengan

syariat. Faktor kedua adalah faktor yang mendesak remaja dari luar. Faktor ini merangkumi kurangnya didikan ibu bapa, pengisian negatif yang dihidangkan oleh media massa dan terpengaruh dengan rakan-rakan negatif. Kedua-dua desakan ini mendorong remaja melakukan perbuatan negatif.

## **2.7 KESIMPULAN**

Di dalam bab ini menjelaskan tentang definisi remaja, definisi lumba haram dan ‘mat rempit’. Bab ini juga menjelaskan tentang kaitan fenomena lumba haram dengan permasalahan sosial lain. Selain itu, kerosakan dari kacamata Islam juga disentuh dengan penjelasan yang terperinci. Penyelidik menutup bab ini dengan pandangan pakar-pakar berkaitan dengan faktor kecenderungan remaja dalam gejala sosial.

## BAB 3

### PERLUMBAAN HARAM DI DAERAH LARUT DAN MATANG

#### 3.1 PENGENALAN

Kajian di dalam bab ini adalah untuk mencapai objektif yang kedua iaitu mengenalpasti kaitan remaja lumba haram di Daerah Larut dan Matang, Perak dengan kesalahan jenayah lain. Bab ini juga menyentuh tentang sejarah Daerah Larut dan Matang, Perak, kronologi pelumba haram, lingkungan umur yang kerap terlibat dalam lumba haram, kategori pelumba haram dan aksi yang dilakukan oleh mereka. Untuk tujuan tersebut, metode kajian yang digunakan ialah kajian-kajian lepas, temubual dan observasi.

#### 3.2 DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK

##### 3.2.1 SEJARAH DAERAH LARUT DAN MATANG

Daerah Larut, Matang dan Selama merupakan daerah yang terletak di lembah Sungai Perak. Sebelum awal abad ke-19, Larut belum lagi dapat menarik minat ramai penduduk untuk membuat penempatan di sini.<sup>106</sup>

Daripada kajian-kajian yang telah dilakukan, terdapat beberapa penempatan yang menjadi tumpuan manusia pra sejarah terutama di Pulau Kelumbang dan Selinsing di daerah Matang. Penempatan-penempataan pra sejarah ini memberi tumpuan kepada aktiviti perdagangan dan kelautan. Namun demikian pada awal abad ke-19 terdapat beberapa penempatan baru yang mula di terokai oleh orang Melayu yang menetap di kawasan Larut, seperti di Bukit Gantang, Pondok Tanjung, Kurau dan Kuala Kurau.<sup>107</sup>

---

<sup>106</sup> Yusuf bin Mohamed, penduduk Kamunting, Perak, Temubual pada 12 Ogos 2008, Jam 7.30.

<sup>107</sup> Muhammad Wahid Shamsuddin, (1999), *Sejarah Daerah Larut dan Matang*, Jabatan Sejarah dan Tamadun, Universiti Kebangsaan Malaysia, h.23.

Larut menjadi penting dalam sejarah negeri Perak setelah bijih timah ditemui pada pertengahan kurun ke-19. Orang pertama yang mengetahui potensi Larut sebagai sebuah daerah yang kaya dengan bijih timah ialah Long Jaafar bin Long Latif. Long Jaafar bermastautin di daerah Larut setelah abangnya berkahwin dengan anak perempuan Panglima Bukit Gantang. Semasa dia mula-mula membuka Larut, hanya tiga orang Cina sahaja yang berusaha untuk mengeksport bijih timah di daerah yang kaya dengan bahan galian ini. Kawasan ini semakin pesat berkembang dari masa ke semasa sehingga dapat menarik sejumlah orang Cina untuk datang bagi mengusahakan lombong bijih timah. Lombong Long Jaafar yang awal dibuka ialah di Kelian Pauh. Long Jaafar menemui tempat tersebut setelah mendapati air sungai yang menjadi tempat mandinya menjadi hitam dan kawasan tersebut kini merupakan tapak penjara Taiping. Kelian Pauh kemudian menjadi pusat perlombongan yang utama yang diusahakan oleh Long Jaafar sehingga dia menemukan satu lagi kawasan yang kaya dengan bijih timah. Kawasan ke dua itu dijumpai apabila seekor gajah peliharaan Long Jaafar telah lari ke kawasan hutan dan apabila berjaya ditangkap didapati badan gajah tersebut penuh dengan bijih timah. Peristiwa ini membawa kepada penerokaan kawasan kedua lombong bijih timah di Perak iaitu di Kelian Baru (kini dikenali dengan nama Kamunting). Di sini bermulalah sejarah penting yang akhirnya menjadi medan peperangan dan seterusnya membawa kepada campur tangan British di Perak.<sup>108</sup>

### **3.2.2 KAWASAN DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK**

Keluasan keseluruhan kawasan Larut dan Matang ialah 134,939.00 hektar, di mana daripada jumlah ini seluas 18,670.00 hektar adalah kawasan Majlis Perbandaran Taiping sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan selebihnya adalah kawasan

---

<sup>108</sup> *Ibid.*

Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Perak Darul Ridzuan selaku pihak berkuasa perancangan tempatan.<sup>109</sup>

Bagi guna tanah semasa, hutan adalah guna tanah terbesar iaitu 68,975.18 hektar (51.12%), diikuti dengan kawasan pertanian seluas 37,647.00 hektar (27.90%) di mana pertanian utama ialah kelapa sawit dan getah. Bagi guna tanah perumahan keluasan adalah 7,602.29 hektar (5.63%), perdagangan dan perkhidmatan sebanyak 205.78 hektar (0.15%) dan industri sebanyak 536.78 hektar (0.40%). Keluasan kawasan institusi dan kemudahan masyarakat pula adalah 1,231.31 hektar (0.91%).<sup>110</sup>

Jadual 3.1 Keluasan Mukim Daerah Larut dan Matang, Perak.

<b>MUKIM BAGI DAERAH LARUT DAN MATANG</b>		<b>KELUASAN</b>
1	Mukim Batu Kurau	35,957.63
2	Mukim Kamunting	4,352.66
3	Mukim Bandar Taiping	402.33
4	Mukim Tupai	5,508.74
5	Mukim Asam Kumbang	5,875.84
6	Mukim Simpang, Pengkalan Aur dan Sg. Limau	8,786.77
7	Mukim Jebong	13,064.10
8	Mukim Trong	15,312.89
9	Mukim Bukit Gantang	13,975.34
10	Mukim Sungai Tinggi	31,702.70
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		134,939.00

(Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Daerah Larut dan Matang, Perak.)

<sup>109</sup> Sejarah Daerah Larut dan Matang (2004), “ Sejarah Larut dan Matang”.


<sup>110</sup> *Ibid.*

### **3.3 LOKASI REMAJA BERLUMBA HARAM DI DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK.**

Terdapat beberapa lokasi yang sering menjadi litar perlumbaan bagi remaja yang terlibat di dalam perlumbaan haram di daerah Larut dan Matang, Perak, antaranya:

### 3.3.1 DEPAN YAWATA

Peta 3.2: Lokasi perlumbaan haram di depan Yawata



(Sumber: google Map)


Jalan ini terletak antara Masjid Kamunting hingga ke lampu isyarat berhampiran The Store, Kamunting. Kawasan ini terletak di tengah-tengah bandar Kamunting. Jalan ini lebih dikenali dengan nama jalan Kamunting. Ramai remaja gemar menggunakan jalan ini untuk tujuan perlumbaan haram kerana jalannya yang lurus dan sesuai untuk menguji kepantasan enjin. Jalan ini juga dilihat mudah untuk mereka melakukan aksi-aksi mencabar seperti *willie*.

Terdapat saksi yang melihat hampir 70 buah motosikal yang bergerak secara berkumpulan sepanjang perjalanan pulang daripada mengambil anaknya di

stesyen keretapi di Taiping. Situasi di situ bertambah gamat apabila ada di antara remaja yang menunggang motosikal secara berlawanan arus.<sup>111</sup> Malah ada ketika hampir 50 buah motosikal didapati melakukan aksi-aksi berbahaya di hadapan Yawata, Kamunting sehingga menimbulkan ketakutan di kalangan orang awam. Lebih buruk lagi apabila lebih lima buah motosikal sedang beradu kelajuan dan memotong kereta dari belakang tanpa menghiraukan keselamatan pengguna jalan raya yang lain.<sup>112</sup>

### 3.3 .2 JALAN AIR KUNING

Peta 3.3: Lokasi perlumbaan haram di Air Kuning, Taiping.



(Sumber: google Map)

Jalan ini dikenali dengan jalan Air Kuning, Taiping. Jalan ini merupakan jalan lurus yang luas, dan amat sesuai melakukan aksi-aksi mencabar serta beradu kelajuan enjin. Ketika penyelidik melakukan pemerhatian, hampir 25 buah motosikal sedang melakukan perlumbaan haram di litar berkenaan, sebahagian remaja yang lain menyaksikan perlumbaan haram tersebut di sepanjang jalan


<sup>111</sup> Temubual bersama Azman bin Abdullah di dalam kereta ketika ingin ke Bandaraya Taiping, 3.00 ptg, pada 12 Dis. 2010.

<sup>112</sup> Temubual bersama Ustaz Yahya Abdullah, Bekas Naib Kadi Daerah Kamunting, Perak. Jam 8.00 malam, 12 Nov 2010.

berkenaan. Melalui litar ini, remaja biasanya akan berlumba haram pada hari Sabtu dan Ahad, sekitar jam 1.30 pagi hingga jam 4.30 pagi.<sup>113</sup>

### 3.3 .3 JALAN PERUSAHAAN TUPAI

Peta 3.4: Lokasi perlumbaan haram di jalan Perusahaan Tupai




(Sumber: google Map)

Litar perlumbaan haram ini dikenali di kalangan remaja sebagai *litar Giant*. Jalan ini merupakan jalan perindustrian dan tidak sibuk dengan kenderaan yang bertali arus. Remaja ini akan berpusing sepanjang 1 kilometer bagi melengkapkan satu pusingan. Kebiasaannya, mereka akan melakukan perlumbaan pada hari Sabtu dan Ahad di sebelah petang sekitar jam 6.00 hingga 7.00 petang. Ramai di antara pengunjung yang membeli belah di Pasaraya Giant turut menyaksikan perlumbaan tersebut.

<sup>113</sup> Pemerhatian penyelidik, Pemerhatian di Jalan Air Kuning, Taiping, Pada 12 Dis 2008.

### 3.3 .4 DEPAN BALAI BOMBA, TAIPING

Peta 3.5: Lokasi perlumbaan haram di depan Balai Bomba, Taiping




(Sumber: google Map)

Litar perlumbaan haram ini dikenali di kalangan remaja yang terlibat dalam lumba haram sebagai litar depan Balai Bomba Taiping. Mereka akan bermula di lampu isyarat yang terletak di hadapan Balai Bomba, seterusnya melalui jalan Tupai, Jalan Kota, dan Jalan Sultan Abdullah. Waktu perlumbaan yang menjadi kebiasaan adalah pada awal pagi Sabtu dan Ahad iaitu sekitar jam 1.30 pagi hingga jam 4.00 pagi.

### 3.3 .5 JALAN KOLAM BUKIT MERAH

Peta 3.6: Lokasi perlumbaan haram di Kolam Bukit Merah




(Sumber: google Map)

Litar perlumbaan haram ini dikenali di kalangan remaja lumba haram sebagai litar kolam Bukit Merah, ianya terletak bersebelahan dengan kolam bukit Merah. Remaja akan beradu kelajuan pada sebelah petang pada hari Sabtu dan Ahad sekitar jam 6.00 petang hingga 7.00 petang. Remaja yang datang berlumba adalah dari sekitar Bagan Serai, Parit Buntar, Taiping, Selama, Batu Kurau dan Gunung Semanggol. Bagi mereka yang terlibat, bukan sahaja menyertai bahkan cukup hanya menyaksikan perlumbaan haram adalah satu perkara yang menghiburkan.

### 3.3 .6 HIGHWAY KAMUNTING – CHANGKAT JERING

Peta 3.7: Lokasi perlumbaan haram di highway kamunting-Changkat Jering




(Sumber: google Map)

Antara litar yang dijadikan medan untuk beradu kelajuan adalah di highway Kamunting-Changkat Jering. Remaja akan bermula dari highway Kamunting

dan keluar ke highway Changkat Jering atau sebaliknya. Kebiasaannya remaja yang menggunakan litar ini adalah mereka yang mempertaruhkan wang.

### 3.3 .7 HIGHWAY KAMUNTING – BUKIT MERAH

Peta 3.8: Lokasi perlumbaan haram di highway kamunting-Bukit Merah



(Sumber: google Map)

Highway Kamunting- Bukit Merah juga antara kawasan kegemaran remaja yang terlibat dalam perlumbaan haram. Jalan ini merupakan jalan luas, lapang dan selesa untuk menguji kepantasan motosikal. Remaja yang menggunakan jalan ini kebiasaannya adalah remaja yang menjadikan wang sebagai taruhan.

### **3.4 PERLUMBAAN HARAM DI DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK**

#### **3.4 .1 KRONOLOGI PELUMBA HARAM**

Hasil perbincangan penyelidik bersama remaja yang aktif terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram di Daerah Larut dan Matang menunjukkan bahawa individu yang terlibat dalam lumba haram berumur seawal 10 hingga 12 tahun, pada tahap ini ada di antara mereka yang sudah pandai melakukan aksi-aksi lumba haram seperti *whillie*, *wikang*, konvoi beramai-ramai dan berlumba dengan menggunakan basikal. Apabila melangkah ke tingkatan satu pada usia 13 tahun, kanak-kanak ini mula belajar menunggang motorsikal. Lingkungan umur yang dipanggil awal remaja ini berumur antara 13 hingga 15 tahun dan mereka sudah mula berani melakukan aksi-aksi mudah seperti *whillie* dan aksi *ala superman* menggunakan motorsikal. Apabila mencecah usia 16 tahun golongan ini sudah pandai mengubahsuai motorsikal dan kerap terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram di hujung minggu.<sup>114</sup>

#### **3.4 .2 LINGKUNGAN UMUR YANG AKTIF BERLUMBA**

Hasil pemerhatian penulis di Daerah Larut dan Matang selama satu tahun iaitu dari 1 Ogos 2007 hingga 31 Ogos 2008 mendapati bahawa umur pelumba yang terlibat secara aktif dalam aktiviti perlumbaan haram antara 16 hingga 25 tahun. Walaubagaimanapun, ada di antara pelumba yang berumur bawah daripada 16 tahun iaitu 13, 14, dan 15 tahun, namun lingkungan umur ini dilihat baru berjinak-jinak melakukan aksi di dalam kelompok mereka sahaja. Remaja yang berumur lebih daripada 25 tahun didapati kurang menyertai perlumbaan haram, situasi ini kemungkinannya di sebabkan oleh pengaruh rakan sebaya yang sudah berkahwin dan bekerja, namun terdapat juga

---

<sup>114</sup> Perbincangan bersama Zai Black, Hafiz Kampung Teratai, Hafiz kecil, Mizi, Silmi dan Izwandi. Di depan rumah Izwandi pada 13 Januari 2008, jam 4.30 ptg.

sebilangan kecil di kalangan mereka yang mengamalkan kegiatan negatif yang lain seperti bermain dengan perempuan, hisap gam atau ganja.<sup>115</sup>

### **3.4 .3 KATEGORI PELUMBA HARAM**

#### **a. SEKOLAH MENENGAH**

Hasil pemerhatian penyelidik mendapati remaja yang mula menjinakkan diri dalam aktiviti perlumbaan haram bermula seawal usia 10 tahun dengan menggunakan basikal, apabila melangkah ke sekolah menengah iaitu di tingkatan satu mereka mula mencuba aksi dengan menunggang motorsikal, umur 16 tahun golongan ini sudah cuba untuk keluar rumah tanpa pengetahuan ibu bapa untuk berlumba pada hujung minggu.<sup>116</sup>

Ini diakui oleh Amin yang menyetujui bahawa hampir kesemua remaja yang terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram bermula dari rakan di sekolah menengah, hasil pengaruh dan ajakan kawan di sekolah mendorong remaja terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram.<sup>117</sup>

Tekanan dari pihak guru, ibu bapa dan juga masyarakat yang terlalu mengharap agar pelajar mencapai kecemerlangan akademik dengan memperolehi A1 dalam semua matapelajaran juga mendorong remaja bertingkah laku sosial secara negatif. Ada di antara mereka gagal memperolehi keputusan yang cemerlang dalam sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR). Kegagalan ini menyebabkan masyarakat sekeliling berpandangan serong dan melabelkan mereka sebagai malas, tidak berusaha dan

---

<sup>115</sup> *Ibid.*

<sup>116</sup> Sarjan Mejari Marzukhi b. Harun, PJK. SM Pengukuasa / Pentadbiran Trafik IPD Taiping, Perak. Temubual di pejabat beliau di Balai Polis Trafik Cawangan Taiping, Perak, jam 12.00 tgh, 17 Jun 2008.

<sup>117</sup> Silmi, Terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram di Daerah Larut dan Matang, Perak, Temubual di Bengkel Achik, Kamunting, Jam 12 Malam, 5 Ogos 2008.

tidak mengulangkaji pelajaran. Akibatnya golongan ini dilihat lebih selesa berada di dalam kelompok remaja yang senasib dengan mereka, melalui kawan sebeginilah mendorong remaja terlibat dalam aktiviti sosial yang negatif seperti aktiviti perlumbaan haram sebagai alat untuk mencari ketenangan.<sup>118</sup>

Kurangnya pendidikan yang berkesan dan sokongan dari ibu bapa dilihat memburukkan lagi keadaan remaja tersebut. Leteran ibu bapa sedikit sebanyak mendorong remaja yang baru mula mencari dan membentuk identiti diri menghabiskan masa melepak bersama rakan sebaya. Aktiviti berkumpulan ini seterusnya mendorong mereka terlibat dalam perlumbaan haram.

Pengasingan kelas di kalangan pelajar mengikut tahap pencapaian akademik juga mempengaruhi kecenderungan pelajar terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram, ini diakui oleh Ilham yang menganggap pelajar yang menduduki kelas hujung cenderung melibatkan diri dalam aktiviti perlumbaan haram.<sup>119</sup> Mereka yang berada di dalam kelompok yang kurang bijak dari sudut akademik ini biasanya diketepikan dan kurang diberi perhatian oleh pihak sekolah. Ini menggalakkan mereka melakukan aktiviti yang negatif untuk menarik perhatian atau sebagai satu cara menunjukkan protes kepada pihak yang tertentu seperti ibu bapa dan pihak sekolah.

## b. REMAJA YANG MENGANGGUR

Kebanyakan remaja yang terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram adalah dari kalangan mereka yang menganggur, golongan ini kebanyakannya hanya mengharapkan duit dari ibu bapa ataupun dengan aktiviti mencuri.

---

<sup>118</sup> *Ibid.*

<sup>119</sup> Ilham, Terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram, Temubual di Kedai Makan Pengkalan Balak, Melaka, 7 Januari 2009, 5 ptg.

### **c. REMAJA YANG SUDAH BEKERJA**

Remaja yang terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram khususnya di Daerah Larut dan Matang kebanyakannya bekerja di supermarket seperti di Gaint, Tesco dan The Store. Pekerja kilang seperti Kilang Silvestone, pekerja restoran seperti KFC, McDonald, Pizza Hut juga antara mereka yang terbabit. Remaja yang bekerja kampung juga didapati tidak ketinggalan melibatkan diri secara aktif dalam perlumbaan haram. Antaranya pekerja di ladang estet dan penoreh getah. Ada juga yang bekerja sendiri seperti bermiaga. Tambah mengejutkan lagi, terdapat di kalangan mereka yang terlibat dalam salahlaku ini adalah mereka yang memegang jawatan awam seperti askar, polis, dan pegawai penjara. Hasil kajian mendapati mereka yang terlibat dalam salah laku sosial ini di pengaruhi oleh kawan di tempat mereka bekerja.

#### **3.4.4 AKTIVITI PELUMBA HARAM**

##### **a. SETIAP HARI**

Remaja yang menyertai lumba haram kebiasaannya mempunyai tempat lepak sendiri, isi perbualan adalah berkisar tentang kehidupan sehari-hari seperti motorsikal, teman wanita, lokasi lumba haram, atau merangka sesuatu untuk aktiviti di malam minggu. Semasa berbincang kebiasaannya mereka akan menghisap rokok. Tempoh perbincangan adalah bergantung kepada seseorang individu tersebut dan biasanya akan melibatkan 2 hingga 10 orang.<sup>120</sup>

---

<sup>120</sup> Perbincangan bersama remaja yang terlibat dalam lumba haram di hadapan rumah Izwandi Ismail. Pada 2 Januari 2008.

### **b. MALAM MINGGU**

Pada malam minggu iaitu malam Sabtu dan malam Ahad, kebiasaan remaja lumba haram akan berlumba dan melakukan aksi-aksi di litar perlumbaan yang diiktiraf oleh mereka. Remaja ini akan menggunakan sebahagian malam terutama sekitar waktu 12.00 tengah malam hingga ke 4.00 pagi bagi tujuan perlumbaan. Remaja juga memanfaatkan waktu tersebut dengan berlumba dan melakukan aksi-aksi yang membanggakan mereka.<sup>121</sup>

### **c. CUTI UMUM**

Pada cuti umum seperti sambutan tahun baru dan malam kemerdekaan, remaja lumba haram akan menggunakan malam tersebut untuk berhibur sepenuhnya. Di Daerah Larut dan Matang, Taman Tasik Taiping menjadi lokasi tempat mereka berkumpul. Selepas jam 12.00 malam mereka akan berlumba di lokasi yang telah ditentukan dan ianya akan diselang-seli dengan aksi-aksi yang mencabar. Lokasi perlumbaan haram di Daerah Larut dan Matang yang menjadi tumpuan pelumba ialah Depan Yawata, jalan Air Kuning, jalan kolam Bukit Merah, jalan Giant, Highway Kamunting, Palanapale, dan depan Balai Bomba Taiping.

### **3.4 .5 AKSI PELUMBA HARAM**

Antara aktiviti yang menjadi tarikan utama remaja lumba haram ialah aksi-aksi yang mencabar, antara aksi yang selalu dilakukan oleh pelumba haram ialah *whillie*, *wikang*, seret *crier*, asah lampu, aksi ala *superman*, aksi ala *scorpian* dan mencilok. Antara aksi ekstrem lain seperti seret *helmet*, menunggang motorsikal dengan menggunakan kaki, dua orang pacak satu motorsikal, berdiri di atas motorsikal tanpa pegang handle dan *whillie* lepas tangan.

---

<sup>121</sup> Perbincangan bersama remaja yang terlibat dalam lumba haram di hadapan rumah Izwandi Ismail. Pada 2 Januari 2008.

### **a. Wikang**

Wikang ialah gabungan dua perkataan daripada *willie* dan belakang, istilah ini tidak terdapat di dalam kamus, penggunaan perkataan ini popular dikalangan pelumba motorsikal haram. Antara aksi wikang yang dilakukan oleh pelumba haram ialah mengangkat tayar belakang dalam keadaan tayar hadapan berhenti, mengangkat tayar belakang dalam keadaan tayar hadapan berputar atau berjalan dan mengangkat tayar belakang dalam keadaan tayar hadapan membelok.

### **b. Whillie**

Istilah ini diambil daripada perkataan inggeris iaitu mengangkat tayar hadapan, selain *whillie* aksi ini dikenali dengan pacak. Aksi ini amat digemari di kalangan pelumba haram, ia memerlukan kekuatan enjin untuk mengangkat tayar hadapan dengan baik. Terdapat dua motosikal yang kerap digunakan oleh pelumba haram. Pertama; Motor yang ada *clutch*,<sup>122</sup> motosikal jenis begini pelumba perlu mencengkam *clutch* dan memulas minyak secara serentak, kemudian *clutch* dilepaskan. Ianya memerlukan kemahiran untuk melakukannya. Manakala motor yang tidak ada *clutch*<sup>123</sup> Pelumba perlu menekan gear kaki dan memulas minyak secara serentak, kemudian melepaskan gear secara perlahan.

### **c. Seret lampu/ asah lampu**

Aksi ini dilakukan dengan mengangkat tayar hadapan motosikal sehingga lampu belakang digeserkan ke atas jalan raya, aksi ini memerlukan kekuatan enjin supaya motorsikal dapat diangkat dengan baik. Aksi ini agak merbahaya kerana ia boleh

---

<sup>122</sup> Motor yang menggunakan 2T, ia mempunyai 2 lejang. Contoh motorsikal yang mempunyai class ialah RXZ Yamaha, 125Z Yamaha.

<sup>123</sup> Motor yang tidak menggunakan 2T, ia mempunyai 4 lejang. Contoh motorsikal yang tidak menggunakan class ialah EX5, Kriss Modenas.

mengakibatkan motosikal menghempap penunggang dan menyebabkan kecederaan yang parah.

**d. *Whillie ular***

Willie ular ini dilakukan dengan mengangkat tayar hadapan. Penunggang akan bergerak ke kiri dan ke kanan sambil menyeimbangkan motosikal agar tidak terjatuh. Aksi ini memerlukan jalan raya yang lenggang dan luas bagi memudahkan penunggang melakukan aksi. Aksi ini juga dikenali dengan ‘main layar’.

**e. *Seret carrier***

Seret ini bermaksud menggeser atau mengheret. Carrier ialah besi yang diletakkan di bahagian belakang motosikal. Aksi ini dilakukan dengan mengangkat tayar hadapan sehingga carrier belakang di seretkan di atas jalanraya. Aksi ini juga sama seperti aksi yang dilakukan oleh asah lampu.

**f. *Corner Baring***

Corner ini merupakan perkataan inggeris yang bermaksud sudut tepi. Baring pula bermaksud merebahkan diri. Pelumba haram mengistilahkan *corner baring* sebagai melalui selekoh seperti hendak merebahkan badan ke tanah. Aksi ini memerlukan keseimbangan badan yang baik. Pelumba haram yang cekap akan memastikan tongkat atau sayap motosikal terseret. Aksi ini juga dikenali sebagai ‘layan corner’. Untuk melakukan aksi ini, penunggang terlebih dahulu memastikan selekoh tersebut bebas daripada pasir, minyak dan jalan basah. Antara istilah yang digunakan bagi aksi *corner* ialah *corner ceah lutut* dan *corner kena stand*.

#### **g. Aksi Ala *Superman***

*Superman* dikaitkan dengan hero filem inggeris yang mampu terbang di udara. Bagi pelumba haram, mereka menggayakan aksi tersebut dengan menggunakan motosikal. Aksi ini dilakukan dengan menunggang motosikal dalam keadaan yang laju, kemudian meniarapkan badan di atas tempat duduk penunggang dengan tangan sebelah kanan memulas minyak dan sebelah kiri lagi berperanan menekan gear. Aksi ini dilakukan di jalan lurus dalam keadaan motorsikal bergerak laju, aksi ini berbahaya di jalan berselekoh, ini kerana dalam keadaan kaki ke belakang, penunggang tidak mampu menghentikan motorsikal dalam keadaan segera.

#### **h. Aksi Ala *Scorpian***

*Scorpian* diambil dari bahasa inggeris yang bermaksud kala jengking. Aksi ini dilakukan dalam keadaan motosikal bergerak ke hadapan kemudian penunggang berdiri di atas motosikal dengan keadaan satu kaki diangkat kebelakang, keadaan ini dikatakan seperti kala jengking (*scorpion*). Penunggang juga boleh melakukan aksi pacak, penunggang perlu menghenjut *handle* yang dipegangnya, aksi ini memerlukan lentunan *fork* yang baik.

#### **i. Mencilok**

Mencilok bermaksud mencelah. Aksi ini dilakukan dalam keadaan jalanraya di penuhi kenderaan atau berada di dalam kesesakan jalan raya. Penunggang memandu dalam keadaan laju sambil melalui di celah-celah kenderaan lain. Pelumba haram juga melakukan deruman yang kuat bagi menarik perhatian pemandu lain. Aksi ini akan menyebabkan pemandu lain memperlahangkan kenderaan dan mengambil sikap berhati-hati bagi mengelakkan kereta mereka dicalari.

### **3.5 KAITAN PELUMBA HARAM DENGAN KESALAHAN JENAYAH DI DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK.**

Media cetak dan juga elektronik banyak mendedahkan bahawa remaja yang terlibat dalam lumba haram sering dikaitkan dengan kesalahan jenayah lain seperti mencuri motosikal, menjual komponen motosikal curi, menghidu gam, minum arak, mengugut, berzina, tawaran hadiah perempuan dan tawaran hadiah wang. Mereka turut dikaitkan dengan aktiviti membuang masa seperti melepak, menganggur dan sanggup berjaga malam menyaksikan perlumbaan. Remaja yang terlibat dalam lumba haram ini dianggap sampah kepada masyarakat kerana tidak mampu memberi sumbangan bahkan menambahkan lagi beban kepada masyarakat dan negara dengan peningkatan kadar jenayah di negara kita. Justeru analisis ini melihat pandangan responden mengenai tahap keseriusan remaja lumba haram di Daerah Larut dan Matang, Perak terlibat di dalam kesalahan jenayah. Analisis ini dinilai berdasarkan kefahaman responden terhadap kaitan remaja lumba haram dengan kesalahan jenayah lain. Jadual di bawah ini akan menerangkan dengan jelas tahap keseriusan remaja lumba haram di Daerah Larut dan Matang, Perak terlibat di dalam kesalahan jenayah.

**Jadual 3.9: Kaitan Pelumba Haram Dengan Aktiviti Jenayah**

Perkara	Rendah (%)	Sederhana (%)	Tinggi (%)
Mencuri motosikal	8 (19.0%)	22 (52.4%)	12 (28.6%)
Menjual komponen motosikal curi	7 (16.7%)	22 (52.4%)	13 (31.0%)
Menganggur	3 (7.1%)	28 (66.7%)	11 (26.2%)
Mempunyai kumpulan	1 (2.4%)	2 (4.8%)	39 (92.9%)
Mengugut	-	11 (26.2%)	31 (73.8%)
—.			—.

Minum arak/ menghidu gam (perkara yang memabukkan)	5 (11.9%)	30 (71.4%)	7 (16.7%)
Tawaran hadiah perempuan	28 (66.7%)	9 (21.4%)	5 (11.9%)
Tawaran hadiah wang	2 (4.8%)	32 (76.2%)	8 (19.0%)
Melepak	-	7 (16.7%)	35 (83.3%)
Sanggup berjaga malam menyaksikan perlumbaan	-	9 (21.4%)	33 (78.6%)
Wanita berlumba	39 (92.9%)	1 (2.4%)	2 (4.8%)
Memiliki teman Wanita	2 (4.8%)	33 (78.6%)	7 (16.7%)
Berzina	3 (7.1%)	30 (71.4%)	9 (21.4%)

**(Sumber: Soal Selidik)**

### 3.5.1 KAITAN DALAM JENAYAH MENCURI

Berdasarkan jadual 3.1 di atas, didapati sejumlah (52.4%) dari kalangan responden menjawab penglibatan remaja di dalam mencuri motosikal adalah di tahap sederhana. Manakala 28.6% responden menjawab di tahap yang tinggi berbanding 19.0% menjawab remaja di daerah Larut dan Matang terlibat di dalam mencuri motosikal adalah di tahap yang rendah. Peratusan ini menunjukkan separuh daripada responden menyatakan gejala mencuri motosikal di Daerah larut dan Matang, Perak adalah di tahap sederhana. Min peratusan ini cenderung ke arah tahap yang tinggi.

Ayie yang merupakan pelumba haram aktif di daerah Larut dan Matang berpandangan punca remaja lumba haram terlibat di dalam jenayah mencuri adalah disebabkan tidak mampu mengubahsuai motosikal mereka. Hal ini disebabkan oleh pengubahsuai motosikal memerlukan kos yang tinggi. Kebanyakan remaja yang terlibat di dalam perlumbaan haram bukanlah dari kalangan keluarga yang berada dan ada di antara mereka yang tidak mempunyai pekerjaan (menganggur). Oleh sebab itu mereka menjadikan pekerjaan mencuri sebagai jalan singkat untuk mencari sumber kewangan untuk mengubahsuai motosikal.<sup>124</sup>

Hidayat pula menambah, motosikal seperti Honda EX5, 125z Yamaha dan RXZ Yamaha menjadi sasaran pencuri, ini kerana motosikal sebegini mempunyai permintaan yang tinggi di kalangan pelumba haram kerana mudah untuk mendapatkan peralatan ganti di bengkel-bengkel motosikal selain harganya yang murah berbanding dengan motosikal jenama lain.<sup>125</sup>

Hidayat menambah lagi, terdapat dua faktor remaja yang terlibat di dalam perlumbaan haram dikaitkan dengan mencuri. Pertama; ingin bersaing dengan rakan yang lain dengan memastikan jentera yang dinaiki sentiasa dihiasi dengan komponen-komponen yang baru dan canggih. Kedua; menjadikan pekerjaan mencuri sebagai cara untuk mendapatkan wang samada untuk pengubahsuai motosikal ataupun sebagai wang taruhan.<sup>126</sup>

Menurut Inspektor Zabidi, terdapat peningkatan jumlah motosikal yang dilaporkan hilang dari tahun ke tahun. Ini membuktikan jenayah mencuri motosikal di daerah Larut

---

<sup>124</sup> Temubual bersama Ayie di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

<sup>125</sup> Hidayat, temubual di Taman Ria, jam 8.00 malam, 20 April 2008

<sup>126</sup> Hidayat, *ibid.*, Terlibat dalam perlumbaan haram, Temubual di Taman Ria, Simpang, jam 10.00 malam, 12 Julai 09.

dan Matang, Perak semakin membimbangkan. Justeru itu, usaha untuk membendung gejala mencuri motosikal ini perlu dilakukan segera sebelum mencecah ke tahap yang lebih membimbangkan.<sup>127</sup>

Konklusinya, dapatan kajian ini mendapati bahawa remaja yang aktif dalam lumba haram dan pada masa yang sama turut terlibat dalam jenayah mencuri di Daerah Larut dan Matang, Perak adalah di tahap sederhana dan ianya cenderung ke tahap yang tinggi. Justeru, usaha-usaha membanteras gejala ini perlu dilaksanakan semaksima mungkin agar jenayah mencuri dikalangan remaja dapat dibendung dengan segera.

### **3.5.2 KAITAN PELUMBA HARAM MENYERTAI KUMPULAN LUMBA HARAM**

Jadual 3.1 juga menunjukkan remaja yang mempunyai kumpulan adalah di tahap yang tinggi iaitu 92.9%, yang mewakili lebih separuh daripada keseluruhan jumlah responen berbanding 4.8% yang menjawab di tahap sederhana, manakala 2.4% menjawab di tahap yang rendah. Peratusan ini menggambarkan bahawa kebanyakkan remaja yang menyertai aktiviti perlumbaan haram mempunyai kumpulan mereka sendiri.

Ayie, salah seorang responden berpendapat, punca remaja terlibat dalam kumpulan lumba haram adalah disebabkan tidak mahu dipinggirkan daripada aktiviti yang dirancang. Antara aktiviti yang dirancang ialah perlumbaan haram di hujung minggu, melepak di kawasan-kawasan yang dipersetujui dan konvoi ke tempat-tempat yang telah

---

<sup>127</sup> Inspektor Zabidi, Pegawai Trafik Lalu lintas bagi IPD Taiping. Temubual pada 12 April 2008, di pejabat beliau, jam 12 tengahari.

dirancang. Bagi mereka, melakukan aktiviti yang dirancang adalah sesuatu yang dinanti-nantikan dan menyeronokkan.<sup>128</sup>

Menurut Amin pula, terdapat beberapa kumpulan lumba haram di daerah Larut dan Matang, Perak. Antara kumpulan-kumpulan pelumba yang aktif ialah Pangkah Burung, Apache, Budak Shell, Apache Sereng, Apache Serong, Benetton, Atok Racing Club, dan Chicanous. Menurutnya lagi, apabila remaja berada dalam kumpulan, ahli kumpulan akan membantu walaupun mereka tidak begitu mengenali antara satu sama lain. Misalnya, jika salah seorang dari ahli kumpulan mengalami masalah pada motor, ahli kumpulan yang lain akan membantu. Mereka mengenalpasti ahli kumpulan masing-masing melalui lambang yang dilekatkan di bahagian motosikal atau di bahagian helmet. Nilai membantu kawan dilihat sudah sebatи di kalangan ahli kumpulan pelumba haram.<sup>129</sup>

Dapatan kajian ini mendapati bahawa remaja yang menyertai kumpulan lumba haram adalah di tahap yang tinggi. Penilaian tahap tinggi ini juga dikukuhkan lagi melalui pemerhatian penyelidik dan juga temubual dengan pelumba haram. Hasil kajian ini mendapati hampir kesemua pelumba haram menyertai kumpulan lumba haram. Hal ini menggambarkan bahawa remaja yang menyertai lumba haram tidak ingin ketinggalan di dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh kumpulan mereka.

### **3.5.3 KAITAN PELUMBA HARAM TERLIBAT DENGAN JENAYAH MENGUGUT**

Jadual 3.1 juga menunjukkan realiti bahawa tahap remaja mengugut adalah ditahap yang tinggi 73.8% berbanding 26.2% di tahap sederhana, manakala tidak ada responden

---

<sup>128</sup> Ayie,*op. cit.*

<sup>129</sup> Temubual bersama Amin di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

yang menjawab di tahap rendah. Peratusan ini menggambarkan keseriusan remaja di daerah Larut dan Matang, Perak terlibat di dalam jenayah mengugut.

Menurut Izwandi, sikap remaja lumba haram akan berubah menjadi agresif apabila memegang *handle* motosikal dan berada di dalam kumpulan yang ramai. Misalnya, terdapat seorang pemandu yang membunyikan hon ke arah sekumpulan motosikal, akibatnya cermin kereta pemandu tersebut dipecahkan.<sup>130</sup>

Ayie juga berpendapat, remaja akan bertindak agresif apabila mereka diganggu, misalnya terdapat kes polis menghalang lumba haram di kawasan Stesyen Bas Kamunting. Keesokkan paginya cermin pondok polis Stesyen Bas Kamunting, Perak dipecahkan oleh sekumpulan pelumba haram, ianya dipercayai dipecahkan dengan menggunakan helmet sebagai tanda protes kerana aktiviti mereka terganggu.<sup>131</sup>

Kajian ini mendapati bahawa remaja lumba haram yang turut aktif dalam jenayah mengugut di daerah Larut dan Matang, Perak adalah di tahap tinggi. Remaja lumba haram didapati berubah sikap menjadi agresif apabila tindakan dan keinginan mereka dihalang. Mereka akan bertindak apa sahaja sebagai tanda protes kepada pihak berkuasa.

### **3.5.4 KAITAN PELUMBA HARAM TERIBAT DENGAN HADIAH WANITA**

Jadual 3.1 menunjukkan tahap remaja lumba haram yang dikaitkan dengan tawaran hadiah wanita. 66.7% responden berpendapat keseriusan permasalahan ini adalah di tahap yang rendah, 11.9% menjawab di tahap yang tinggi dan 21.4% menjawab di tahap

---

<sup>130</sup> Izwandi, *op. cit.*,

<sup>131</sup> Ayie, *op. cit.*,

sederhana. Peratusan ini menunjukkan perlumbaan motosikal secara haram yang melibatkan tawaran hadiah wanita adalah kurang.

Menurut Pak Kecik, remaja tidak dikaitkan dengan hadiah wanita. Tawaran hadiah perempuan ini hanya terdapat di bandar-bandar besar seperti di ibu kota Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, sebaliknya remaja di daerah Larut dan Matang kebanyakannya hanya berlumba untuk menguji kepantasan motosikal dan mencari keseronokkan bersama rakan.<sup>132</sup>

Dapatan kajian ini mendapati bahawa remaja di daerah Larut dan Matang, Perak tidak dikaitkan dengan tawaran hadiah wanita, malahan peratusan menunjukkan remaja lumba haram dikaitkan dengan tawaran hadiah wanita adalah di tahap rendah. Kebanyakan remaja yang menyertai perlumbaan haram berlumba hanya sekadar menghiburkan diri dan mencari keseronokan bersama rakan.

### **3.5.5. KAITAN PELUMBA HARAM DENGAN PERTARUHAN WANG**

Jadual 3.1 juga menunjukkan tawaran perlumbaan haram yang melibatkan wang bagi remaja di daerah Larut dan Matang, Perak adalah di tahap sederhana iaitu 76.2% berbanding 19.0% adalah di tahap yang tinggi manakala 4.8% adalah di tahap rendah. Peratusan ini menunjukkan remaja yang terlibat di dalam pertaruhan wang adalah di tahap sederhana.

Pak kecik menjelaskan, remaja yang terlibat di dalam pertaruhan wang adalah sedikit bilangannya sebaliknya tujuan utama remaja berlumba adalah untuk berhibur bersama

---

<sup>132</sup> Temubual bersama Pak Kecik di padang bola SK Air Putih, Perak. Jam 5.00 ptg, 02 Dis 08.

rakan. Melalui perlumbaan haram, remaja dapat berkumpul dan berseronok menonton aksi yang ditunjukkan oleh rakan-rakan mereka di litar perlumbaan.<sup>133</sup>

Menurut Amin, ada di antara remaja di daerah Larut dan Matang, Perak melakukan pertaruhan wang. Ini dilakukan oleh remaja yang berusia dalam lingkungan 20 tahun ke 27 tahun. Remaja yang melakukan pertaruhan memiliki jentera yang sudah diyakini kepantas dan kelajuannya. Kebiasaan remaja ini akan berada di kawasan seperti di Highway Kamunting-Changkat Jering atau Kamunting-Bukit Merah.<sup>134</sup>

Kajian ini mendapati bahawa remaja lumba haram di daerah Larut dan Matang, Perak dikaitkan dengan pertaruhan wang adalah di tahap sederhana. Hasil temubual dan pemerhatian mendapati remaja lumba haram yang melibatkan pertaruhan wang ini akan berada di kawasan-kawasan tertentu seperti Highway Kamunting-Changkat Jering atau Kamunting-Bukit Merah. Rumusannya, kajian ini mendapati bahawa kaitan remaja lumba haram dengan pertaruhan wang adalah di tahap sederhana.

### **3.5.6 KAITAN PELUMBA HARAM DENGAN BERJAGA MALAM DI HUJUNG MINGGU**

Jadual 3.1 juga menunjukkan remaja yang sanggup berjaga malam menyaksikan perlumbaan motosikal secara haram di tahap yang tinggi 78.6%, iaitu tiga perempat daripada responden berbanding 21.4% yang menjawab di tahap sederhana. Manakala tidak ada responden yang menjawab di tahap yang rendah. Peratusan ini menggambarkan bahawa remaja sanggup tidak tidur malam bertujuan untuk menyaksikan perlumbaan motosikal secara haram.

---

<sup>133</sup> Pak Kecik, *op. cit.*

<sup>134</sup> Amin, *op. cit.*

Kesanggupan remaja untuk tidak tidur malam untuk menonton perlumbaan haram adalah satu perbuatan atau aktiviti yang sangat tidak berfaedah. Mereka bukan sahaja membuang masa bahkan akibat perbutan tersebut, tumpuan dan kualiti dalam pekerjaan akan terjejas. Permasalahan ini jika hanya dipandang ringan akan membawa kepada impak jangka masa panjang yang lebih besar iaitu kemerosotan ekonomi negara.

### **3.5.7 KAITAN PELUMBA HARAM DENGAN AKTIVITI MELEPAK**

Jadual 3.1 juga menunjukkan tahap peratusan melepak di daerah Larut dan Matang, Perak adalah tinggi 83.3% berbanding 16.7% yang menjawab di tahap sederhana. Manakala tidak ada yang menjawab remaja melepak di tahap rendah. Situasi ini menggambarkan bahawa remaja di daerah Larut dan Matang, Perak gemar melepak.

Menurut Amin, budaya melepak sudah menjadi satu fenomena biasa bagi remaja di daerah Larut dan Matang, Perak. Remaja yang tidak melepak bersama rakan-rakan dianggap tidak pandai bergaul dan menyendiri di dalam rumah seperti perempuan.<sup>135</sup>

Menurut Izwandi, pelbagai aktiviti berkumpulan dapat dirancang melalui melepak. Misalnya, pada hujung tahun, remaja akan berkonvoi menyaksikan percikan bunga api di Taman Tasik, Taiping. Ia merupakan perkara yang sangat menyeronokkan apabila remaja dapat berkumpul dan melakukan aktiviti secara beramai-ramai.<sup>136</sup>

Kajian ini mendapati bahawa remaja lumba haram di daerah Larut dan Matang, Perak dikaitkan dengan melepak adalah di tahap tinggi. Hasil temubual dan pemerhatian mendapati remaja gemar melepak. Hal ini disebabkan banyak idea serta perancangan

---

<sup>135</sup> Amin, *op. cit.*

<sup>136</sup> Temubual bersama Izwandi di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

aktiviti dapat dibincangkan semasa melepak. Justeru, bagi remaja yang tidak menyertai kumpulan melepak mereka dianggap ketinggalan dari mendapat maklumat terkini.

### **3.5.8 KAITAN PELUMBA HARAM DENGAN MENGANGGUR**

Jadual 3.1 menunjukkan tahap peratusan remaja yang terlibat di dalam perlumbaan haram menganggur adalah di tahap sederhana 66.7% berbanding 26.2% di tahap tinggi dan 7.1% di tahap rendah. Peratusan ini menunjukkan tahap remaja yang menganggur adalah di tahap sederhana.

Amin berpendapat, ramai di antara kawan-kawannya yang berlumba haram menganggur dan tidak mempunyai pekerjaan. Permasalahan ini mungkin berpunca daripada sikap mereka yang tidak pandai mengurus diri dan masa. Kegagalan pengurusan diri dan masa ini dilihat melalui pembaziran waktu yang banyak dihabiskan kepada aktiviti-aktiviti yang tidak bermanfaat seperti melepak dan berlumba. Sikap negatif ini turut terbawa-bawa ke alam pekerjaan yang mengakibatkan mereka dipecat oleh majikan.<sup>137</sup>

Kajian ini mendapati kaitan remaja lumba haram di daerah Larut dan Matang, Perak dengan masalah pengangguran adalah di tahap sederhana. Kajian juga mendapati kebanyakan remaja lumba haram sering bertukar-tukar pekerjaan. Mereka juga sering dilihat mengikut kawan di dalam memilih pekerjaan. Misalnya, jika ada di antara rakan yang mengatakan pekerjaan susah dan tidak menyeronokkan, mereka akan terpengaruh dengan pandangan rakan tersebut. Sikap ingin mengikut kawan ini juga antara punca bilangan menganggur di kalangan remaja meningkat.

---

<sup>137</sup> Amin, *op. cit.*

### **3.5.9 KAITAN PELUMBA HARA DENGAN MENGAMBIL BAHAN YANG MEMABUKKAN**

Jadual 3.1 menunjukkan tahap peratusan remaja yang mengambil bahan yang memabukkan adalah di tahap sederhana 71.4%. berbanding 16.7% di tahap tinggi dan 11.9% di tahap rendah. Peratusan ini menggambarkan tahap remaja dalam mengambil bahan yang memabukkan adalah di tahap sederhana.

Bahan yang memabukkan adalah seperti menghidu gam, menggunakan pil-pil khayal dan meminum arak.<sup>138</sup> Menurut Amin, remaja di daerah Larut dan Matang, Perak yang mengambil bahan yang memabukkan adalah di tahap yang membimbangkan. Ini disebabkan mereka mudah mendapatkan bahan tersebut. Ia melibatkan remaja lepasan sekolah dan yang masih di bangku sekolah bermula dari merokok, kemudian menghidu gam dan seterusnya mengambil pil-pil yang mengkhayalkan. Antara punca mereka mengambil bahan yang memabukkan adalah disebabkan tekanan hidup.<sup>139</sup>

Menurut Black, tekanan hidup ini dilihat berpunca daripada remaja tidak pandai mengurus diri dan masa dan banyak membazirkan waktu bersama kawan. Pembaziran waktu dilihat melalui aktiviti bersempang, melepak dan melakukan aktiviti yang tidak berfaedah. Mungkin pada mulanya mereka seronok dengan cara hidup tersebut, namun lama kelamaan mereka akan berasa tertekan kerana keperluan hidup yang mendesak terutamanya dari sudut kewangan. Situasi ini mendorong remaja mengambil bahan yang memabukkan atas tujuan untuk mencari ketenangan.<sup>140</sup>

---

<sup>138</sup> Kamus Dewan (2007), *op.cit*, h.971.

<sup>139</sup> Amin, *op. cit*.

<sup>140</sup> Temubual bersama Black di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

Menurut Izwandi, remaja di zaman moden ini dilihat gemar melakukan aktiviti yang dilarang seperti berlumba haram dan mengambil bahan yang memabukkan apabila berhadapan dengan tekanan hidup. Mereka menganggap perbuatan ini mampu mengurangkan tekanan yang dihadapi.<sup>141</sup>

Dapatan kajian ini mendapati bahawa remaja lumba haram yang dikaitkan dengan pengambilan bahan yang memabukkan adalah di tahap sederhana. Pernyataan ini juga disokong oleh peratusan min di dalam jadual 3.1. Dapatan kajian ini juga mendapati tujuan remaja mengambil bahan yang memabukkan adalah untuk tujuan hiburan dan mencari ketenangan, lama kelamaan ianya bertukar parah apabila menjadi ketagihan di kalangan mereka. Justeru, kajian ini mendapati remaja lumba haram dikaitkan dengan mengambil bahan yang memabukkan adalah di tahap sederhana.

### **3.5.10 KAITAN PELUMBA HARAM DENGAN PELUMBA PEREMPUAN**

Jadual 3.1 juga menunjukkan tahap peratusan remaja wanita yang terlibat di dalam perlumbaan haram adalah rendah 92.9%. berbanding 4.8% menjawab di tahap tinggi dan 2.4% di tahap sederhana. Peratusan ini menggambarkan tahap remaja wanita terlibat di dalam perlumbaan haram adalah di tahap rendah.

Maksud penglibatan wanita di dalam perlumbaan haram adalah penyertaan golongan ini dalam perlumbaan motosikal di atas jalan raya awam. Perlumbaan ini hanya disertai oleh golongan wanita sahaja dan disaksikan oleh golongan lelaki. Amin<sup>142</sup> dan Izwandi<sup>143</sup> berpendapat belum ada remaja perempuan di daerah Larut dan Matang,

---

<sup>141</sup> Izwandi,*op. cit.*

<sup>142</sup> Amin, *op. cit.*

<sup>143</sup> Izwandi, *op. cit.*

Perak melakukan aksi sedemikian. Situasi ini tidak sama dengan penyertaan wanita di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Kajian ini mendapati bahawa tidak ada remaja perempuan yang menyertai perlumbaan haram. Sebaliknya mereka hanya dibonceng oleh teman lelaki. Bilangan remaja perempuan yang dibonceng juga sedikit. Sebaliknya jika cuti umum seperti sambutan malam kemerdekaan dan sambutan tahun baru, bilangan remaja perempuan yang dibonceng oleh teman lelaki meningkat. Justeru, kajian ini mendapati bahawa remaja wanita di daerah Larut dan Matang, Perak tidak menyertai perlumbaan haram dan ianya di tahap yang rendah.

### **3.5.11 KAITAN PELUMBA HARAM DENGAN MEMILIKI TEMAN WANITA**

Jadual 3.1 menunjukkan tahap peratusan remaja yang memiliki teman wanita adalah di tahap sederhana 78.6%. berbanding 16.7% di tahap tinggi dan 4.8% di tahap rendah. Peratusan ini menggambarkan lebih separuh daripada responden menyetujui bahawa remaja memiliki teman wanita adalah di tahap sederhana.

Teman wanita bermaksud memiliki teman, sahabat yang akrab kepada perempuan.<sup>144</sup> Situasi ini diibaratkan seperti sepasang kekasih di dalam percintaan. Menurut Silmi, terdapat sebahagian besar remaja lelaki memiliki teman wanita. Namun, keliatan remaja perempuan di dalam perlumbaan haram hanya sekadar dibonceng oleh teman lelaki. <sup>145</sup>

Menurut Amin, ada di antara segelintir remaja lelaki membонceng teman wanita dengan tujuan untuk berhibur. Dengan adanya wanita, aktiviti yang dilakukan lebih menarik

---

<sup>144</sup> Kamus Dewan (2007), *op. cit.*, h.1639.

<sup>145</sup> Temubual bersama Silmi di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

dan lebih menyeronokkan,<sup>146</sup> banyak aktiviti boleh dilakukan antaranya menyaksikan perlumbaan haram dan berkaraoke.<sup>147</sup> Aktiviti-aktiviti seperti inilah yang mendorong kepada perlakuan zina di kalangan pelumba haram.

Ada di antara remaja lelaki menjadikan malam minggu sebagai malam untuk berhibur dan bergembira bersama teman wanita. Lebih buruk lagi apabila terdapat sebilangan remaja perempuan sanggup keluar bersama teman lelaki dan tidur bersama malah ada yang sanggup menghabiskan masa bersama teman lelaki selama dua hari bermula dari petang Jumaat hingga ke malam Ahad.<sup>148</sup>

Pak Kecik menambah, hampir lima hingga sepuluh orang remaja lelaki membonceng perempuan di malam minggu. Remaja perempuan ini turut menjadi penonton aksi-aksi perlumbaan haram di daerah Larut dan Matang, Perak. Bilangan remaja perempuan yang menyaksikan perlumbaan haram bertambah terutamanya di malam-malam perayaan seperti kemerdekaan dan sambutan tahun baru. Bilangan mereka mencecah kepada dua puluh hingga tiga puluh orang.<sup>149</sup>

Kajian ini mendapati bahawa tahap remaja lumba haram memiliki teman wanita adalah di tahap sederhana. Tahap sederhana ini dilihat melalui nisbah bilangan wanita yang hadir menyertai lumba haram. Hasil pemerhatian mendapati hampir lima hingga sepuluh orang remaja perempuan menyaksikan perlumbaan haram bersama dengan teman lelaki. Bilangan remaja perempuan ini dilihat meningkat pada malam kemerdekaan dan sambutan tahun baru. Kajian ini turut menyelongkar rahsia bahawa kebanyakan remaja perempuan yang menyertai lumba haram sudah diperkosa. Remaja

---

<sup>146</sup> Amin, *op. cit.*

<sup>147</sup> Ayie, *op. cit.*

<sup>148</sup> *Ibid.*

<sup>149</sup> Pak Kecik, *op. cit.*,

perempuan yang menyertai lumba haram juga dikesan kebanyakannya dengan rela hati mengorbankan diri dengan tidur bersama teman lelaki.

### **3.5.12 KAITAN PELUMBA HARAM DENGAN JENAYAH ZINA**

Jadual 3.1 menunjukkan tahap penglibatan remaja di dalam kesalahan berzina adalah sederhana (71.4%), iaitu tiga perempat daripada responden. Berbanding (21.4%) yang menjawab di tahap tinggi dan 7.1% di tahap rendah. Situasi ini menggambarkan bahawa terdapat segelintir remaja yang terlibat di dalam perlumbaan haram turut terlibat di dalam jenayah penzinaan.

Menurut Izwandi, terdapat ramai di antara remaja yang membonceng remaja perempuan terutamanya dihujung minggu. Kebanyakan remaja mengisi hujung minggu mereka dengan bersiar-siar bersama teman wanita seperti di Bermishpool, Taman Tasik Taiping dan pusat beli belah terutamanya di The Store dan Tesco. Jadi tidak mustahil ada di antara mereka yang terlibat di dalam jenayah penzinaan.<sup>150</sup>

Menurut Ust Yahya Abdullah bekas naib kadi di kawasan Kamunting, Perak, hampir setiap minggu remaja terlanjur datang kepada beliau untuk bernikah. Kebanyakannya adalah bermula daripada berkawan, dan akhirnya membawa kepada perlakuan zina.<sup>151</sup>

Hasil temubual serta pemerhatian mendapati bahawa remaja tidak dikaitkan dengan hadiah perempuan. Sebaliknya remaja lelaki mempunyai teman wanita sendiri, remaja ini menjadikan wanita sebagai teman berhibur dan berseronok. Situasi ini menggambarkan kebarangkalian yang tinggi untuk pelumba haram melakukan jenayah zina bersama teman masing-masing.

---

<sup>150</sup> Temubual bersama Izwandi di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

<sup>151</sup> Temubual bersama Ustaz Yahya Abdullah, *op. cit.*

### **3.6 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, tahap penglibatan remaja yang aktif dalam lumba haram dikaitkan dengan aktiviti jenayah adalah di tahap yang sederhana. Namun penglibatan remaja di daerah Larut dan Matang, Perak ini dilihat sedang menuju ke arah yang lebih parah dan membimbangkan. Hal ini dilihat melalui peratusan min yang ditunjukkan kebanyakannya mengarah kepada tahap yang tinggi. Misalnya mencuri motosikal, menjual komponen motosikal, meminum bahan yang memabukkan seperti arak dan menghidu gam. Pelumba haram juga dikaitkan dengan permasalahan lain seperti membuang masa dengan melepak, sanggup menghabiskan masa hujung minggu dengan berjaga malam menyaksikan perlumbaan haram, merewang bersama teman wanita dihujung minggu. Justeru, dapatan kajian ini mendapati bahawa remaja lumba haram dikaitkan juga dengan jenayah berat yang lain, namun penglibatan mereka tidak dilihat kesemua yang menyertai pelumba haram terlibat di dalam jenayah, penglibatan mereka dilihat sebahagian daripada mereka. Dapatan tahap penglibatan remaja lumba haram terlibat dalam kesalahan jenayah juga dilihat membimbangkan. Tanggungjawab mengeluarkan remaja dalam kalangan budaya negatif ini bukan sahaja dipikul oleh badan-badan tertentu sahaja. Semua pihak perlu bertanggungjawab mencari jalan keluar dari permasalahan yang melanda diri remaja terutamanya remaja Islam. Jika penglibatan remaja di dalam gejala negatif ini dibiarkan berterusan, tidak mustahil usaha untuk mengeluarkan remaja dari dalam lingkungan kemusnahan diri ini sukar untuk dilakukan.

**BAB 4**  
**FAKTOR-FAKTOR REMAJA TERLIBAT DALAM PERLUMBAAN HARAM**  
**DI DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK**

**4.1. PENGENALAN**

Kajian di dalam bab ini adalah untuk mencapai objektif yang ketiga iaitu faktor remaja terlibat dalam perlumbaan haram. Kajian menggunakan remaja di daerah Larut dan Matang, Perak sebagai sample kajian. Untuk tujuan tersebut, maka metode kajian yang digunakan ialah soal selidik, temu bual dan observasi. Huraian berkaitan dengan metode ini terdapat di dalam Bab Satu.

**4.2 DEMOGRAFI**

**4.2.1 TEMPAT TINGGAL**

**Jadual 4.1 Tempat tinggal**

	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Kampung	20	47.6
Taman	22	52.4
Jumlah	42	100.0

**Sumber: Soal Selidik**

Berdasarkan jadual 4.1 menunjukkan seramai 20 orang (47.6 %) responden menetap di kawasan kampung, sementara 22 orang (52.4 %) responden menetap di kawasan taman. Ini menunjukkan bahawa di antara kawasan taman dan kampung tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Kedua-dua penempatan ini menggambarkan remaja tidak ada masalah menyertai aktiviti perlumbaan haram.

#### **4.2.2 UMUR**

**Jadual 4.2 Umur**

	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
13-15	6	14.3
16-17	17	40.5
18-20	14	33.3
21-ke atas	5	11.9
Jumlah	42	100.0

**Sumber:** Soal Selidik

Jadual 4.2 menerangkan umur remaja yang menyertai perlumbaan haram. Seramai 17 orang (40.5 %) responden berumur 16 hingga 17 tahun, kumpulan umur ini merupakan kumpulan yang teramai berbanding baki kumpulan lain. Sementara 14 orang (33.3 %) responden berumur 18 hingga 20 tahun, 6 orang (14.3 %) responden berumur dalam lingkungan 13 hingga 15 tahun dan 5 orang (11.9 %) responden berumur 21 tahun hingga ke atas. Keadaan ini menunjukkan kebanyakan remaja yang terlibat di dalam perlumbaan haram di daerah Larut dan Matang, Perak adalah di dalam lingkungan umur 16 hingga 17 dan 18 hingga 20 tahun.

#### **4.2.3 PEKERJAAN**

**Jadual 4.3 Pekerjaan**

	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Pelajar	23	54.8
Menganggur	14	33.3
Bekerja	5	11.9
Jumlah	42	100.0

**Sumber:** Soal Selidik

Berdasarkan jadual di atas, remaja yang terlibat di dalam lumba haram kebanyakannya adalah dari kalangan pelajar sekolah. Ini dibuktikan melalui jadual 4.3 yang menunjukkan seramai 23 orang (54.8 %) responden berstatus pelajar, sementara 14

orang (33.3 %) responden menganggur dan 5 orang (11.9 %) responden bekerja. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan realiti yang berlaku bahawa ramai di antara remaja yang masih bersekolah terlibat di dalam perlumbaan haram.

#### **4.2.4 PEKERJAAN IBU DAN BAPA RESPONDEN**

Jenis pekerjaan boleh memberi gambaran kepada status ekonomi sesebuah keluarga. Individu yang mempunyai jenis pekerjaan yang rendah kebiasaannya mempunyai status ekonomi yang rendah, begitu juga sebaliknya.

Dalam kajian ini penyelidik telah mengklasifikasikan jenis pekerjaan kepada empat kategori iaitu bekerja sendiri seperti bermiaga, menternak atau bertani, bekerja kerajaan, bekerja swasta dan tidak bekerja seperti sudah pencen atau menganggur.

**Jadual 4.4 Pekerjaan bapa**

<b>Kategori pekerjaan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Sendiri	15	35.7
Kerajaan	6	14.3
Swasta	10	23.8
Tidak bekerja	11	26.2
Jumlah	42	100.0

**Sumber: Soal Selidik**

Berdasarkan jadual 4.4, ramai di antara responden berada dalam status keluarga yang sederhana dan miskin. Ini dapat dilihat melalui jadual di atas, seramai 15 orang bapa (35.7 %) responden bekerja sendiri berbanding 6 orang (14.3 %) bapa responden bekerja kerajaan. Manakala 10 orang (23.8 %) bapa responden bekerja swasta dan 11 orang (11.9 %) bapa responden tidak bekerja.

#### **Jadual 4.5 Pekerjaan Ibu**

<b>Kategori Pekerjaan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Sendiri	12	28.6
Kerajaan	7	16.7
Swasta	8	19.0
Suri Rumah	15	35.7
Jumlah	42	100.0

**Sumber:** Soal Selidik

Berdasarkan kepada jadual 4.5, seramai 12 orang (28.6 %) ibu responden bekerja sendiri, 7 orang (16.7 %) ibu responden bekerja di sektor kerajaan, 8 orang (19.0 %) ibu responden bekerja di sektor swasta, manakala 15 (35.7%) orang ibu responden adalah suri rumah.

Melihat kepada hasil kajian berkenaan pekerjaan ibu dan bapa responden, kebanyakan daripada responden datang dari keluarga yang mempunyai status sosio ekonomi yang miskin dan sederhana.

#### **4.2.5 HAK MILIK MOTOSIKAL**

#### **Jadual 4.6 Hak Milik Motosikal**

	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Sendiri	14	33.3
Keluarga	28	66.7
Jumlah	42	100.0

**Sumber:** Soal Selidik

Satu lagi aspek yang dikaji di dalam kajian ini ialah hak milik motosikal responden.

Kajian mendapati remaja yang menyertai lumba haram menggunakan motosikal milik keluarga berbanding motosikal milik sendiri. Ini dapat dilihat melalui jadual 4.6 yang menunjukkan seramai 28 (66.7%) orang responden menunggang motosikal milik

keluarga berbanding 14 (33.3%) orang responden menunggang motosikal sendiri. Situasi ini memberi gambaran bahawa ramai di antara remaja yang menyertai perlumbaan haram tidak berkemampuan membeli motosikal sendiri, sebaliknya menggunakan motosikal keluarga untuk tujuan perlumbaan haram.

Melalui kajian ini juga menggambarkan keruntuhan institusi kekeluargaan yang berlaku dalam keluarga responden. Ibu bapa tidak menghiraukan anak mereka menggunakan motosikal milik keluarga untuk tujuan aktiviti lumba haram bersama rakan. Kurangnya penegasan di samping ketandusan pendidikan yang efektif daripada ahli keluarga terutamanya ibu bapa itu sendiri juga antara faktor penting yang mendorong remaja terlibat dalam perlumbaan haram.

#### **4.3 FAKTOR-FAKTOR REMAJA TERLIBAT DALAM PERLUMBAAN HARAM DI DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK.**

Faktor-faktor remaja terlibat di dalam perlumbaan haram harus dikenalpasti agar langkah-langkah pencegahan dan penyelesaian yang sesuai dapat diambil. Kajian mengenai faktor keterlibatan remaja ini adalah untuk mencapai objektif kajian yang ketiga. Hasil analisis kajian ini telah menyenaraikan empat faktor utama yang kesemuanya mempunyai kaitan dengan diri remaja itu sendiri.

##### **4.3 (a) FAKTOR IBU BAPA**

**Jadual 4.7: Faktor Ibu bapa**

	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju
Bila balik rumah, mak ayah mesti berleter	6 (14.3%)	9 (21.4%)	7 (16.7%)	20 (47.6%)
Kadang-kadang mak ayah aku berleter, aku buat tak layan.	4 (9.5%)	9 (21.4%)	19 (45.2%)	10 (23.8%)

Aku <i>tension</i> duduk rumah	6 (14.3%)	11 (26.2%)	23 (54.8%)	2 (4.8%)
Aku bila duk rumah asyik berkurung dalam bilik je	4 (9.5%)	3 (7.1%)	13 (31.0%)	22 (52.4%)
Aku selalu sembahyang jemaah dengan keluarga	12 (28.6%)	22 52.4%	6 14.3%	2 (4.8%)
Aku selalu tengok mak ayah aku solat	11 (26.2%)	18 (42.9%)	9 (21.4%)	4 (9.5%)
Selalu mak ayah aku solat di awal waktu	12 (28.6%)	16 (38.1%)	7 (16.7%)	7 (16.7%)

**Sumber:** Soal Selidik

Bagi item ‘ibu suka berleter bila balik ke rumah’; 20 orang (47.6%) responden menjawab ‘sangat setuju’. 7 orang (16.7%) responden menjawab ‘setuju’. Bagi mereka yang ‘tidak bersetuju’ pula seramai 6 orang (14.3%) responden, manakala 9 orang (21.4%) menjawab ‘kurang bersetuju’. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa hampir separuh daripada responden tidak selesa mendengar leteran<sup>152</sup> ibu bapa.

Dr. Tengku Asmadi menjelaskan teguran yang salah boleh menyebabkan remaja tertekan lalu melahirkan perasaan memberontak. Leteran yang berpanjangan boleh menyebabkan remaja tidak tahu melakukan tindakan. Oleh sebab itu, kebanyakan remaja mengambil keputusan untuk keluar dari lingkungan permasalahan dan tekanan di rumah dan selesa bersama kawan-kawan untuk mencari ketenangan.<sup>153</sup>

Prof. Dato. Dr. Hj. Mohd Fadilah Kamsah menjelaskan naluri manusia tidak menyukai orang menghina atau mencari kesalahan mereka. Leteran yang sentiasa diulang-ulang boleh menimbulkan kemarahan orang yang mendengarnya. Leteran yang berpanjangan

<sup>152</sup>Leteran bermaksud teguran yang berpanjangan untuk tujuan seseorang itu mengubah diri, teguran yang dilakukan tidak secara hikmah sehingga orang yang ditegur berasa tidak selesa dengan teguran yang diberikan akan menyebabkan teguran yang diberi tidak akan dilaksanakan, sebaliknya membiarkan perkara yang ditegur dengan tujuan orang yang menegur berperasaan marah. Situasi ini berbeza dengan teguran secara berhikmah, teguran sebegini akan menyebabkan orang yang ditegur berasa selesa dan mengetahui cara untuk memperbaiki diri. Kamus Dewan (2007), *op. cit*, h.933.

<sup>153</sup>Tengku Asmadi (Dr.) (2007), Peranan Ibu bapa terhadap Anak, *Harian Metro*, 3.Februari 2007, h.3.

juga menyebabkan orang yang dilete ter itu tidak mengetahui dan memahami perkara sebenar yang ingin ditegur. Hal ini kerana kesalahan yang ditegur dikaitkan pula dengan masalah yang lain, sehingga perkara yang ingin ditegur tidak dapat dikenalpasti. Situasi sebegini menyebabkan remaja kaku dan tidak mampu melakukan tindakan.<sup>154</sup>

Situasi ini menunjukkan bahawa komunikasi yang baik amat penting di dalam mentarbiah dan mendidik seseorang remaja. Jika tersalah menegur, remaja akan bertindak agresif dan menterjemahkan ketidakpuasan hati mereka dengan kemarahan dan pemberontakan.

Bagi item ‘Kadang-kadang mak ayah aku berleter, aku buat tak layan’; seramai 19 orang (45.2%) responden menjawab ‘setuju’ di tambah 10 orang (23.8%) responden menjawab ‘sangat setuju’. Seramai 4 orang (9.5%) responden ‘tidak bersetuju’ dan 9 orang (21.4%) ‘kurang bersetuju’.

Melalui jadual 4.14, 23(54.8%) orang responden ‘bersetuju’ bahawa remaja tertekan duduk di rumah, diikuti 2 orang (4.8%) responden menjawab ‘sangat setuju’. Bagi mereka yang ‘tidak bersetuju’ pula seramai 6 orang (14.3%) ditambah 11 orang (26.2%) ‘kurang bersetuju’. Situasi ini secara keseluruhannya menggambarkan remaja tertekan apabila berada di rumah.

Melalui jadual 4.14, 22 orang (52.4%) responden menjawab ‘sangat setuju’ bahawa remaja apabila pulang ke rumah hanya berkurnung di dalam bilik, seterusnya diikuti 13 orang (31.0%) responden menjawab ‘setuju’. Bagi mereka yang ‘tidak bersetuju’ pula seramai 4 orang (9.5%) ditambah 3 orang (7.1%) ‘kurang bersetuju’. Situasi ini

---

<sup>154</sup> Fadhilah Kamsah (Dato’ Dr.), *Teguran yang berhikmah*, 12 Dis 2010, kaset.

menggambarkan bahawa remaja sering berkurung di dalam bilik apabila pulang ke rumah.

Hubungan antara ahli keluarga terutama antara adik beradik turut mempengaruhi emosi remaja. Ahli keluarga yang akrab, berkomunikasi dengan baik dan saling memberi dorongan akan memberikan kesan yang positif kepada perkembangan psikologi remaja. Jika bersendirian, remaja sukar menceritakan permasalahan kepada ahli keluarga, sebaliknya mereka lebih selesa meluahkan masalah kepada rakan-rakan lain yang rata-ratanya masih mentah dan kurang pengalaman dalam menghadapi permasalahan hidup.

Bagi item ‘selalu saya melihat ibu dan ayah solat diawal waktu’; 16 orang (38.1%) responden menjawab ‘kurang setuju’, 12 orang (28.6%) responden pula menjawab ‘tidak setuju’. Situasi ini menggambarkan bahawa kebanyakkan ibu bapa remaja tidak memberi contoh teladan yang baik dan berterusan kepada diri anak-anak atau remaja terutama dari sudut kerohanian.

Manakala item ‘Aku selalu sembahyang jemaah dengan keluarga’; 22 orang (52.4%) responden menjawab ‘kurang bersetuju’, 12 orang (28.6%) responden pula menjawab ‘tidak bersetuju’, 6 orang (14.3%) responden menjawab ‘setuju’ dan baki 2 orang (4.8%) responden menjawab ‘sangat setuju’. Hal ini menggambarkan bahawa remaja jarang solat secara berjemaah bersama ahli keluarga.

Bagi item ‘Aku selalu tengok mak ayah aku solat’; 18 orang (42.9%) responden menjawab ‘kurang Setuju’, manakala 11 orang (26.2%) responden menjawab ‘tidak setuju’, 9 orang (21.4%) responden menjawab ‘setuju’ manakala baki responden iaitu 4

orang (9.5%) menjawab ‘sangat setuju’. Item ini menunjukkan peratusan yang tinggi bahawa remaja kurang melihat ibu dan ayah mereka solat.

Bagi item ‘saya tidak hairan nasihat ibu/ bapa’; 20 orang (47.6%) responden menjawab ‘sangat setuju’, manakala 7 orang (16.7%) responden menjawab ‘setuju’, 9 orang (21.4%) responden menjawab ‘kurang setuju’ manakala baki responden iaitu 6 orang (14.3%) menjawab ‘tidak setuju’. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa kebanyakan remaja tidak menghiraukan nasihat ibu dan ayah mereka.

Kesimpulan daripada kajian ini mendapati bahawa faktor ibu bapa boleh mendorong remaja untuk terlibat di dalam perlumbaan haram. Pertama; komunikasi yang kurang berkesan boleh mengubah diri remaja bertindak agresif . Kedua; kurang aktiviti keagamaan yang dijalankan di dalam rumah boleh menyebabkan remaja tidak mencapai ketenangan dan bertambah tertekan. Situasi ini mendorong remaja keluar untuk mendapatkan ketenangan.

#### **4.3 (b) FAKTOR AKADEMIK**

**Jadual 4.8: Faktor Akademik**

	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju
Dekat sekolah aku tengok ramai budak nakal	12 (28.6%)	1 (2.4%)	20 (47.6%)	9 (21.4%)
Kadang aku kesian tengok cikgu kena buli	2 (4.8%)	1 (2.4%)	20 (47.6%)	19 (45.2%)
Cikgu kadang malas nak layan kami	4 (9.5%)	4 (9.5%)	15 (35.7%)	19 (45.2%)
ada guru lebih menekankan pelajar untuk lulus di dalam peperiksaan’	8 (19.0%)	4 (9.5%)	23 (54.8%)	7 (16.7%)
Cikgu banyak fokus pelajar yang pandai je	3 (7.1%)	2 (4.8%)	19 (45.2%)	18 (42.9%)
Ramai kawan aku terbiar	3	7	15	17
—.				—.

dan tercicir dalam pelajaran	(7.1%)	(16.7%)	(35.7%)	(40.5%)
Ramai kawan aku tinggal solat	5 (11.9%)	3 (7.1%)	19 (45.2%)	15 (35.7%)
Solat dah tak jadi amalan dalam kalangan hidup pelajar	2 (4.8%)	3 (7.1%)	18 (42.9%)	19 (45.2%)
Aku tengok kehidupan pelajar dah longgar dengan Tuhan	2 (4.8%)	1 (2.4%)	20 (47.6%)	19 (45.2%)
ramai pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang saya kenali terlibat dalam lumba haram	4 (9.5%)	4 (9.5%)	19 (45.2%)	15 (35.7%)

**Sumber: Soal Selidik**

Bagi item ‘Dekat sekolah aku tengok ramai budak nakal’; 20 orang (47.6%) responden menjawab ‘setuju’, kemudian diikuti 12 orang (28.6%) ‘tidak bersetuju’, 9 orang (21.4%) menjawab ‘sangat setuju’ dan seorang (2.4%) menjawab ‘kurang setuju’. Dapatan kajian ini mendapati ramai remaja di sekolah yang berkelakuan nakal.

Bagi item ‘Kadang aku kesian tengok cikgu kena buli’; 20 orang (47.6%) responden menjawab ‘setuju’, diikuti 19 orang (45.2%) ‘sangat bersetuju’, 2 orang (4.8%) ‘tidak bersetuju’ dan seorang (2.4%) menjawab ‘kurang setuju’. Dapatan kajian ini mendapati bahawa bebanan yang besar ditanggung oleh guru dalam mendidik remaja disekolah. Tindakan sesetengah remaja yang agresif kadangkala menakutkan guru dan menenggelamkan kuasa mereka sebagai pendidik.

Bagi item ‘Cikgu kadang malas nak layan kami’, 19 orang (45.2%) responden menjawab ‘sangat bersetuju’, diikuti 15 orang (35.7%) ‘bersetuju’, 4 orang (9.5%) tidak bersetuju dan 4 orang (9.5%) menjawab ‘kurang setuju’. Dapatan kajian ini mendapati

bahawa pendidik jarang memberi tumpuan kepada pelajar nakal atau perhatian mereka lebih tertumpu kepada pelajar yang bijak dan bersahsiah baik.

Bagi item ‘ada guru lebih menekankan pelajar untuk lulus di dalam peperiksaan’; 23 orang (54.8%) responden menjawab ‘setuju’ dan disokong oleh 7 orang (16.7%) responden lagi yang menjawab ‘sangat bersetuju’. Berbanding 4 orang (9.5%) menjawab tidak bersetuju dan 8 orang (19.0%) kurang bersetuju. Situasi ini menggambarkan bahawa remaja tertekan dengan sistem pembelajaran di sekolah yang berorientasikan peperiksaan dan lebih menekankan kepada pencapaian akademik.

Kajian Doona Mates dan Kenneth R Allison (1992) mendapati faktor akademik banyak memberi tekanan kepada kestabilan emosi seseorang remaja. Tekanan emosi yang wujud disebabkan oleh keperluan mencapai tahap pencapaian akademik yang baik, persaingan untuk memasuki universiti, menyelesaikan tugas yang terlalu banyak, guru yang terlalu tegas dan jangkaan dan harapan daripada guru yang terlalu tinggi.<sup>155</sup>

Manakala Clifford B. Dobson di dalam kajiannya menjelaskan bahawa tekanan remaja di sekolah adalah disebabkan oleh penetapan matlamat sekolah yang terlalu besar dan peperiksaan am yang dihadapi.<sup>156</sup>

Bagi item ‘Cikgu banyak fokus pelajar yang pandai sahaja’; 19 orang (45.2%) responden menjawab ‘bersetuju’, diikuti 18 orang (42.9%) ‘sangat bersetuju’, 3 orang (7.1%) ‘tidak bersetuju’ dan hanya 2 orang (4.8%) menjawab ‘kurang setuju’. Dapatan kajian ini mendapati bahawa pendidik susah untuk memberi tumpuan kepada pelajar nakal sebaliknya banyak menumpukan perhatian kepada pelajar yang cemerlang sahaja.

---

<sup>155</sup> Doona Mates & Kenneth R. Allison (1992), “Sources of Stress and Coping Responses of High School Students”, *Journal of Adolescence*, j. 27, h.461-475.

<sup>156</sup> Clifford B. Dobson (1980), Sources of Sixth Form Stress”),*Journal of Adolescence*, j. 3, h. 65-75.

Bagi item ‘Ramai kawan aku terbiar dan tercicir dalam pelajaran’; 17 orang (40.5%) responden menjawab ‘sangat bersetuju’, diikuti 15 orang (35.7%) ‘bersetuju’, 7 orang (16.7%) tidak bersetuju dan 3 orang (7.1%) menjawab ‘kurang setuju’. Dapatkan kajian ini mendapati sikap guru yang memilih dalam memberi tumpuan dan perhatian kepada pelajar mengakibatkan ramai remaja terutamanya yang nakal tercicir dan ketinggalan dari sudut pelajaran.

Bagi item ‘Ramai kawan aku tinggal solat’; 19 orang (45.2%) responden menjawab ‘bersetuju’, kemudian diikuti 15 orang (35.7%) ‘sangat bersetuju’, 5 orang (11.9%) responden ‘tidak bersetuju’ dan 3 orang (7.1%) menjawab ‘kurang setuju’. Dapatkan kajian ini menjelaskan bahawa kurangnya didikan di sekolah akan mempengaruhi sikap dan perwatakan remaja. Pelajar juga dilihat tidak mengendahkan ibadah sembahyang.

Bagi item ‘Solat dah tak jadi amalan dalam kalangan hidup pelajar’; 19 orang (45.2%) responden menjawab ‘sangat bersetuju’, diikuti 18 orang (42.9%) yang ‘bersetuju’, 3 orang (7.1%) ‘kurang bersetuju’ dan 2 orang (4.8%) menjawab ‘tidak bersetuju’. Dapatkan kajian ini menjelaskan bahawa remaja tidak mengendahkan ibadah wajib yang difardhukan ke atas diri mereka. Ini bermakna proses pentarbiahan di sekolah tidak berjaya mendidik remaja agar patuh dan sujud kepada Allah swt.

Bagi item ‘Aku tengok kehidupan pelajar dah longgar dengan Tuhan’; 20 orang (47.6%) responden menjawab ‘bersetuju’, disokong oleh 19 orang (45.2%) responden yang menjawab ‘sangat bersetuju’, berbanding hanya 2 orang (4.8%) ‘tidak bersetuju’ dan seorang (2.4%) menjawab ‘kurang bersetuju’. Dapatkan kajian ini mendapati

hubungan yang jauh antara diri remaja dengan tuhan menyebabkan kecelaruan dan tekanan dalam kehidupan.

Bagi item ‘ramai pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang saya kenali terlibat dalam lumba haram’; 19 orang (45.2%) responden menjawab ‘setuju’ bahawa ramai di antara pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terlibat dalam perlumbaan haram dan ia merupakan bilangan yang teramai berbanding dengan baki skala yang lain.

Kesimpulan daripada kajian ini mendapati bahawa penekanan kepada faktor akademik semata-mata tanpa menghiraukan keperluan dan pengisian aspek kerohanian boleh mendorong remaja untuk terlibat di dalam perlumbaan haram. Pertama; Harapan ibu bapa dan guru yang terlalu tinggi terhadap pencapaian akademik memberi tekanan kepada emosi remaja. Remaja akan mencari perkara yang dianggap dapat mengurangkan tekanan seperti terlibat di dalam perlumbaan haram. Kedua; Kurangnya budaya keagamaan di sekolah boleh mendorong remaja melanggar perintah Allah SWT. Budaya keagamaan ini dapat diterapkan dalam diri pelajar melalui pengisian oleh semua guru matapelajaran di dalam mengagungkan kekuasaan Allah SWT. Kurangnya penekanan agama boleh mendorong remaja menyertai perlumbaan haram.

#### **4.3.3 FAKTOR RAKAN SEBAYA**

Dunia remaja adalah dunia yang mendesak untuk berubah, menerima sesuatu nilai atau gaya hidup yang diiktiraf. Kebiasaannya mereka lebih cenderung kepada pengiktirafan

daripada kawan-kawan berbanding pengiktirafan guru atau ibu bapa.<sup>157</sup> Situasi ini digambarkan melalui dapatan kajian di dalam jadual 4.9.

**Jadual 4.9: Faktor Rakan Sebaya**

	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju
Aku suka melepak dengan kawan	-	5 (11.9%)	22 (52.4%)	15 (35.7%)
Hampir setiap hari aku melepak	4 (9.5%)	5 (11.9%)	19 (45.2%)	14 (33.3%)
Aku melepak pun bukan buat benda jahat	-	4 (9.5%)	22 (52.4%)	16 (38.1%)
Aku melepak saja seronok-seronok dengan kawan	3 (7.1%)	3 (7.1%)	21 (50.0%)	15 (35.7%)
Kalau ada masalah, aku cerita dengan kawan	4 (9.5%)	1 (2.4%)	23 (54.8%)	14 (33.3%)
Kawan lebih memahami masalah aku daripada keluarga	3 (7.1%)	2 (4.8%)	23 (54.8%)	14 (33.3%)
Cikgu kadang-kadang bagi jawapan skema	9 (21.4%)	20 (47.6%)	10 (23.8%)	3 (7.1%)
Aku suka kawan jenis sempoi dan sekepala	1 (2.4%)	4 (9.5%)	16 (38.1%)	21 (50.0%)
Aku suka kawan jenis enjoy	1 (2.4%)	1 (2.4%)	18 (42.9%)	22 (52.4%)

**Sumber: Soal Selidik**

Bagi item ‘Aku suka melepak dengan kawan’; 22 orang (52.4%) responden menjawab ‘bersetuju’, diikuti 15 orang (35.7%) ‘sangat bersetuju’, 5 orang (11.9%) ‘kurang

<sup>157</sup> Abdul Ghani bin Samsudin (Hj.) dan Norhashimi bin Saad (1996), *Pembangunan Akhlak Ummah: Ke arah Perspektif Islam*” (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Akhlak Dari Perspektif Islam di Dewan Utama Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya, 21 September 1996), h. 16-17.

bersetuju' dan tiada responden yang tidak bersetuju. Dapatan kajian ini mendapati majoriti remaja gemar melepak dengan kawan.

Bagi item 'Hampir setiap hari aku melepak'; 19 orang (45.2%) responden menjawab 'bersetuju', kemudian diikuti 14 orang (33.3%) menjawab 'sangat bersetuju', 5 orang (11.9%) 'kurang bersetuju' dan 4 orang (9.5%) 'tidak bersetuju'. Dapatan kajian ini mendapati hampir setiap hari remaja akan melepak bersama kawan.

Bagi item 'Aku melepak pun bukan buat benda jahat'; 22 orang (52.4%) responden menjawab 'bersetuju', kemudian diikuti 16 orang (38.1%) 'sangat bersetuju', 4 orang (9.5%) kurang bersetuju dan tiada yang 'tidak bersetuju'. Melalui kajian ini remaja berpandangan bahawa mereka tidak melakukan perkara jahat ketika melepak.

Bagi item 'Aku melepak saja seronok-seronok dengan kawan'; 21 orang (47.6%) responden menjawab 'bersetuju', kemudian diikuti 15 orang (23.8%) sangat bersetuju. 3 orang (19.0%) responden menjawab 'kurang bersetuju' dan 3 orang (9.5%) 'tidak bersetuju'. Melalui kajian ini mendapati remaja melepak hanya inginkan keseronokkan dan hiburan bersama kawan.

Bagi item 'Kalau ada masalah, aku cerita dengan kawan'; 23 orang (54.8%) responden menjawab 'bersetuju', diikuti 14 orang (33.3%) 'sangat bersetuju', 4 orang (9.5%) tidak bersetuju dan hanya seorang (2.4%) kurang bersetuju. Melalui kajian ini mendapati remaja akan menceritakan kepada kawan jika mereka mempunyai masalah. Kawan-kawan yang masih mentah akan menjadi tempat rujukan oleh remaja menyebabkan penyelesaian kepada permasalahan sukar dicari.

Bagi item ‘Kawan lebih memahami masalah aku daripada keluarga’; 23 orang (54.8%) responden menjawab ‘bersetuju’, kemudian diikuti 14 orang (23.8%) ‘sangat bersetuju’. 3 orang (7.1%) ‘tidak bersetuju’ dan 2 orang (4.8%) responden ‘kurang bersetuju’. Melalui kajian ini mendapati remaja selesa menceritakan masalah mereka kepada kawan berbanding keluarga. Mereka berpendapat kawan lebih memahami jiwa dan masalah mereka.

Bagi item ‘Cikgu kadang-kadang bagi jawapan skema’; 20 orang (47.6%) responden menjawab ‘kurang bersetuju’, kemudian diikuti 10 orang (23.8%) ‘bersetuju’. 9 orang (21.4%) yang lain menjawab ‘tidak bersetuju’ dan 3 orang (7.1%) ‘sangat bersetuju’. Melalui kajian ini mendapati remaja tidak menganggap pandangan guru sebagai lurus dan rigid, yang menyebabkan susah untuk diikuti.

Bagi item ‘Aku suka kawan jenis sempoi dan sekepala’; 21 orang (50.0%) responden menjawab ‘sangat bersetuju’, kemudian diikuti 16 orang (38.1%) ‘bersetuju’, 4 orang (9.5%) ‘kurang bersetuju’ dan hanya seorang (2.4%) ‘tidak bersetuju’. Melalui kajian ini mendapati remaja gemar memilih kawan yang berfikiran mudah dan tidak cerewet. Mereka juga gemar menjadikan kawan yang mempunyai pemikiran dan jiwa yang sama seperti mereka sebagai teman.

Bagi item ‘Aku suka kawan jenis enjoy’; 22 orang (52.4%) responden menjawab ‘sangat bersetuju’, kemudian diikuti 18 orang (42.9%) menjawab ‘bersetuju’. Masing-masing seorang (2.4%) menjawab kurang bersetuju dan tidak. Melalui kajian ini mendapati remaja gemar memilih rakan yang suka berhibur.

Kesimpulan daripada kajian ini mendapati, kawan antara pendorong remaja terlibat di dalam gejala negatif, remaja gemar menceritakan masalah kepada rakan berbanding ibu bapa dan guru. Bagi remaja, kawan dilihat memahami naluri dan perasaan dalaman mereka berbanding ibu bapa dan guru. Masa lebih banyak diperuntukkan bersama kawan juga antara faktor pendorong remaja terlibat di dalam perlumbaan haram. Kajian ini juga mendapati pemilihan kawan sangat penting di dalam mencorak kehidupan remaja sama ada ke arah positif ataupun negatif.

#### **4.3 (d) FAKTOR MEDIA MASSA**

**Jadual 4.10: Faktor Pengisian Media Massa**

	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju
Segmen kelakar boleh masuk dengan jiwa aku	2 (4.8%)	5 (11.9%)	22 (52.4%)	13 (31.0%)
Bahan kelakar tu boleh jadi bahan gurauan bersempang demgan kawan	2 (4.8%)	6 (14.3%)	23 (54.8%)	11 (26.2%)
Filem aksi aku suka layan	2 (4.8%)	6 (14.3%)	19 (45.2%)	15 (35.7%)
Kadang-kadang filem ni boleh jadi stok hilang boring	4 (9.5%)	3 (7.1%)	21 (50.0%)	14 (33.3%)
Aku suka jugak filem hantu	7 (16.7%)	9 (21.4%)	13 (31.0%)	13 (31.0%)
Kadang aku tengok jugak filem seks	7 (16.7%)	4 (9.5%)	20 (47.6%)	11 (26.2%)
Pernah aku tengok dengan kawan	12 (28.6%)	2 (4.8%)	19 (45.2%)	9 (21.4%)

**Sumber: Soal Selidik**

Bagi item “Segmen kelakar boleh masuk dengan jiwa aku”; 22 orang (33.3%) responden menjawab ‘setuju’ manakala 13 orang (31.0%) responden menjawab ‘sangat setuju’. Berbanding remaja yang menjawab tidak setuju seramai 2 (4.8%) orang dan kurang bersetuju seramai 5 (11.9%) orang. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa

remaja gemar menonton segmen kelakar atau lucu. Rancangan yang berunsur lawak dilihat sesuai dengan kehendak diri mereka.

Bagi item ‘Bahan kelakar tu boleh jadi bahan gurauan bersempang dengan kawan’; 23 orang (54.8%) responden menjawab ‘setuju’ manakala 11 orang (40.5%) responden menjawab ‘sangat setuju’. Berbanding remaja yang menjawab ‘tidak setuju’ seramai 2 (4.8%) orang dan ‘kurang bersetuju’ seramai 6 (14.3%) orang. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa remaja menjadikan segmen kelakar sebagai bahan gurauan bersempang bersama rakan semasa melepak.

Bagi item ‘Filem aksi aku suka layan’; 19 orang (45.2%) responden menjawab ‘setuju’ manakala 15 orang (35.7%) responden menjawab ‘sangat setuju’. Berbanding remaja yang menjawab tidak setuju seramai 2 (4.8%) orang dan kurang bersetuju seramai 6 (14.3%) orang. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa remaja suka menonton filem aksi.

Bagi item ‘Kadang-kadang filem ni boleh jadi stok hilang boring’; 21 orang (50.0%) responden menjawab ‘setuju’ dan 14 orang (33.3%) responden menjawab ‘sangat setuju’. Berbanding remaja yang menjawab ‘tidak setuju’ seramai 4 (9.5%) orang dan ‘kurang bersetuju’ seramai 3 (7.1%) orang. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa remaja menonton filem adalah untuk menghilangkan kebosanan.

Bagi item ‘Aku suka jugak filem hantu’; 13 orang (31.0%) responden menjawab ‘setuju’ dan 13 orang (31.0%) responden lagi menjawab ‘sangat setuju’. Berbanding remaja yang menjawab tidak setuju seramai 7 (16.7%) orang dan kurang bersetuju

seramai 9 (21.4%) orang. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa remaja juga gemar

menonton filem seram, tetapi peratusan yang tinggi ini tidak begitu ketara berbanding skala yang lain.

Bagi item ‘Kadang aku tengok jugak filem seks’; 20 orang (47.6%) responden menjawab ‘setuju’ dan 11 orang (26.2%) responden lagi menjawab ‘sangat setuju’. Berbanding remaja yang menjawab tidak setuju seramai 7 (16.7%) orang dan kurang bersetuju seramai 4 (9.5%) orang. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa filem seks antara filem kesukaan remaja menontonnya.

Bagi item ‘Pernah aku tengok filem seks dengan kawan’; 19 orang (45.2%) responden menjawab ‘setuju’ dan 12 orang (28.6%) responden lagi menjawab ‘tidak setuju’. Berbanding remaja yang menjawab sangat setuju seramai 9 (21.4%) orang dan kurang bersetuju seramai 2 (4.8%) orang. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa remaja menonton filem seks bersama rakan-rakan yang lain, tetapi peratusan yang tinggi ini tidak begitu ketara berbanding skala yang lain.

#### **Jadual 4.11 Siaran Radio Kegemaran**

<b>Apakah siaran radio yang anda minati?</b>	
Era FM	33
Fly FM	15
Hot FM	28
Ikim FM	17
Suria FM	32
Perak FM	32

**Sumber:** Soal Selidik

Melalui item ‘apakah siaran radio yang anda minati?’; para remaja lebih berminat memilih ERA FM (33 orang responden) sebagai siaran radio kegemaran. Selain itu 32 orang responden memilih ‘Suria FM’ dan ‘Perak FM’ sebagai radio pilihan utama. Manakala siaran radio IKIM FM yang lebih dikenali sebagai radio yang menekankan

aspek keislaman seramai 17 orang. Dapatan ini menggambarkan bahawa remaja lebih berminat kepada siaran radio yang berbentuk hiburan berbanding siaran radio yang bercorakkan keagamaan.

**Jadual 4.12 Siaran televisyen kegemaran**

**Apakah siaran televisyen kegemaran yang anda minati?**

Filem Cinta	14
Berita	5
Filem berbentuk aksi	38
Segmen kelakar	37

**Sumber: Soal Selidik**

Bagi item ‘Apakah siaran televisyen kegemaran yang anda minati?’; sebahagian besar memilih ‘Filem berbentuk aksi’ seperti Impak Maksima iaitu seramai 38 orang responden. Kemudian diikuti segmen kelakar iaitu seramai 37 orang responden, manakala 5 orang responden memilih ‘Berita’ sebagai siaran utama mereka. Hal ini menggambarkan remaja lebih menyukai pengisian yang berbentuk hiburan dan aksi berbanding pengisian yang berbentuk fakta.

Daripada kajian ini mendapati bahawa faktor pengisian oleh media massa mempunyai kaitan yang signifikan terhadap dorongan remaja terlibat dalam perlumbaan haram. Terdapat dua faktor penglibatan remaja di dalam gejala negatif hasil pengaruh media massa. Pertama; Pengisian hiburan yang keterlaluan (hedonisme) menggalakkan remaja hidup bebas dan lepas. Perkara ini mendorong remaja terlibat dalam perlumbaan haram. Kedua; Pengisian kerohanian yang agak terhad dan tidak menarik membantutkan keinginan remaja yang masih mencari-cari idola atau ikon untuk diadaptasi dalam kehidupan mereka. Kekurangan contoh teladan yang baik dalam program-program yang ditonjolkan oleh media massa menjadi punca remaja lebih menyukai ikon atau idola lain yang tidak sesuai dengan nilai murni serta norma hidup seorang muslim yang sebenar.

#### **4.5 KESIMPULAN**

Kajian ini mendapati terdapat empat faktor utama remaja di Daerah Larut dan Matang, Perak terlibat di dalam perlumbaan haram. Pertama; Ibu bapa kurang menekankan proses takdib di dalam rumah mendorong remaja terlibat dalam masalah delingkuen seperti perlumbaan haram. Kedua; Di sekolah, guru menerima ramai pelajar yang tidak melalui proses didikan yang baik di rumah. Bilangan murid yang ramai menyebabkan guru hilang fokus dan pengabaian tanggungjawab sebagai pendidik berlaku. Ianya memberi kesan kepada nilai akhlak seorang pelajar. Ketiga; Media massa banyak mengetengahkan ideologi hedonisme. Perkara ini menggalakkan remaja berhibur tanpa batas. Hiburan tanpa batas ini pula menggalakkan remaja tersasar jauh dari landasan agama. Apabila jiwa remaja jauh dari agama, amat mudah bagi mereka terikut-ikut dengan kawan menyertai perlumbaan haram. Keempat; Kawan negatif sebagai faktor pendorong remaja bertingkah laku negatif.

## BAB 5

### PENUTUP

#### 5.1 PENDAHULUAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor remaja terlibat di dalam perlumbaan haram serta mengkaji dalam konteks kerja lapangan. Kajian ini menjadikan Larut dan Matang, Perak sebagai lapangan kajian. Antara aspek yang dikaji dalam bahagian ini ialah teori perubahan sikap negatif remaja, mengkaji kaitan remaja lumba haram dengan aktiviti jenayah yang lain, serta faktor-faktor remaja terlibat di dalam perlumbaan haram di daerah Larut dan Matang, Perak.

Bagi mencapai tujuan kajian di atas, seramai 42 orang remaja telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Selain itu, beberapa orang informan utama telah ditemubual untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Data telah dianalisis secara deskriptif dalam bentuk peratus, kekerapan, mod dan dibantu dengan jadual. Oleh itu, di dalam bab penutup ini dipaparkan kembali ringkasan keseluruhan hasil kajian dan merumuskan penemuan penting yang diperolehi.

#### 5.2 HASIL KAJIAN

##### 5.2 (a) TEORI PERUBAHAN SIKAP NEGATIF REMAJA

Hasil pandangan pakar-pakar mengenai keterlibatan remaja dalam gejala negatif disebabkan dua faktor utama, pertama ialah faktor dalaman. Faktor ini dikaitkan dengan kurangnya benteng keimanan di dalam diri. Apabila iman tidak ada di dalam diri, jalan kemaksiatan terbuka luas menyebabkan perkara negatif mudah meresap masuk ke dalam jiwa.

Selain daripada itu, kurangnya aktiviti yang bermanfaat di kawasan setempat menyebabkan jiwa remaja kosong. Apabila jiwa kosong, mereka mula terdedah dengan aktiviti yang tidak sihat seperti melepak. Melalui melepak pula, mereka akan terpengaruh dengan anasir-anasir lain yang tidak elok seperti berlumba haram dan sebagainya.

Faktor kedua adalah faktor luaran. Faktor luaran yang dimaksudkan adalah seperti pengabaian ibu bapa terhadap pendidikan keagaman dan media massa yang memaparkan ideologi negatif. Pengaruh rakan yang negatif dan pengabaian guru terhadap pendidikan juga memainkan peranan sebagai pendorong kepada keterlibatan remaja dalam gejala tidak sihat. Kesemua faktor ini mendorong remaja berkelakuan negatif.

Ibu bapa yang sibuk bekerja dan tidak mementingkan pendidikan anak-anak akan mempengaruhi perwatakan yang bakal dibentuk ketika remaja. Kurangnya pendidikan anak-anak di rumah akan diambil alih oleh pendidikan di peringkat sekolah.

Di sekolah, guru berhadapan dengan dua cabaran. Pertama; meningkatkan prestasi kecemerlangan pelajar yang mahu belajar dan kedua adalah proses mendidik pelajar yang tercicir. Bebanan ini dipikul oleh guru sehingga kadang-kala fokus mereka terhadap mendidik murid yang tercicir terabai. Kumpulan murid cicir ini memberi pengaruh kepada rakan-rakan yang lain, seterusnya membentuk kumpulan mereka sendiri di luar sekolah.

Paparan media massa juga mempengaruhi perwatakan remaja. Ideologi yang tidak sihat dan bertentangan dengan ajaran Islam mempengaruhi tindakan dan corak pemikiran

remaja. Ideologi seperti hedonism, sekularisme, libralisme akan menyebabkan jiwa remaja semakin renggang dengan Tuhan. Apabila jiwa jauh dari tuhan, kehidupan remaja akan terumbang-ambing dan kecelaruan hidup mereka ini dipamerkan melalui sikap negatif dan penglibatan di dalam permasalahan sosial.

### **5.2 (b) KAITAN REMAJA LUMBA HARAM DENGAN AKTIVITI JENAYAH DI DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK**

Tahap penglibatan remaja yang aktif dalam lumba haram dikaitkan dengan aktiviti jenayah adalah di tahap yang sederhana. Namun penglibatan remaja di daerah Larut dan Matang, Perak ini dilihat sedang menuju ke arah yang lebih parah dan membimbangkan. Hal ini dilihat melalui peratusan min yang ditunjukkan kebanyakannya mengarah kepada tahap yang tinggi. Misalnya mencuri motosikal, menjual komponen motosikal, meminum bahan yang memabukkan seperti arak dan menghidu gam. Pelumba haram juga dikaitkan dengan permasalahan lain seperti membuang masa dengan melepak, sanggup menghabiskan masa hujung minggu dengan berjaga malam menyaksikan perlumbaan haram dan merewang bersama teman wanita dihujung minggu.

Justeru, dapatan kajian ini mendapati peratusan yang agak tinggi remaja lumba haram dikaitkan dengan aktiviti jenayah. Namun, penglibatan dalam kancah jenayah tidak patut dipikulkan kepada semua yang berstatus pelumba haram kerana sebilangan daripada mereka hanya berlumba untuk berhibur tanpa melibatkan diri dalam jenayah. Dapatan tahap penglibatan remaja lumba haram terlibat dalam kesalahan jenayah dilihat semakin membimbangkan dari masa ke semasa.

Melalui penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa terdapat kaitan yang kuat antara penglibatan remaja di dalam perlumbaan haram dengan aktiviti jenayah di daerah Larut dan Matang, Perak. Permasalahan yang semakin meruncing ini boleh diatasi jika semua pihak memberi tumpuan dalam mencari proses penyelesaian. Jika masyarakat memandang ringan terhadap masalah sosial di kalangan remaja ini, tidak mustahil usaha-usaha pemulihan akan menjadi lebih sukar dan remaja akan bertambah berani menunjukkan tingkahlaku yang lebih agresif.

### **5.2( c) FAKTOR UTAMA PENGLIBATAN REMAJA DI DALAM PERLUMBAAN HARAM DI DAERAH LARUT DAN MATANG, PERAK.**

Hasil kajian memperlihatkan setiap faktor yang dikaji menjadi penyumbang kepada perubahan sikap negatif remaja. Faktor keluarga menjadi faktor yang sangat penting ke arah penglibatan remaja di dalam aktiviti perlumbaan haram. Leteran ibu bapa pendorong remaja tidak selesa berada di rumah dan mereka mengambil sikap untuk keluar rumah bagi memperolehi ketenangan. Selain daripada itu, komunikasi yang kurang berkesan di kalangan ahli keluarga menyebabkan remaja tidak selesa berada di dalam rumah, mereka dilihat kerap berkurung di dalam bilik dan mengasingkan diri daripada aktiviti-aktiviti kekeluargaan seperti makan dan menonton televisyen bersama-sama ahli keluarga yang lain.

Nilai kerohanian yang tidak dibudayakan di dalam rumah juga antara faktor akhlak yang mulia tidak dapat diwariskan kepada anak-anak. Faktor ibu bapa sibuk bekerja, kurang didikan agama dan sentiasa mengharapkan didikan di sekolah antara punca remaja terabai. Mereka tidak dibudayakan dengan pengisian rohani seperti solat berjemaah, nasihat dan contoh teladan yang baik. Pengabaian nilai-nilai ini

menyebabkan remaja terdedah kepada nilai-nilai negatif dan akhirnya terlibat dalam gejala sosial seperti perlumbaan haram.

Faktor akademik juga mendorong remaja terlibat dalam aktiviti perlumbaan haram. Pembelajaran di sekolah dilihat hanya menekankan pelajar untuk tahu dan hanya menekankan pembelajaran untuk skor A di dalam peperiksaan. Pembelajaran di dalam kelas kurang menekankan aspek didikan dan penerapan akhlak yang mulia di kalangan pelajar. Pengabaian nilai didikan ini akan melahirkan remaja yang kurang nilaian akhlak. Pelajar yang kurang nilaian akhlak ini akan terdedah kepada budaya negatif dan mudah untuk terlibat di dalam perlumbaan haram.

Terdapat dua kelompok pelajar di sekolah, pertama ialah pelajar yang diasuh oleh ibu dan ayah mereka di rumah dan diwariskan ke sekolah dengan keadaan akhlak yang baik. Kelompok pelajar yang kedua ialah pelajar yang bermasalah yang tidak diberikan didikan yang sempurna di rumah dan diwarisi oleh guru untuk proses didikan di sekolah. Kelompok yang kedua ini memberi tekanan kepada guru untuk proses didikan. Pengabaian guru di dalam proses didikan akan memberi kesan kepada tingkahlaku mereka apabila tamat pembelajaran di sekolah. Kelompok ini dilihat membentuk kumpulan diluar dan menggalakkan rakan lain untuk terlibat dalam lumba haram.

Kawan antara pendorong remaja terlibat di dalam gejala negatif, mereka lebih gemar menceritakan masalah kepada rakan berbanding ibu bapa dan guru. Bagi remaja, kawan dilihat memahami naluri dan perasaan dalaman mereka berbanding ibu bapa dan guru. Masa lebih banyak diperuntukkan bersama kawan juga antara faktor pendorong remaja terlibat di dalam perlumbaan haram. Kajian ini mendapati pemilihan kawan sangat penting di dalam mencorak kehidupan remaja sama ada ke arah positif ataupun negatif.

Daripada kajian ini juga mendapati bahawa faktor pengisian oleh media massa mempunyai kaitan yang signifikan terhadap dorongan remaja terlibat di dalam perlumbaan haram. Terdapat dua faktor penglibatan remaja di dalam gejala negatif hasil pengaruh media massa, pertama; pengisian hiburan yang keterlaluan (hedonisme) yang menggalakkan remaja hidup bebas dan lepas. Perkara ini mendorong remaja berpeleseran bersama kawan seterusnya melibatkan diri dalam perlumbaan haram.

Kedua; pengisian kerohanian yang agak terhad dan tidak menarik membantutkan keinginan remaja yang masih mencari-cari idola atau ikon untuk diadaptasi dalam kehidupan mereka. Kekurangan contoh teladan yang baik dalam program-program yang dipaparkan oleh media massa menjadi punca remaja lebih menyukai ikon atau idola lain yang tidak sesuai dengan nilai murni serta norma hidup seorang muslim yang sebenar.

### **5.3 CADANGAN**

Beberapa cadangan kepada institusi masjid, Kementerian Belia dan Sukan, *Sprinta Petronas Cuprix*, Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK), media massa dan bakal penyelidik yang akan datang disenaraikan bagi mengatasi masalah perlumbaan haram di kalangan remaja.

#### **a. (a) INSTITUSI MASJID**

Aktiviti yang dianjurkan oleh masjid ataupun surau tidak hanya berkisar melalui ibadah wajib seperti solat lima waktu semata-mata, ianya perlu dipelbagaikan agar remaja tertarik untuk mendekati dan menyertai program yang dijalankan. Hal ini juga dapat mengurangkan penglibatan remaja di dalam perlumbaan haram melalui pengisian masa mereka dengan program yang efektif.

Banyak aktiviti yang boleh dilaksanakan di masjid dan surau. Berlandaskan keperluan masjid sebagai sebuah pusat sosial masyarakat, maka tidaklah menjadi kesalahan untuk kita merencana kepelbagaian dalam beraktiviti. Ianya tidak hanya menekankan program berbentuk ibadah semata-mata, bahkan program seperti sukan, kem, seminar, lawatan dan ziarah mampu menarik minat remaja itu sendiri.

Program yang direncanakan ini boleh dilaksanakan oleh pihak jawatankuasa masjid atau surau sepenuhnya atau ianya boleh dilaksanakan dengan kerjasama lain-lain pihak. Contoh kerjasama yang boleh dijalankan ialah dengan pihak sekolah, NGO dakwah, jawatankuasa penduduk setempat, pertubuhan belia dan jabatan agama islam daerah. Kerjasama yang dijalankan dengan pihak luar mampu mewarnakan lagi program yang akan dijalankan melalui kepakaran dan pengkhususan bidang masing-masing.

### **5.3 (b) KELAB RAKAN MUDA**

Kelab Rakan Muda mensasarkan kepada penglibatan golongan remaja. Pengisian yang dijalankan bertujuan mengisi masa lapang dan melatih remaja untuk berdikari. Ia juga memupuk kemahiran seseorang berdasarkan hobi dan kecenderungan yang ada pada diri remaja. Secara dasarnya ada beberapa faktor yang perlu diusahakan, antaranya:

1. Setiap aktiviti yang dijalankan perlu dinaungi oleh syarak. Pergaulan antara lelaki dan perempuan perlu ada batasan kerana impak negatif yang lebih besar boleh terjadi dan mencemarkan objektif sebenar aktiviti. Misalnya aktiviti yang mendedahkan para remaja kepada pergaulan bebas dan akhirnya menimbulkan permasalahan lain seperti bersekedudukan, lahir anak luar nikah dan pembuangan bayi. Begitu juga dengan batasan aurat yang kurang diberi \_\_\_\_.

penekanan boleh menyebabkan para remaja terlalu mengikuti gaya hidup barat dan menjauhkan diri dari cara hidup agama.

2. Melalui aktiviti yang dijalankan, kaitkan dengan kekuasaan dan kehebatan Allah SWT, ini dapat mendidik jiwa para remaja untuk mengenali Tuhan malahan berasa takut untuk melakukan kemungkaran walaupun bersendirian.

### **5.3 (c) JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK)**

Jawatankuasa Kemajuan dan keselamatan kampung juga perlu memikirkan program yang sesuai untuk remaja. Punca kurangnya program dikalangan remaja menggalakkan remaja mengisi sendiri masa lapang mereka dengan perkara sia-sia. Oleh itu, JKKK bertanggungjawab merangka program yang bersesuaian dengan jiwa remaja, dalam masa yang sama tidak mengetepikan pembangunan rohani mereka. Program kemasyarakatan yang dijalankan harus melibatkan para remaja agar komunikasi yang baik antara golongan muda dan tua dapat dibentuk, seterusnya mewujudkan satu masyarakat yang harmoni.

### **5.3 (d) CUPRIX SPRINTA, PETRONAS, MALAYSIA**

Penganjuran perlumbaan motosikal diadakan pada setiap tahun dan di setiap cawangan. Penganjuran ini amat-amat dinantikan oleh sebahagian besar remaja dan belia yang meminati dunia permotoran. Penganjuran ini perlu dilihat secara rasional tentang kesannya terhadap sikap remaja serta belia di negara ini. Daripada perspektif Islam, tidak menjadi kesalahan perlumbaan motosikal dianjurkan. Selain dapat membina pembangunan jasadiyyah (tubuh badan) seperti semangat *jihadiyyah*, kekuatan tubuh badan, serta *tadhhiiyyah*, ia juga dikaitkan dengan —.

elemen ukhuwwah yang mana kesemua elemen ini dituntut di dalam pembangunan diri Muslim.<sup>158</sup> Namun ada beberapa perkara perlu diperbaiki agar pembangunan remaja tidak dicalari oleh anasir-anasir yang tidak sihat:

### **1. Tidak melibatkan model seksi**

Penganjuran perlumbaan motosikal atau kereta tidak perlu meneladani negara luar, penglibatan wanita seksi yang bertujuan menarik perhatian penonton perlu dihentikan. Situasi ini menggalakkan percampuran dan pergaulan bebas antara lelaki perempuan. Ia juga membuka ruang kepada berlakunya permasalahan lain seperti penzinaan, lahirnya anak luar nikah dan pembuangan bayi.

### **2. Solat Secara Berjemaah**

Solat berjemaah yang dimaksudkan bukan sahaja dengan menyediakan fasiliti seperti surau atau kawasan tempat bersolat, akan tetapi solat berjemaah menjadi salah satu di dalam tentatif penganjuran. Tidak menjadi kesalahan solat dilakukan dikawasan-kawasan terbuka, asalkan di kawasan tersebut tidak tercalit najis yang boleh menjelaskan ibadah solat. Aktiviti ini akan memberi kesan pengaruh yang sangat positif dalam proses pendidikan remaja sekiranya melibatkan penonton, pelumba dan ahli jawatankuasa penganjur dalam melakukan amalan solat secara berjemaah.

### **3. Ikon yang boleh dicontohi**

Kekurangan penonjolan ikon atau idol yang sesuai dari pandangan Islam boleh menyebabkan remaja yang bergelar Muslim terpengaruh dengan amalan yang bertentangan dengan syariat Islam. Justeru tidak mustahil jika didapati remaja

---

<sup>158</sup> Muhammad Abdullah al-Khatib dan Muhammad Abdul Halim Hamid (2010), *Syarah risalah taa'lim*, Tim al-I'tisom (terj), Jakarta: al-I'tisom, h. 401-493.

Muslim tetapi berperwatakan dengan amalan yang bertentangan dengan cara hidup Islam.

### **5.3 (e) MEDIA MASSA**

Media massa seperti televisyen, radio, dan internet tidak seharusnya mementingkan keuntungan semata-mata sehingga mengabaikan nilai-nilai murni dan faktor keagamaan. Paparan yang berbentuk hiburan melampau dan pakaian yang menaikkan syahwat perlu diketepikan. Banyakkan mesej yang mengagungkan Tuhan melalui filem-filem dan iklan-iklan televisyen. Paparan kreatif media massa melalui mesej keagamaan perlu dalam usaha menarik minat remaja kearah agama.

### **5.3 (f) SARANAN KEPADA PARA ILMUAN DAN PENGKAJI DI DALAM PENGLIBATAN REMAJA DALAM PERLUMBAAN HARAM.**

Kajian ini bukanlah dianggap yang terbaik, jadi ia memerlukan penambahbaikan dari pengkaji-pengkaji yang akan datang, Kajian ini hanya melibatkan faktor-faktor remaja terlibat dalam perlumbaan haram dari perspektif al-Quran, antara tajuk kajian yang dicadangkan bagi pengkaji yang akan datang ialah:

1. Modul Mengatasi Remaja Terlibat Di Dalam Perlumbaan Haram Dari Perspektif Al-Qur'an
2. Remaja Di Zaman Rasulullah SAW: Kajian Dari Sudut Keberanian
3. Perbandingan Di Antara Remaja Di Zaman Nabi SAW Dan Remaja Di Zaman Modern: Kajian Dari Perspektif Pembangunan Insan.

#### **5.4 KESIMPULAN**

Secara kesimpulan, bab 5 ini telah mengemukakan ringkasan hasil kajian yang terdiri daripada teori perubahan sikap negatif remaja, mengkaji kaitan remaja lumba haram dengan aktiviti jenayah yang lain serta faktor-faktor remaja terlibat di dalam perlumbaan haram di daerah Larut dan Matang, Perak.

## BIBLIOGRAFI

### LATIHAN ILMIAH, DESERTASI, TESIS DAN KERTAS KERJA SEMINAR

Azimi Hamzah (2007), “Pendidikan Berterusan: Satu pendekatan Pembangunan Belia” (Kertas Kerja Seminar Belia di Universiti Kebangsaan Malaysia, 24-25 Oktober 2007).

Fariyah Hussain (2006), Keruntuhan akhlak di kalangan remaja: Suatu Kajian di Alor Setar, (Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akedemi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Fariza Md. Sham (2005), Dakwah Keada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan, (Tesis Ph.D, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Madiha Hambali (2001), “Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Remaja Islam: Kajian di Selangor” (Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya).

Mashaliza Masdar (2002), “Penglibatan remaja dalam gejala sosial : penyelesaiannya menurut hukum syarak” (Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Program Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mohd Idham Mat Nong (2001), “Masalah dan penyelesaian jenayah remaja menurut Islam: suatu kajian khusus di-Kuala Terengganu”, (Latihan Amali, Fakulti

Sastera dan Sains Sosial, Program Pengajian Islam, Universiti Malaya). h.167.

Mohd. Yunus Pathi (Tuan Hj.) (2008), “Gejala Sosial di Malaysia Masa kini dan Punca-puncanya” (Seminar Pembangunan Insan di Malaysia, 8 Jan 2008, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya).

Profesor Dr. Mahmood Nazar Mohamed (2008), “Gejala Sosial di Malaysia Masa kini: Antara punca-puncanya”(Seminar Pembangunan Insan di Malaysia, 8 Jan 2008, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya).

Rabaah Abdullah (2001), “Masalah sosial di kalangan remaja : satu kajian kes jenayah di Ipoh Perak” (Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Program Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Rozmi Ismail (2005), “Perlumbaan Motosikal Haram: Kajian Di Beberapa Lokasi Perlumbaan Haram” (Kertas Projek, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

## **BUKU**

al-Quran al-Karim

.....(2003), *Panduan Pembelajaran kurikulum Pendidikan Pemandu*, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Edisi 1.

Abdul Ghani bin Samsudin (Hj.) dan Norhashimi bin Saad (1996), *Pembangunan Akhlak Ummah: Ke arah Perspektif Islam*” (Kertas Kerja Seminar --

Pembangunan Akhlak Dari Perspektif Islam di Dewan Utama Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya, 21 September 1996)\.

Abu al-Hasan ‘Ali Bin Muhammad bin Habib al-Māwardi, *al-Nakt wa al-‘Uyun*, Dar al-Kutb al-‘Ilmiyyah.

Abu al-Layth Nasr bin Muhammad bin Ibrahim al-Samarqandi (t.t), *Bahr al- ‘Ulum*, Beirut: Dar al-Nasyr.

Abu al-Qasim Mahmud (t.t), *al-Kashāf ‘an Haqaiq al-Tanzil wa ‘uyun al-aqwāl fi wujūh al-Ta’wil*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Amaluddin ab. Rahman & Noralina Omar (2007), *Zaman Beribu Liku: Tip dan Panduan Memahami Jiwa Remaja*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

As‘ad Humad (t.t), *Aysar al-Tafasir*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, j. 1, h. 469.  
Clifford B. Dobson (1980), Sources of Sixth Form Stress”), *Journal of Adolescence*.

Doona Mates & Kenneth R. Allison (1992), “ Sources of Stress and Coping Responses of High School Students”, *Journal of Adolescence*.

Fadhilah Kamsah (Dato’ Dr.), *Teguran yang berhikmah*, 12 Dis 2010, kaset.

Fariyah Hussain (2006), Keruntuhan akhlak di kalangan remaja: Suatu Kajian di Alor Setar, (Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akedemi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Gale H.Roid & Thomas M. Haladyna (1982), *A Yechnology for Test – Item Writing*, New York: Harcourt Brace Jovonavich Publishers.

al-Ghazali, Abī Hāmid (t.t), *Khālq al-Muslim*, Dar al-Kutub al-Islamiyyah, T.T.P.

Hasnah Ghani dan Saat Abd. Rahman (1995), *Jenayah Remaja Permasalahan dan Penyelesaian*, Shah Alam: Hazbi.

Hassan Ali (Dr.) (1999), *Kaedah Mendidik Remaja dalam Keluarga: Peranan Ibu bapa*. Kuala Lumpur: Sabha Service Sdn. Bhd.

Ibn ‘Abd al-Salam (t.t) *Tafsir Ibn ‘Abd al-Salam*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Ibn al-Qudāmah (1984), *al-Mughnī*, Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Qayyim, Muḥammad bin Abī Bakr (t.t), *Ighāthah al-Lahfān min Masoyid al-Syaiṭān*, ed. Muḥammad Sayyid Kailāni, Beirut: al-Nūr al-Islāmiyyah.

Ibn Manzūr, Muḥammad b. Jalāl al-Dīn (1967), *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār al-Fikr.

Ibrahim Mamat (1998), *Memimpin Remaja Sekolah: Teori dan Praktikal*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Idris Awang (1996), Latihan Ilmiah Fakulti Syariah, *Jurnal Usuluddin*, bil. 5, Dis. 1996.

al-Jauzī, al-Ḥāfiẓ al-Imām Jamāl al-Dīn Abū al-Farāj Abd al-Rahmān (t.t), *Talbīs al-Iblīs*, Dār ‘Umar bin al-Khaṭṭāb al-Iskandariyyah, Misr.

al-Jizyi, al-Syeikh al Imam al- ‘Allamah al-Mufassar Abi al-Qasim Muhammad bin Ahmad (1995), *al-Tashil li al-‘Ulum al-Tashīl*, Beirut: Dar al-Kutb al-‘Ilmiyyah.

Lester D Crow, Alice Crow (1956), *Adolescent Development and Ad Justment*. New York: Mc Grow Hill Book Company, Inc.

Mahmud al-Alusi Abu al-Fadl (t.t), *Ruh al-Ma‘ani fī Tafsir al-Quran al-’Azim*, Beirut: Dar al-Ihya’ al-‘Arabiyyah.

Majdi Al-Hilali (t.t), *Wajibat as-Syab al-Muslim*, Dar al-Manar: Syubra.

Meyerson, S (1975), *Adolescene: The Crises of Adjusment*, London: George Allen & Unwin Ltd.

Mohd. Azmi Abdul Hamid (t.t), *Masyarakat Yang Sakit: Akibat Serangan Ekstasi Gaya Hidup, Budaya Pop dan Lucah*, Persatuan Pengguna Pulau Pinang:Pulau Pinang.

Muhammad Abdullah al-Khatib dan Muhammad Abdul Halim Hamid (2010), *Syarah risalah taa 'lim*, Tim al-I'tisom (terj), Jakarta: al-I'tisom.

Muhammad as-Sayyid Yusuf (Dr. ) (2002), *al-Quran al-Karim fī Islāh al-Mujtama'*, Kaherah: Dar as-Salam.

Muhammad Sayyid Tantawi (t.t), *Tafsir al-Waṣīt*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabi.

Muhammad Wahid Shamsuddin, (1999), *Sejarah Daerah Larut dan Matang*, Jabatan Sejarah dan Tamadun, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordina Mohd. Tamin (1988), *Psikologi Remaja*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Raymond G. Kuhlen (1952), *The Psychology of Adolescence Development*, New York: Harper and Row Publisher.

Sa 'ad Jalāl (Dr.) (1971), *Al-Marāji 'fi- 'Ilm al-Nafs*, Kaherah: Dār al-Ma 'ārif.

Sayed A. Rahman (1996), "Masalah Sosial di Kalangan Remaja dan Tindakan yang perlu dilakukan Pelbagai Pihak", *Jurnal Kebajikan*.

al-Sayūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān (t.t), *al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir fī al-Qawā’id wa Furū’ al-Fiqh al-Shāfi’iyyah*. Kaherah: al-Ḥalabī.

Sebald, H (1977), *Adolescence, A Social Psychological Analysis*, New Jersey: Prentice Hall, Inc. Englewood Cliffs.

Sejarah Daerah Larut dan Matang (2004), “ Sejarah Larut dan Matang”.

Tengku Asmadi (Dr. ) (2007), Peranan Ibu bapa terhadap Anak, *Harian Metro*, 3.Februari 2007.

‘Ulwan, ‘Abd ‘Allah Nasih ( 2003), *Daur as-Syabab fī Haml Risalah al-Islam*, Kaherah: Dar as-Salam.

..... (2002), *Hatta Yu ‘allim as-Syabab*, Dar as-Salam: Kaherah.

.....(1994), *Tarbiyyah al-Awlād Fī al-Islām*, j.2, c.25. Kaherah: Dār al-Salām.

Wahbah al-Zuhailī (1987), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Jil. 1, Damsyiq: Dār al-Fikr.

Zainal Abidin Safarwan (Hj.), *Kamus besar, Bahasa Melayu Utusan*, c. 1, Kuala Lumpur: Bahasa Melayu Utusan.

Zainal Mat Saat (1985), *Pengantar Statistik*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zakiah Darajdat (1976), *Pembinaan Remaja*, Jakarta: Bulan Bintang.

Zuraida binti Aziz (2009), “Masalah Lumba Haram di Kalangan remaja”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains dan Sosial, Universiti Malaya).

## **AKHBAR**

*Berita Harian*, Isnin, 10 Disember 2007:22. “82 terbabit lumba haram: Pasangan suami isteri, remaja antara ditahan polis dalam operasi 3 jam”.

*Harian Metro*, 29 Oktober 2007:4, “Trauma amukan ‘mat rempit’ ”.

*Harian Metro*, Khamis, 2 Ogos 2007:18, “5 pelajar rela tubuh ‘diratah’: Habuan nafsu tiga kumpulan ketika ibu bapa tiada di rumah”.

*Harian Metro*, 13 Februari 2008:5, “Krim seks ‘mat rempit’ ”.

*Harian Metro*, 13 Januari 2008, “Operasi ‘mat rempit’ ”.

*Harian Metro*, 2 Oktober 2007 “Kepala penyamun berusia 18 tahun, 14 ahli di tahan”.

—. *Harian Metro*, 31 Disember 2007: 10, “‘mat rempit’ serang polis”. —.

*Harian Metro*, 6 September 2007 :2 “Anak curi motor, bapa tutup mata”.

*Harian Metro*, 7 Mei 2007:8, “Jual tubuh prabayar: pelajar sekolah hanya minta tambah nilai talian telefon bimbit RM10”

*Harian Metro*, 9 Februari 2008:2, “Anggota polis kaki rempit”.

*Harian Metro*, Isnin , 6 Ogos 2007: 22, “Pelekat Lambang Kuasa ‘mat rempit’ ”.

*Harian Metro*, Isnin 14 Januari 2008:11, “Lumba tangan berbalut”.

*Harian Metro*, Jumaat 19 Oktober 2007:17, “Litar ‘ mat rempit ’ : PBT diminta sediakan kemudahan dengan kadar sewa yang berpatutan”.

*Harian Metro*, Khamis 6 September 2007: 7, “Remaja tikam dada polis: Rempuh anggota polis selepas dilihat dalam keadaan mencurigakan dalam rondaan cegah jenayah”.

*Harian Metro*, Selasa 1 Mei 2007:4. “Gadis berani mati”.

*Utusan Malaysia*, 1 Mac 2007:12, “Gantung lesen ‘mat rempit’ seumur hidup”.

*Utusan Malaysia*, 10 Februari 2008, “Dua konstabel cedera dirempuh pelumba haram”.

*Utusan Malaysia*, 11 September 2006, “Rujukan ‘mat rempit’ perlu ditukar”.

*Utusan Malaysia*, 11 September 2007:12, “Sikap tidak endah faktor budaya ‘mat rempit’ ”.

*Utusan Malaysia*, 12 November 2007:15, “25 motosikal disita”.

*Utusan Malaysia*, 12 Oktober 2006, “Perhimpunan ‘mat rempit’ ditangguh”.

*Utusan Malaysia*, 18 Julai 2007, “788 ‘mat rempit’ ditahan”.

*Utusan Malaysia*, 19 September 2006, “Anjur perhimpunan ‘mat rempit’ berperingkat-peringkat elak masalah”.

*Utusan Malaysia*, 2 Mac 2007:12, “Mantap institusi keluarga atasi gejala ‘mat rempit’ ”.

*Utusan Malaysia*, 2 Mac 2007:12, “Sokong panggil “Katak Rempit””.

*Utusan Malaysia*, 20 Julai 2007, “Wartawan nyaris dibelasah selepas tegur ‘mat rempit’ ”.

*Utusan Malaysia*, 21 Disember 2007:12, “Buang daerah ‘mat rempit’ ”.

*Utusan Malaysia*, 21 Oktober 2007, “Pegawai JPJ patah kaki di langgar ‘mat rempit’ ”.

*Utusan Malaysia*, 22 Februari 2007:8, “Syor tukar label ‘mat rempit’ kepada “Dajal Rempit””.

*Utusan Malaysia*, 22 Ogos 2007, “20 ‘mat rempit’ bergaduh di Hospital Selayang”.

*Utusan Malaysia*, 23 September 2006, “Perhimpunan 50,000 ‘mat rempit’ diteruskan”.

*Utusan Malaysia*, 24 Januari 2008, “ Belia Melaka digesa aktif persatuan”.

*Utusan Malaysia*, 25 September 2007, “Gerak fungsi dasar sosial Negara”.

*Utusan Malaysia*, 26 Disember 2007:4, “4 Kakitangan Kerajaan Ditahan Lumba Haram”.

*Utusan Malaysia*, 26 Februari 2007:12, “Tukar gelaran ‘mat rempit’ kepada “John Pit””.

*Utusan Malaysia*, 27 Disember 2007:12, “Syor rotan ‘mat rempit’ ”.

*Utusan Malaysia*, 27 September 2007. “Balai Polis Merbok dibaling bom petrol”.

*Utusan Malaysia*, 28 Jun 2007:14, “Pelajar Merempit Dipenjara 6 Bulan”.

*Utusan Malaysia*, 29 Januari 2008“Anggota polis dirempuh ‘mat rempit’ ”.

*Utusan Malaysia*, 30 Januari 2008, “25 CCTV di Batu Pahat”.

*Utusan Malaysia*, 6 Mei 2007:13, “Polis Parah dirempuh kereta ketika kejar ‘mat rempit’ ”.

*Utusan Malaysia*, 6 April 2007:12, “Guna khidmat tentera, PGA tangani ‘mat rempit’, ”.

*Utusan Malaysia*, 1 Februari 2008, “Sikap tidak peka faktor gejala sosial”.

*Utusan Malaysia*, 19 Februari 2007:11, “200 dipercayai Mat dan Minah Rempit ditahan”.

### **TEMUBUAL**

Temubual bersama Yusuf bin Mohamed, penduduk Kamunting, Perak, Jam 7.30 malam, 12 Ogos 2008.

Temubual bersama Silmi di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

Temubual bersama Izwandi di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

Temubual bersama Ustaz Yahya Abdullah, Bekas Naib Kadi Daerah Kamunting, Perak. Jam 8.00 malam, 12 Nov 2010.

Temubual bersama Ayie di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

Temubual bersama Hidayat, temubual di Taman Ria, Simpang, jam 8.00 malam, 20 April 2008.

Temubual bersama Hidayat, Temubual di Taman Ria, Simpang, jam 10.00 malam, 12 Julai 2009.

Temubual bersama Inspektor Zabidi, Pegawai Trafik Lalu lintas bagi IPD Taiping. Temubual pada jam 12 tengahari, 12 April 2008, di pejabat beliau.

Temubual bersama Azman bin Abdullah di dalam kereta ketika ingin ke Bandaraya Taiping, 3.00 ptg, pada 12 Dis. 2010.

Temubual bersama Ustaz Yahya Abdullah, Bekas Naib Kadi Daerah Kamunting, Perak. Jam 8.00 malam, 12 Nov 2010.

Pemerhatian penyelidik, Pemerhatian di Jalan Air Kuning, Taiping, jam 1.30 pagi, 12 Dis 2008.

Perbincangan bersama Zai Black, Hafiz Kampung Teratai, Hafiz kecil, Mizi, Silmi dan Izwandi. Di depan rumah Izwandi, jam 4.30 ptg, 13 Januari 2008.

Temubual bersama Sarjan Mejari Marzukhi b. Harun, PJK. SM Penguatkuasa/ Pentadbiran Trafik IPD Taiping, Perak. Temubual di pejabat beliau di Balai Polis Trafik Cawangan Taiping, Perak, jam 12.00 tgh, 17 Jun 2008.

—. Temubual bersama Silmi di Bengkel Achik, Kamunting, Jam 12 Malam, 5 Ogos 2008. —.

Temubual bersama Ilham di Kedai Makan Pengkalan Balak, Melaka, 5 petang, 7 Januari 2009.

Perbincangan bersama remaja yang terlibat dalam lumba haram di hadapan rumah Izwandi Ismail. Pada 2 Januari 2008.

Perbincangan bersama remaja yang terlibat dalam lumba haram di hadapan rumah Izwandi Ismail. Pada 2 Januari 2008.

Temubual bersama Amin di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

Temubual bersama Pak Kecik di padang bola SK Air Puteh, Perak. Jam 5.00 ptg, 02 Dis 2008.

Temubual bersama Izwandi di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

Temubual bersama Black di simpang tiga, Kg. Pak Dollah, Perak, jam 5.00 petang, 20 April 2008.

**Kajian Keterlibatan Remaja Dalam Perlumbaan Haram  
di Daerah Larut dan Matang, Perak: Kajian Daripada Perspektif Pembangunan Insan**

**Catatan:**

- 1 Soal selidik ini bertujuan untuk mengkaji Punca Remaja Terlibat Dalam Pembangunan Insan Perlumbaan Haram di Daerah Larut dan Matang, Perak: Kajian Daripada Perspektif
- 2 Semua maklumat yang diberikan oleh saudara adalah dirahsiakan dan hanya digunakan untuk tujuan kajian ini semata-mata.
- 3 Kerjasama daripada pihak saudara didahului dengan ucapan terima kasih.

**Bahagian A**

**Latarbelakang Responden**

**Sila tandakan (/) bagi maklumat dibawah:**

1 Tempat tinggal       Kampung  Taman

2 Umur       13-15  16-17

18-20  21- ke atas

3 Pekerjaan       Pelajar  Menganggur

Bekerja

4 Pekerjaan Bapa       Sendiri  Kerajaan

Swasta  Tidak bekerja

5 Pekerjaan Ibu       Sendiri  Kerajaan

Swasta  Suri rumah

6 Hak milik motorsikal       Sendiri  Keluarga

### Bahagian B

Sila tandakan (/) bagi maklumat dibawah. Anda perlu menanda satu daripada jawapan berikut:

**Bagi pandangan anda, adakah mat rempit di daerah Larut dan Matang, Perak terlibat dengan aktiviti di bawah ini?.**

- 1 Mencuri motosikal
- 2 Sanggup berjaga malam Menyaksikan perlumbaan
- 3 Mempunyai kumpulan lumba haram
- 4 Mengugut
- 5 Berzina
- 6 Tawaran hadiah perempuan
- 7 Tawaran hadiah wang
- 8 Melepak
- 9 Menganggur
- 10 Menjual komponen motosikal curi
- 11 Wanita terlibat dengan lumba haram
- 12 Minum arak/ menghidu gam (perkara yang memabukkan)
- 13 Memiliki teman wanita

Tinggi	Sederhana	Rendah

### Bahagian C

**Bulatkan bagi jawapan yang sesuai**

1. Tidak Setuju
2. Kurang Setuju
3. Setuju
4. Sangat Setuju
  
1. Bila balik rumah, mak ayah mesti berleter
  - 1    2    3    4
2. Kadang-kadang mak ayah aku berleter, aku buat tak layan
  - 1    2    3    4
3. Aku *tension* duduk rumah
  - 1    2    3    4
4. Aku bila duk rumah asyik berkung dalam bilik je
  - 1    2    3    4
5. Aku selalu sembahyang jemaah dengan keluarga
  - 1    2    3    4
6. Aku selalu tengok mak ayah aku solat
  - 1    2    3    4
7. Selalu mak ayah aku solat di awal waktu
  - 1    2    3    4

—.

—.

8. Dekat sekolah aku tengok ramai budak nakal  
1    2    3    4
9. Kadang aku kesian tengok cikgu kena buli  
1    2    3    4
10. Cikgu kadang malas nak layan kami  
1    2    3    4
11. Ada guru lebih menekankan pelajar untuk lulus di dalam peperiksaan  
1    2    3    4
12. Cikgu banyak fokus pelajar yang pandai je  
1    2    3    4
13. Ramai kawan aku terbiar dan tercicir dalam pelajaran  
1    2    3    4
14. Ramai kawan aku tinggal solat  
1    2    3    4
15. Solat dah tak jadi amalan dalam kalangan hidup pelajar  
1    2    3    4
16. Aku tengok kehidupan pelajar dah longgar dengan Tuhan  
1    2    3    4
17. ramai pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang saya kenali terlibat dalam lumba haram  
1    2    3    4
18. Aku suka melepak dengan kawan  
1    2    3    4
19. Hampir setiap hari aku melepak  
1    2    3    4
20. Aku melepak pun bukan buat benda jahat  
1    2    3    4
21. Aku melepak saja seronok-seronok dengan kawan  
1    2    3    4
22. Kalau ada masalah, aku cerita dengan kawan  
1    2    3    4
23. Kawan lebih memahami masalah aku daripada keluarga  
1    2    3    4
24. Cikgu kadang-kadang bagi jawapan skema  
1    2    3    4
25. Aku suka kawan jenis sempoi dan sekepala  
1    2    3    4
26. Aku suka kawan jenis enjoy  
1    2    3    4
27. Segmen kelakar boleh masuk dengan jiwa aku  
1    2    3    4
28. Bahan kelakar tu boleh jadi bahan gurauan bersempang dengan Kawan  
1    2    3    4
29. Filem aksi aku suka layan  
1    2    3    4
30. Kadang-kadang filem ni boleh jadi stok hilang boring  
1    2    3    4
31. Aku suka jugak filem hantu  
1    2    3    4
32. Kadang aku tengok jugak filem seks

—.

—.

1      2      3      4

33. Pernah aku tengok dengan kawan

1      2      3      4

**Sila tandakan (/) bagi maklumat di bawah :  
Anda boleh memilih lebih daripada satu jawapan.**

34. Apakah siaran radio yang anda minati?

Era FM	
Fly FM	
Hot FM	
Ikim FM	
Suria FM	
Perak FM	

35. Apakah siaran televisyen kegemaran yang anda minati?

Filem cinta	
Berita	
Bentuk Keagamaan, seperti al-Kuliah, al-Halaqah)	
Filem berbentuk aksi seperti Impak Maksima	
Segmen kelakar seperti Ek Eleh, Lu fikrlah sendiri	

**SOALAN TAMAT – TERIMA KASIH KERANA SUDI MENJAWAB**

**3.3 (b) Istilah Pelumba Haram**

Antara penggunaan istilah yang digunakan bagi menghubungkan antara mereka ialah:

- 1) Korek blok: Luaskan lubang Blok
- 2) Operate: membuka enjin
- 3) Barai: Rosak
- 4) Spoket: bahagian dalam enjin
- 5) Cuci mangkuk: orang yang penghabisan ditiduri dengan perempuan
- 6) Skodeng: mengendap orang yang sedang berdua-duaan antara lelaki dan perempuan
- 7) Kacau daun: mengganggu seseorang yang sedang berasmara
- 8) Bikin gua panas: Perbuatan yang menyebabkan seseorang itu marah
- 9) Joki: Pelumba Haram
- 10) Gebang: Tipu
- 11) *Wikang-* angkat tayar belakang
- 12) *Willie-* angkat tayar hadapan, pacak
- 13) Seret helmet: Mengangkat tayar hadapan dan pembonceng belakang mengheretkan helmet yang di pakainya di atas jalan raya.
- 14) Asah lampu: Mengangkat tayar hadapan sehingga lampu belakang di geserkan ke atas jalan raya.
- 15) Seret *crier*: mengangkat tayar hadapan sehingga *crier* belakang digeserkan di atas jalan raya.
- 16) *Corner baring*: membelok
- 17) *Corner cecah lutut*: membelok sehingga terkena lutut
- 18) *Corner kena stand*: membelok sehingga *stand* di geserkan di atas jalan raya.
- 19) Kantoi- terdedah sesuatu perkara yang dirahsiakan
- 20) Sepam dua- menghisap rokok sekali dua

- 21) Ranggi *town-* pusing mengelilingi bandar
- 22) Rewang: bersiar-siar tanpa arah tujuan dengan menggunakan motosikal
- 23) *Test power-* menguji kelajuan motosikal
- 24) Macam Cibai- Macam bagus
- 25) Sayup- jauh ketinggalan
- 26) Poyo-syok sendiri
- 27) Gua-saya
- 28) Honda Bulat: Motosikal Honda cc 50
- 29) Honda Petak: Motosikal Honda cc 70
- 30) Lu- awak
- 31) Kena Kencing- kena tipu
- 32) Kuda putih-motosikal polis trafik 750cc
- 33) Masuk dalam: masuk penjara
- 34) Bogon/ Bon –polis
- 35) Kenduri: melakukan perlumbaan haram

—•

—•

## KESALAHAN PELUMBA HARAM<sup>159</sup>

### 1. Tidak memiliki Lesen memandu

Kesalahan ini di letakkan di bawah seksyen 26 (2) 19 (2), Denda sebanyak RM1000 atau 3 bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

### 2. Tidak berhenti ketika ditahan ketika polis berpakaian seragam.

kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen 55, dan hukumannya dibawah seksyen 119 (2), kadar kompaun bagi kesalahan ini ialah RM300.

### 3. Tidak berhenti disekatan jalan.

kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen 78 (2), dan hukumannya di bawah seksyen 78 (2), kadar kompaun bagi kesalahan ini ialah RM300.

### 4. Menaja atau menyertai lumba haram.

Kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen 81, dan hukuman kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen 81 (2) dan 81 (3), yang mana denda yang dikenakan RM2000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Manakala hukuman bagi seksyen 81 (3) akan dikenakan denda sebanyak RM2000, atau 6 bulan penjara dan lesen di gantung 1 tahun.

### 5. Tidak pasang cermin sisi motorsikal.

kesalahan ini di bawah seksyen K.21 MV (C/U), Hukuman bagi kesalahan ini di bawah seksyen 119 (2), yang mana kadar kompaun yang dikenakan sebanyak RM100.

---

<sup>159</sup> .....(2003), *Panduan Pembelajaran kurikulum Pendidikan Pemandu*, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Edisi 1, h.113.

**6. Lampu isyarat tidak berfungsi**

kesalahan ini di bawah seksyen K.25 MV (C/U), Hukuman bagi kesalahan ini di bawah seksyen 119 (2), yang mana kadar kompaun yang dikenakan sebanyak RM150.

**7. Lampu brek tidak berfungsi atau nyalaan berkepil atau bukan berwarna merah jingga.**

Kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen K.26 MV (C/U), Hukuman bagi kesalahan ini di bawah seksyen 119 (2), kompaun yang di kenakan bagi kesalahan ini ialah sebanyak RM150.

**8. Ekzos bunyi bising,**

Kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen K.109 MV (C/U), Hukuman bagi kesalahan ini di bawah seksyen 119 (2), kompaun yang di kenakan bagi kesalahan ini ialah sebanyak RM150.

**9. Tiada perlindungan insurans.**

Kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen 90 (1), hukuman bagi kesalahan ini di bawah seksyen 90 (2) dan jika sabit kesalahan akan dikenakan denda RM1000 atau penjara 3 bulan atau kedua-duanya dan lesen akan digantung selama 12 bulan.

**10. Memandu/ menyebabkan/ membenarkan memandu di bawah umur.**

Kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen 39, Hukuman bagi kesalahan ini di bawah seksyen 39 (5), Denda yang di kenakan bagi kesalahan ini ialah sebanyak RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**11. Pemilik gagal kemukakan insurans.**

Kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen 103, Hukuman bagi kesalahan ini di bawah seksyen 103, kompaun yang di kenakan bagi kesalahan ini ialah sebanyak RM100.

**12. Memandu secara melulu dan membahayakan dan menyebabkan kematian.**

Kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen 41, Hukuman bagi kesalahan ini di bawah seksyen 41, denda yang di kenakan bagi kesalahan ini ialah penjara mandatori 2 hingga 10 tahun dan denda RM 500 hingga 2000 dan digantung lesen memandu bermula daripada arikh mahkamah sehingga gakes di putuskan penjara.

**13. Tidak memakai topi keledar**

Kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen K.4 MS (SH, Hukuman bagi kesalahan ini di bawah seksyen 119 (2), denda yang di kenakan bagi kesalahan ini sebanyak RM100.

**14 Memotong cara berbahaya/ susahkan orang lain atau tidak benar kenderaan lain memotong atau meninggikan kelajuan.**

Kesalahan ini diletakkan di bawah seksyen K.6RTR(LN 166/59), Hukuman bagi kesalahan ini di bawah seksyen 119(2), denda yang di kenakan bagi kesalahan ini ialah sebanyak RM150.

## **15. Pengaruh alkohol**

Seseorang yang memandu atau cuba memandu sesuatu kenderaan motor di jalan atau di tempat awam, di bawah pengaruh minuman yang memabukan atau dadah sehingga menyebabkannya tidak terdaya mengawal kenderaan dengan baik. Kesalahan ini di kategorikan di bawah seksyen 44(1) yang kesalahannya boleh dipenjara selama 6 bulan atau denda sebanyak RM2,000. Jika dilakukanya buat kali kedua akan dikenakan penjara 1 tahun, atau denda sebanyak RM4,000 atau kedua-duanya sekali.

#### LAMPIRAN 4



Motosikal yang digunakan untuk tujuan observasi